


Lampiran 4: Makna Bestari

MAKNA BESTARI

1. Dalam memberi makna kepada bestari, ada individu yang mentafsirkan dan mengaitkan bestari dengan benda, tingkah laku atau produk. Kalau cikgu, apa yang dapat cikgu tafsirkan dengan ‘bestari’?
2. Dalam konteks pendidikan sekolah, makna bestari membabitkan beberapa aspek, iaitu benda, akhlak atau tingkah laku, proses, dan budaya (lihat rajah berikut):




3. Rujuk kepada makna bestari yang boleh ditafsirkan dari aspek benda (benda itu mungkin alat atau mungkin juga teknologi atau benda lain), bestari tu benda apa cikgu?
4. Merujuk kepada makna bestari dari aspek tingkah laku atau akhlak, misalnya, Siti, dia menganggap ibunya sebagai seorang yang bestari, saya pula memilih pensyarah matematik saya sebagai orang yang bestari. Kalau cikgu, siapa yang cikgu anggap bestari?
 - . Mengapa cikgu kata dia bestari?
 - . Bagaimana bentuk perlakuan atau akhlak yang bestari?

- . Apa beza perlakuannya dengan orang yang tidak bestari?
5. Dalam memberi makna bestari dari aspek proses pendidikan di sekolah, apakah yang dapat cikgu tafsirkan tentang makna bestari dari sudut proses pendidikan di sekolah?
6. Sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di sekolah, sudah tentu ada produk yang dikeluarkan, iaitu pelajar. Dalam konteks ini, apa makna bestari jika ditafsir dari sudut pelajar yang hendak dihasilkan?
- . Mengapa cikgu kata begitu?
 - . Bagaimana prestasinya?
 - . Apa ciri-ciri?
 - . Mengapa jadi begitu?
7. Ada orang menyebut makna bestari boleh dibincangkan dari sudut budaya sekolah. Budaya sekolah membabitkan seluruh objek material dan idea yang digunakan oleh individu dalam sesebuah sekolah untuk menjalani kehidupan di sekolah. Budaya meliputi pengetahuan, kepercayaan, teknologi, bahasa, dan nilai yang ada.
8. Jadi, apakah makna bestari dari sudut budaya sekolah?
- a. Budaya pengetahuan yang bagaimana dikatakan bestari?
 - b. Aspek teknologi yang bagaimana bestari?
 - c. Aspek bahasa yang bagaimana bestari ?
 - d. Aspek kepercayaan yang bagaimana bestari?
 - e. Aspek nilai yang bagaimana bestari?
9. Jadi, bestari itu sebenarnya apa?

Lampiran 5 : Makna Pendidikan Bestari

MAKNA PENDIDIKAN BESTARI

1. Kalau kita bincang tentang pendidikan bestari dalam konteks sekolah, apa makna pendidikan bestari di sekolah?
2. Apabila disebut pendidikan dalam konteks sekolah, kita mungkin boleh lihat dari beberapa aspek (rujuk rajah berikut):




3. Merujuk kepada pendidikan bestari di sekolah, bagaimana kemudahan yang sepatutnya ada dalam pendidikan bestari di sekolah?
 - Bagaimana kualitinya?
 - Apakah jenis bantu mengajar dalam pendidikan bestari di sekolah?
4. Merujuk kepada program pendidikan bestari di sekolah, ia melibatkan himpunan proses tertentu, iaitu apa yang berlaku dan bagaimana dikatakan bestari. Kalau cikgu, apakah program yang seharusnya dilaksanakan dalam pendidikan bestari?
 - Apakah proses yang perlu ada dalam program pendidikan bestari.
 - Apakah pula proses yang bukan bestari?

5. Jika kita sebut pendidikan bestari di sekolah ia juga melibatkan aspek budaya sekolah.
Jadi, apa yang dapat cikgu tafsirkan tentang budaya dalam konteks pendidikan bestari?
6. Dalam memberi makna kepada pendidikan bestari, dari beberapa aspek di atas, aspek manakah yang cikgu rasa paling penting dalam pendidikan bestari?
7. Jadi, pendidikan bestari itu apa cikgu?

Lampiran 6 : Asas Falsafah Yang Mendasari Pendidikan Bestari

ASAS FALSAFAH YANG MENDASARI PENDIDIKAN BESTARI

1. Kalau kita hendak buat rumah, mesti ada tapak rumah, kalau pokok mesti ada akar sebagai dasarnya. Kalau pendidikan bestari, apa benda utama yang perlu membentuk tapak ini (Subjek ditunjukkan dengan melukis tapak bulatan kosong).
2. (Sekiranya guru sukar untuk menjawab soalan di atas, lukis bulatan ini).



Dalam pendidikan sekarang, ada empat benda besar iaitu:

- a. Pengetahuan
- b. Adab
- c. Logik
- d. Asal usul

Kita ambil pengetahuan itu boleh jadi ilmu pengetahuan maklumat. Adakah pengetahuan, maklumat, dan ilmu itu sama atau berbeza?

Apakah makna pengetahuan, ilmu, dan maklumat? Apakah ciri-ciri ketiga-tiganya?

3. Apakah bentuk pengetahuan, maklumat, dan ilmu yang sesuai dijadikan tapak pendidikan bestari?
 - a. Sekiranya pengetahuan, bagaimana pengetahuan yang sesuai untuk dijadikan tapak pendidikan bestari?
 - b. Sekiranya ilmu, bagaimana yang sesuai untuk dijadikan tapak pendidikan bestari?
 - c. Sekiranya maklumat, bagaimana maklumat yang sesuai untuk dijadikan tapak pendidikan bestari?
4. Pendidikan bestari melibatkan perlakuan hidup, iaitu bagaimana manusia bertindak, melibatkan cita rasa masnusia. Jadi, apakah bentuk perlakuan atau adab yang kita rasa sesuai untuk dijadikan asas pendidikan bestari?
5. Dalam konteks cita rasa manusia yang membabitkan kecantikan atau keunikan. Apakah keunikan yang ada yang boleh dijadikan asas pembentukan pendidikan bestari?
6. Logik membabitkan pemikiran atau penghujahan, iaitu bagaimana cara berfikir dan mengesahkan sesuatu. Logik juga merujuk kenyataan benar atau palsu, iaitu bagaimana mengemukakan pandangan bernes tentang pendidikan bestari, bagaimana menyokong, dan menolak dakwaan dan apakah bentuk pemikiran yang mantap atau tidak mantap. Dalam konteks pendidikan bestari, bagaimana bentuk penghujahan yang sesuai dimasukkan untuk dijadikan tapak pendidikan bestari?


Dari keempat-empat aspek di atas, bahagian manakah yang paling penting untuk dijadikan tapak pendidikan bestari?

8. Kalau orang sebut falsafah, falsafah itu apa dia cikgu?
9. Apakah falsafah yang sesuai digunakan sebagai tapak bagi kita untuk membentuk pendidikan bestari?

Lampiran 7: Asas Psikologi Yang Mendasari Pendidikan Bestari

MAKNA ASAS PSIKOLOGI YANG MENDASARI PENDIDIKAN BESTARI

1. Dalam pendidikan bestari.
 - Apakah pandangan cikgu tentang manusia?
(Manusia tu siapa?)
 - Bagaimana manusia tumbuh dan berkembang?
 - Apakah peranan pendidikan bestari dalam kehidupan manusia (pelajar)?
2. Apakah yang mendorong manusia untuk melakukan sesuatu?
3. Apakah aspek perkembangan manusia yang ditekankan dalam pendidikan bestari
(lihat rajah berikut):




4. Apakah aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari? Bagaimana ia ditekankan?
5. Apakah aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari? Bagaimana ia ditekankan?
6. Apakah aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari? Bagaimana ia ditekankan?

7. Apakah aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari? Bagaimana ia ditekankan?

Lampiran 8: Makna Kurikulum Bestari


MAKNA KURIKULUM BESTARI

1. Dalam memberi makna kepada kurikulum, ada orang mentafsirkan dan mengaitkan makna kurikulum dengan perancangan, ada yang melihat dari sudut proses.
 - Dalam konteks pendidikan bestari di sekolah, kurikulum tu apa maknanya cikgu?
 - Kurikulum bestari tu apa pula maksunya?
2. Dalam konteks pendidikan bestari, apakah perkara atau komponen utama yang perlu ada dalam kurikulum bestari?
 - Sekiranya guru tidak dapat menyatakan komponen tersebut, tunjukkan rajah berikut):



3. Merujuk kepada komponen tujuan (pernyataan tujuan pendidikan berdasarkan aspirasi masyarakat yang hendak dicapai melalui sekolah), apakah tujuan atau objektif yang sesuai untuk dimasukkan dalam kurikulum bestari?

4. Apakah pula isi kandungan yang sesuai untuk dimuatkan dalam kurikulum bestari cikgu?
 - Apakah aspek pengetahuan, nilai, dan kemahiran yang perlu ditekankan?
 - Apakah bidang ilmu yang sesuai?
 - Apakah jenis aktiviti yang perlu disediakan?
5. Apakah pendekatan pengajaran dan pembelajaran atau metodologi (untuk menyusun dan melaksana) yang sesuai untuk dimasukkan dalam kurikulum bestari?
6. Apakah pendekatan penilaian (untuk mengukur sejauh mana keberkesanan pengajaran) yang sesuai untuk dimasukkan dalam kurikulum besatri?
7. Apakah komponen-komponen kurikulum tadi, manakah komponen yang cikgu anggap paling penting dalam kurikulum bestari? Mengapa?
8. Bila sebut kurikulum, ada yang kata kurikulum tersurat dan kurikulum tersirat.



- Merujuk kurikulum tersurat itu, apakah maksudnya cikgu?
- Apa yang tersurat dalam kurikulum bestari?
- Apa pula bezanya dengan kurikulum tersurat yang ada sekarang?
- Merujuk kurikulum tersirat itu apakah maknanya?
- Apa pula beza dengan kurikulum tersurat yang ada sekarang?

9. Jadi, kurikulum bestari itu apa dia cikgu?

Lampiran 9 : Makna Pembelajaran bestari

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

AS11673308

MAKNA PEMBELAJARAN BESTARI

1. Dalam pendidikan, ada orang mentafsirkan pembelajaran dari sudut proses yang berterusan. Ada pula mentafsir pembelajaran dari aspek tingkah laku. Dalam konteks pendidikan bestari, pembelajaran itu apa maknanya cikgu?

- Belajar itu apa sebenarnya?
- Belajar bestari itu apa pula maknanya?

2. Apakah perkara-perkara utama yang ditekankan dalam pembelajaran bestari?

3. Sekiranya guru tidak dapat menyatakan, tunjukkan jadual berikut:

Perkara	Belajar bestari	Belajar biasa
a. Cara pembelajaran		
b. Kaedah pembelajaran		
c. Aktiviti pembelajaran		
d. Bahan pembelajaran		


- Merujuk kepada a, iaitu cara pembelajaran, (misalnya cara individu, berpasangan, dan berkumpulan, dan sebagainya), cara belajar bagaimana yang sesuai ada dalam pembelajaran bestari? Apakah beza dengan cara pembelajaran bukan bestari?
- Merujuk kepada kaedah, kaedah bagaimana yang sesuai ada dalam pembelajaran bestari? Apakah beza dengan kaedah pembelajaran bukan bestari?

- Merujuk kepada bahan, bahan bagaimana yang sesuai ada dalam pembelajaran bestari? Apakah beza dengan bahan pembelajaran bukan bestari?
 - Merujuk kepada aktiviti, aktiviti bagaimana yang sesuai ada dalam pembelajaran bestari? Misalnya, semasa murid belajar membaca dan memahami sajak ‘Ku Pijak Di bumi Bertuah’ (bergantung tajuk sajak yang dipelajari), bagaimana aktiviti yang sesuai dijalankan dalam kelas bestari? Adakah ia berbeza dengan aktiviti pembelajaran bukan bestari?
4. Apakah perkara paling penting dalam pembelajaran bestari?
 5. Jadi, pembelajaran bestari tu apa dia cikgu?

Lampiran 10: Pengajaran Bestari


MAKNA PENGAJARAN BESTARI

1. Dalam pendidikan, sesetengah ahli pendidik mentafsirkan makna pengajaran dari sudut proses atau usaha ke arah perubahan tingkah laku. Kalau cikgu, apakah sebenarnya pengajaran?
2. Sekarang ini kita ada dengar ada pengajaran bestari. Jadi pengajaran bestari itu apa?
3. Pengajaran bestari tu sama tak dengan pengajaran bukan bestari?
4. Apakah komponen-komponen penting dalam pengajaran? (Sekiranya guru tidak dapat menyatakan komponen-komponen pengajaran, tunjukkan rajah berikut):



5. Dalam mengajar bestari ada empat perkara utama, iaitu:
 - Tindakan atau perlakuan
 - Fikiran
 - Afektif
 - Rohani

6. Kita ambil pemikiran, iaitu apa yang kita fikir semasa mengajar. Jadi, semasa melaksanakan pengajaran bestari, apa yang cikgu fikirkan? Sama tak dengan apa yang difikirkan semasa pengajaran bukan bestari?
7. Mengajar juga membabitkan aspek afektif, iaitu perasaan. Apa perasaan cikgu semasa menjalankan pengajaran bestari? Sama tak dengan pengajaran bukan bestari?
8. Selain itu, kita ambil aspek rohani. Rohani membabitkan pembinaan kekuatan keimanan dan keuatan tazkiyah (penyucian diri). Adakah cikgu rasa pengajaran bestari boleh membentuk hubungan secara langsung antara kita dengan Pencipta?
9. Adakah mengajar bestari membantu ke arah meningkatkan sifat terpuji dan menghapuskan sifat yang keji?
10. Dalam mengajar bestari, apakah bentuk tingkah laku yang cikgu hendak hasilkan?
Berakh�ak itu apa?
Yang baik itu apa maksudnya?
10. Dalam pengajaran bestari juga membabitkan perlakuan atau tindakan, iaitu apa yang cikgu lakukan sebelum, semasa, dan selepas mengajar bestari?
 - a. Kita ambil **sebelum** mengajar bestari, apa yang cikgu buat?
Bagaimana cikgu susun isi?
Apa bahan yang cikgu guna?
 - b. **Semasa** mengajar bestari, apa yang cikgu buat?
Merujuk kepada pengurusan masa, bagaimana cikgu mengurus masa 45 minit mengajar?



Berapa lama masa mengajar?

Berapa lama masa pembelajaran akademik?

Berapa lama masa untuk penyelesaian masalah?

- c. Semasa mengajar bestari, apa bentuk soalan yang selalu cikgu kemukakan? Bila? Banyak mana soalan dikemukakan semasa mengajar? Bagaimana cara soalan dikemukakan?
- d. Di akhir pengajaran bestari tu apa cikgu buat?
 - Apakah bentuk kerja yang cikgu beri?
 - Apa bentuk pengiktirafan yang diberi terhadap hasil kerja murid?
 - Kalau ada refleksi tentang pengajaran, bagaimana cikgu buat?
- e. Dalam pengajaran bestari, banyak mana peranan yang cikgu mainkan?
 - Apa maksud pembimbing?
 - Apa beza dengan pengajar?
 - Apa lagi peranan guru dalam pengajaran bestari?

Lampiran 11 : Episod Pengajaran

**EPISOD PENGAJARAN: PEMERHATIAN PENGAJARAN BESTARI
DALAM BILIK DARJAH**

Sebelum Mengajar

- Apakah isi kandungan yang hendak diajar?
- Apakah persediaan atau perancangan yang dibuat sebelum mengajar?
- Apakah unsur bestari yang jelas hendak diterapkan?
- Apakah kemahiran generik yang digunakan dalam pengajaran anda?
- Apakah strategi penilaian yang anda gunakan?

Selepas Mengajar


- Apakah yang cikgu buat dalam kelas tadi?
- Apakah yang bestari semasa cikgu mengajar berbanding kelas biasa?
- Bagaimana bestari yang cikgu maksudkan?
- Apakah unsur bestari dalam pengajaran cikgu tadi?
- Apakah unsur tidak bestari?
- Apakah cadangan cikgu untuk mengatasinya?

Lampiran 12 : Makna Pentaksiran Bestari

MAKNA PENTAKSIRAN BESTARI

1. Dalam memberi makna kepada pentaksiran, ada orang yang mentafsir dan mengaitkan dengan benda, proses, dan hasil. Kalau cikgu, apa makna pentaksiran?
2. Apa pentaksiran bestari?
3. Kalau orang kata hendak taksir cara bestari, apa hendak kita buat?
4. Apa yang ditaksir?
5. Apakah perkara-perkara yang perlu ditekankan dalam pentaksiran bestari?

(Sekiranya guru kurang jelas, tunjukkan rajah berikut):



- a. Apakah sebab atau tujuan mentaksir cara bestari? Sama tidak dengan tujuan pentaksiran cara bukan bestari?

- b. Apakah kaedah yang sesuai untuk mentaksir cara bestari? Apa beza dengan kaedah bukan bestari?
- c. Apa pula fokus pentaksiran bestari? Apa beza dengan fokus pentaksiran bukan bestari?
- d. Apakah alat yang sesuai digunakan dalam pentaksiran bestari? Beza tak alat yang digunakan dalam pentaksiran bukan bestari?
- e. Bilakah pentaksiran bestari ini perlu dilakukan? Bagaimana pula masa yang diperlukan? Beza tak dengan masa pentaksiran bukan bestari?
- f. Bagaimana prestasi atau markah yang mungkin terhasil dari pentaksiran bestari? Beza tak dengan prestasi dalam pentaksiran yang ada?
- g. Siapakah yang sepatutnya terlibat dalam pentaksiran bestari?

Lampiran 13: Makna Penggunaan Teknologi Bestari

MAKNA PENGGUNAAN TEKNOLOGI BESTARI

1. Dalam kelas bestari, ada orang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi. Jadi, teknologi tu apa cikgu?
2. Kalau orang sebut teknologi bestari tu apa dia cikgu?
3. Bagaimana pula guna teknologi cara bestari?
4. Sama tak dengan teknologi maklumat?
5. Apakah jenis teknologi yang boleh digunakan dalam kelas bestari?
 - Jenis lain yang digunakan dalam kelas bestari?
 - Apa beza jenis A dengan jenis B?
 - Mengapa tak guna jenis A sahaja?
6. Soalan seterusnya dinyatakan dalam jadual berikut:

Perkara	Pengajaran bestari
a. Jenis	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah jenis teknologi yang boleh cikgu gunakan dalam kelas bestari? • Adakah jenis lain yang digunakan? • Mengapakah tidak gunakan jenis A saja atau B saja?
b. Kekerapan	<ul style="list-style-type: none"> • Bila cikgu gunakan teknologi jenis A dan jenis B? • Bagaimanakah kekerapan cikgu menggunakan teknologi jenis A atau jenis B semasa mengajar dalam kelas bestari? • Adakah ia digunakan setiap kali pengajaran?
c. Kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengapa teknologi penting dalam pengendalian kelas bestari Bahasa Melayu? • Bagaimanakah pentingnya komputer dalam pengajaran Bahasa Melayu?


sambung ...

	<ul style="list-style-type: none">• Apakah peranan alat teknologi yang lain yang digunakan untuk mengajar tema 1-5?
d. Orientasi	<ul style="list-style-type: none">• Dalam mengajar Bahasa Melayu, apakah pendekatan yang digunakan dalam pengendalian teknologi maklumat berasaskan pengajaran berpusatkan pelajar?• Semasa cikgu mengajar Bahasa Melayu, apakah pendekatan pengajaran dalam pengendalian teknologi maklumat berasaskan pengajaran berpusatkan pelajar?• Adakah pendekatan lain yang digunakan dalam mengajar Bahasa Melayu?


Lampiran 14 : Makna Pengurusan Bestari

MAKNA PENGURUSAN BESTARI

1. Bila sebut tentang pendidikan bestari, ia juga membabitkan aspek pengurusan bestari di sekolah. Jadi, pengurusan bestari tu apa maknanya cikgu?
2. Pengurusan bestari di sekolah dikatakan membabitkan aspek akademik dan non akademik (lihat rajah berikut) :



- Pengurusan bestari dari aspek akademik tu apa?
 - Pengurusan bestari non akademik apa pula maksudnya?
3. Apakah komponen-komponen atau bahagian-bahagian dalam pengurusan bestari di sekolah cikgu? Sekiranya guru tidak jelas tentang komponen pengurusan bestari, tunjukkan aspek-aspek seperti dalam rajah berikut:



4. Merujuk kepada aspek penggunaan teknologi, apakah yang dimaksudkan pengurusan bestari dari sudut penggunaan teknologi? (Seterusnya diulang soalan ini hingga aspek 8, iaitu penggunaan peralatan).
5. Apakah yang dimaksudkan pengurusan bestari yang menyeluruh dalam konteks pendidikan bestari di sekolah?
6. Jadi, pengurusan bestari tu apa maknanya cikgu?

Lampiran 15: Analisis rumusan kajian kes

Siti

Siti ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk tingkatan satu dan dua. Siti mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Sains Malaysia dalam pengkhususan Sains Kemasyarakatan. Beliau mengajar selama lima tahun sejak tahun 1996 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti beberapa seminar, taklimat, dan bengkel mengenai pelaksanaan pendidikan bestari khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran anjuran sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Malahan beliau terlibat dalam projek penghasilan pakej pengajaran dan pembelajaran anjuran pihak sekolah.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Siti tentang bestari membabitkan dua aspek iaitu, makna bestari dan makna pendidikan bestari. Makna bestari dan makna pendidikan bestari dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 18).

Jadual 18 Makna bestari dan makna pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	Bestari sebagai cerdik, bijak, dan pintar
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Bestari adalah pandai, bijak, berilmu pengetahuan, dan bermaklumat.</p> <p>Berkebolehan menggunakan alat media elektronik dan media cetak.</p> <p>Bertingkah laku baik mengikut lunas agama</p> <p>Mentaati perintah Tuhan dan menjauhi laranganNya, mengamalkan nilai positif, dan mengamalkan penggunaan teknologi canggih.</p> <p>Bersih, selesa, cantik, menepati masa, cekap, dan fleksibel.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Metafora bestari 	Guru bestari diibaratkan sebagai dinasour.
Pendidikan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran Mental 	Satu usaha melahirkan pelajar yang cemerlang. Menggambarkan pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan guru yang berilmu pengetahuan, mahir menggunakan teknologi, mahir mengajar, positif terhadap perubahan pendidikan. Pendidikan bestari digambarkan sebagai sesuatu yang berkait dengan pengurusan yang teratur, sistematis, dan menggunakan komputer.
<ul style="list-style-type: none"> • Makna Umum 	<p>Satu proses bersepdu dan seimbang. Membabitkan usaha mencungkil dan mengembangkan potensi individu secara optimum melalui pelbagai cara.</p> <p>Membabitkan penggunaan kemudahan teknologi elektronik dan bukan elektronik, mempunyai kemudahan yang lengkap, mencukupi, tahan guna, dan sentiasa dalam keadaan baik.</p> <p>Melaksanakan program pengendalian komputer, bimbingan peperiksaan dan akademik, kerohanian, dan kesihatan.</p> <p>Membabitkan proses pengajaran dan pembelajaran yang teratur dan sistematis.</p> <p>Mengamalkan budaya kerja bestari, budaya penyayang, dan budaya kebersihan.</p>

Gambaran mental bestari. Siti menggambarkan bestari sebagai cerdik, bijak, dan pintar. Menurut beliau, cerdik membabitkan kebolehan menyelesaikan sesuatu masalah, manakala bijak pula merupakan kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan sekitar. Selain itu, Siti menggambarkan pandai sama dengan pintar, iaitu kebolehan seseorang memperoleh markah A dalam pelajaran.

Makna umum bestari. Secara khusus, Siti berpendapat bahawa bestari adalah pandai, bijak, pintar, berilmu pengetahuan, dan bermaklumat. Menurut Siti, bestari itu pandai dalam pelajaran dengan pencapaian markah 90-100 atau gred A. Beliau menganggap bestari sebagai pintar dan bijak, iaitu berkemampuan menyumbang idea yang bernas, menyelesaikan masalah, menjana idea, dan mempunyai daya ungkatan yang kuat. Siti juga berpendapat bestari merujuk tingkah laku yang baik. Menurut beliau, tingkah laku yang baik membabitkan tingkah laku terpuji yang secocok dengan kehendak Islam seperti mentaati perintah Tuhan, menjauhi laranganNya, mengaplikasi nilai yang baik, mahir menggunakan teknologi, dan berkebolehan mengurus masalah. Siti menganggap bestari sebagai berilmu pengetahuan dalam bidang ilmu dunia, ilmu agama, dan maklumat terkini. Selain itu, beliau mentafsirkan bestari itu satu kebolehan menggunakan alat elektronik dan media cetak. Bagi Siti, media cetak dan alat elektronik membekalkan bahan yang boleh membantu peningkatan ilmu. Bestari juga dianggap sebagai sesuatu yang berkait dengan persekitaran yang bersih, selesa, dan cantik. Siti berpendapat guru yang bestari adalah guru yang cekap melaksanakan tugas, menepati masa, dan fleksibel.

Metafora bestari. Siti mengibaratkan guru bestari sebagai dinasour. Menurut beliau, dinasour merupakan haiwan besar yang mempunyai sifat berani, sabar, dan kuat. Beliau

menganggap guru yang bestari sebagai guru yang mempunyai sifat keberanian, kesabaran, dan kesediaan guru menerima dan melaksanakan perubahan.

Gambaran mental pendidikan bestari. Siti menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang. Menurut Siti, pelajar yang cemerlang mempunyai kemampuan memperoleh gred A dalam peperiksaan. Beliau juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan guru yang berilmu pengetahuan, iaitu mempunyai ilmu dalam bidang yang diajar, mahir mengurus teknologi, mahir mengajar, dan bersikap positif terhadap perubahan pendidikan. Seterusnya, Siti membayangkan pendidikan bestari sebagai sesuatu yang membabitkan penggunaan komputer untuk memperoleh maklumat, merekodkan maklumat, mengurus pendidikan secara teratur, sistematik, dan cepat.

Makna umum pendidikan bestari. Siti menganggap pendidikan bestari sebagai satu proses bersepadu dan seimbang. Beliau menjelaskan proses bersepadu dan seimbang membabitkan penyepaduan aspek rohani, jasmani, emosi, dan intelek yang mampu melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan cemerlang kerohanian. Menurut beliau, pendidikan bestari membabitkan penggunaan pendekatan tertentu seperti kemahiran berfikir, penerapan nilai murni, penghayatan agama pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, dan penglibatan aktif pelajar dalam proses pendidikan. Siti juga berpendapat pendidikan bestari merujuk satu usaha mencungkil potensi pelajar secara optimum menggunakan pelbagai cara seperti kepelbagaian aktiviti dan memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada semua pelajar. Bagi Siti, pendidikan bestari membabitkan penggunaan komputer, radio, televisyen, surat khabar,

dan majalah. Malahan beliau menjelaskan bahawa pendidikan bestari membabitkan kemudahan yang lengkap, mencukupi, tahan guna, dan dalam keadaan baik.

Selain itu, Siti menjelaskan pendidikan bestari sebagai satu proses yang membabitkan peningkatan ilmu, pemantapan akademik, kerohanian, dan kesedaran kesihatan. Seterusnya, beliau menganggap budaya bekerja yang sistematik, iaitu meningkatkan ilmu dalam bidang tugas, menyempurnakan tugas dengan cepat, dan membentuk hubungan yang baik antara warga sekolah. Siti juga berpendapat pendidikan bestari berbeza dengan pendidikan bukan bestari. Antara lain, Siti menganggap pendidikan bukan bestari sebagai satu proses mengembangkan potensi individu secara tidak seimbang antara aspek kerohanian dan aspek kebendaan. Menurut Siti, pendidikan bukan bestari menumpukan kepada kecemerlangan akademik dan tidak memberi tumpuan yang sewajarnya pada aspek kerohanian. Malahan beliau menjelaskan pendidikan bukan bestari membabitkan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru, tidak melibatkan pelajar secara aktif, penggunaan teknologi yang terhad kepada radio dan televisyen, dan penggunaan buku teks sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonseptan Siti tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 19).

Jadual 19 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum bestari	<p>Merujuk perancangan pembelajaran yang tersusun, terperinci, jelas, dan mudah difahami.</p> <p>Dibentuk bagi membimbing pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, berkebolehan mengapplikasi sesuatu yang dipelajari dalam kehidupan, membimbing ke arah pembentukan sahsiah yang baik, menghayati nilai yang dituntut oleh agama, dan menguasai kemahiran teknologi maklumat.</p> <p>Membabitkan pengetahuan bahasa, pengetahuan penyelesaian masalah, pengetahuan sains dan teknologi, ilmu asas, ilmu agama, kemahiran teknologi, dan kemahiran komunikasi.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, pendekatan penilaian yang sistematis dan berterusan, dan peranan guru sebagai pembimbing.</p>
Pengajaran bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum 	<p>Pengajaran bestari digambarkan sebagai aktiviti guru memberi tunjuk ajar, bimbingan, menyampaikan sesuatu kepada pelajar menggunakan teknologi, mengaplikasi kaedah kumpulan, dan menjalankan pelbagai aktiviti.</p> <p>Satu aktiviti membimbing pelajar membina ilmu menggunakan pelbagai bahan, aktiviti, alat, kaedah, dan dirancang pelaksanaannya dari awal.</p> <p>Perkara-perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah aktiviti, penglibatan pelajar, isi pelajaran, objektif, dan bahan bantu mengajar, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bestari adalah kefahaman dan penerimaan pelajar. Selepas mengajar, perkara yang difikirkan adalah pencapaian objektif dan kesesuaian bahan.</p> <p><i>Pengajaran bestari menyeronokkan dan kadang kala membimbangkan.</i></p> <p>Membabitkan penerapan nilai-nilai murni dan kepercayaan kepada Tuhan.</p> <p>Membabitkan pembentukan tingkah laku aktif dan tingkah laku baik.</p> <p>Sebelum pengajaran, perlu penyediaan perancangan pengajaran, alat, dan bahan bantu mengajar. Semasa mengajar bestari, guru memberi tugas, membimbing pelajar melaksanakan pelbagai aktiviti, mendapat maklum balas, dan memberi pengiktirafan terhadap hasil usaha pelajar. Selepas mengajar, guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengajaran.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, penyampai ilmu, kaunselor, dan contoh yang boleh diteladani.</p>

sambung....

Pembelajaran bestari	<p>Satu proses pelajar membina ilmu mengikut kebolehan. Membabitkan pelbagai aktiviti, pelbagai kaedah, pelbagai alat teknologi mengikut kebolehan masing-masing, dan meneroka maklumat dari pelbagai sumber dengan bimbingan guru.</p> <p>Membabitkan cara belajar berkumpulan dan individu.</p> <p>Membabitkan kaedah perbincangan dan lawatan.</p> <p>Menggunakan bahan bercetak dan bahan elektronik.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran yang menyeluruh, fleksibel, dan <i>online</i>.</p> <p>Bertujuan menilai prestasi akademik pelajar, mengenal pasti perkembangan tingkah laku, menilai kebolehan pelajar, dan meningkatkan kreativiti pelajar.</p> <p>Menggunakan kaedah latihan, ujian, peperiksaan, pemerhatian, dan kaedah projek.</p> <p>Menumpukan kepada penguasaan isi dan tingkah laku pelajar.</p> <p>Menggunakan komputer, kertas soalan, senarai semak, dan soal selidik.</p> <p>Dilaksanakan sebulan sekali, setiap kali setelah selesai satu unit pembelajaran, dan berterusan.</p> <p>Membabitkan aktiviti menjawab soalan ujian dan peperiksaan, membuat latihan, pelbagai aktiviti dalam dan luar bilik darjah.</p> <p>Membantu ke arah pembentukan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan berakhhlak mulia.</p> <p>Membabitkan guru, pelajar, dan ibu bapa sebagai penilai.</p>

Kurikulum bestari. Siti menganggap kurikulum bestari sebagai satu set perancangan pembelajaran yang tersusun dan sistematik. Beliau berpendapat perancangan pembelajaran yang tersusun mengandungi huraiyan yang terperinci dan jelas tentang objektif, kaedah, bahan, teknologi, dan penilaian. Menurut beliau, kurikulum yang dihurai secara terperinci lebih mudah difahami dan dilaksanakan. Siti juga menjelaskan kurikulum bestari dibentuk bertujuan membimbing pelajar memahami dan

memanfaatkan perkara yang dipelajari dalam kehidupan, melahirkan pelajar yang mahir teknologi, sahsiah yang baik, dan taat kepada Tuhan.

Siti menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum tersebut membabitkan program teras yang memberi fokus kepada ilmu asas dan ilmu agama; program kemahiran yang memberi fokus kepada kemahiran penyelesaian masalah dan penggunaan komputer; program kreatif yang memberi fokus kepada bahasa dan komunikasi; dan program pengayaan yang memberi fokus kepada program bimbingan akademik. Menurut beliau, kurikulum bestari menekankan penyepaduan ilmu dan pengetahuan yang digabungkan dengan kemahiran dan nilai. Siti menganggap pendekatan berpusatkan pelajar, pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, dan penilaian yang menyeluruh dan berterusan ke arah pelaksanaan kurikulum bestari.

Siti berpendapat kurikulum bestari berbeza dengan kurikulum bukan bestari dari aspek huraian. Menurut Siti, kurikulum bukan bestari mempunyai huraian lebih umum tentang objektif, isi kandungan, aktiviti, dan bahan. Selain itu, kurikulum bukan bestari menekankan kepada aspek intelek dan tidak memberi tumpuan yang sewajarnya kepada aspek emosi, jasmani, dan rohani. Siti menjelaskan program teras yang terkandung dalam kurikulum bukan bestari membabitkan ilmu asas dan ilmu agama secara tidak bersepada. Malahan beliau menganggap kurikulum bestari membabitkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru dan penilaian yang berasaskan ujian dan peperiksaan semata-mata.

Pengajaran bestari. Siti menggambarkan pengajaran bestari sebagai aktiviti membimbing pelajar membina ilmu melalui pelbagai aktiviti. Selain itu, beliau berpendapat memberi tunjuk ajar dan menerang konsep merupakan unsur dalam

pengajaran bestari. Dalam konteks ini, beliau menjelaskan bahawa guru perlu menggunakan pelbagai bahan, pelbagai aktiviti, pelbagai kaedah, dan pelbagai alat. Malahan Siti berpendapat pengajaran bestari memerlukan penyediaan perancangan awal dan teratur. Beliau juga menganggap pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang guru fikirkan sebelum mengajar seperti aktiviti yang mencabar dan menyeronokkan, penglibatan pelajar secara aktif, isi pelajaran yang selaras dengan sukanan, objektif mengikut kebolehan, dan bahan bantu mengajar yang sesuai, manakala semasa pengajaran, perkara yang guru fikirkan adalah kefahaman pelajar terhadap pelajaran dan gerak balas pelajar. Beliau menjelaskan pencapaian objektif dan kesesuaian bahan merupakan perkara yang guru fikirkan selepas pengajaran bestari.

Seterusnya, Siti menganggap pengajaran bestari sebagai menyeronokkan apabila pelajar aktif, mematuhi arahan guru, dan bekerjasama dalam kumpulan. Beliau menjelaskan pengajaran bestari kadang-kadang menimbulkan rasa bimbang apabila apabila aktiviti yang dirancang tidak dapat pelajar lakukan. Siti juga mentafsirkan pengajaran bestari membabitkan penerapan nilai-nilai murni dan kepercayaan kepada Tuhan yang ditekankan melalui penggunaan petikan berbentuk teladan dan amalan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi Siti, pengajaran bestari mampu membentuk tingkah laku baik yang secocok dengan tuntutan agama melalui aktiviti kumpulan.

Siti berpendapat pengajaran bestari membabitkan pelbagai aktiviti seperti menyolo, membuat persembahan, melakukan perbincangan, menerangkan konsep, membuat latihan, mencari maklumat, melakar, dan membuat hasilan kerja. Beliau menjelaskan peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing,

penyampai ilmu, kaunselor, dan contoh yang boleh diteladani. Sebaliknya, Siti berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menerang konsep, dan memberi latihan. Menurut beliau, isi pelajaran merupakan perkara yang difikirkan dalam pengajaran bukan bestari. Bagi Siti, pengajaran bukan bestari tidak begitu menyeronokkan berbanding dengan pengajaran bestari. Pengajaran bukan bestari tidak membabitkan penglibatan aktif pelajar, pendekatan berpusatkan guru, dan penggunaan bahan yang terhad kepada teks. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai penyampai maklumat.

Pembelajaran bestari. Siti menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses individu memperoleh ilmu dari seseorang atau sumber lain mengikut kebolehan masing-masing. Menurut beliau, pembelajaran bestari membabitkan pelajar memperoleh ilmu melalui pelbagai aktiviti secara berseorangan atau berkumpulan. Misalnya, pelajar belajar melalui perbincangan, penerokaan maklumat, penulisan laporan, dan pembacaan. Selain itu, pembelajaran bestari dianggap beliau sebagai suatu proses yang membabitkan penggunaan bahan bercetak dan bahan teknologi maklumat. Siti menjelaskan pembelajaran bestari juga aktiviti meramal, menyelesai masalah, membuat keputusan, dan membuat banding beza. Seterusnya, beliau berpendapat aktiviti berbentuk kreatif seperti menghasilkan sajak, cerpen, dan mengarang dialog sebagai aktiviti pembelajaran bestari.

Seterusnya, Siti berpendapat bahawa pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari merupakan satu proses pelajar memperoleh ilmu dari guru tanpa meneroka sendiri melalui sumber lain. Siti juga menjelaskan pembelajaran bukan bestari membabitkan aktiviti berbentuk latihan,

menjawab soalan, dan sekali sekala melakukan perbincangan. Dari segi bahan, pembelajaran bukan bestari terhad kepada penggunaan buku teks, manakala bahan elektronik hanya digunakan sekali sekala dalam pembelajaran tersebut.

Pentaksiran bestari. Siti menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran yang menyeluruh, fleksibel, dan *online*. Menurut beliau, sistem pentaksiran yang menyeluruh membabitkan perkembangan akademik, tingkah laku, kreativiti, dan kebolehan pelajar. Menurut beliau, setiap perkembangan tersebut perlu ditaksir menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah *online*, soal selidik, peperiksaan, hasil kerja, latihan, dan ujian. Bagi Siti, pentaksiran bestari boleh dilaksanakan secara berterusan apabila pelajar telah bersedia. Misalnya, pentaksiran bestari boleh dilaksanakan pada setiap bulan, akhir semester, dan pada bila-bila masa yang sesuai. Selain itu, Siti berpendapat pentaksiran bestari membabitkan guru, pelajar, dan ibu bapa sendiri sebagai penilai. Seterusnya, Siti menganggap pendidikan tersebut mempunyai beberapa kelainan dari pendidikan bukan bestari. Antara lain, pendidikan bukan bestari membabitkan seratus peratus ujian dan peperiksaan, manakala aspek sahsiah dan penglibatan pelajar tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, Siti mentafsirkan pentaksiran bukan bestari bertujuan meningkatkan prestasi kecemerlangan akademik semata-mata. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari dilakukan menggunakan kaedah ujian, peperiksaan, dan latihan bertujuan mengesan penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran. Seterusnya, beliau berpendapat pentaksiran bukan bestari selalunya membabitkan penggunaan kertas soalan, manakala komputer hanya digunakan untuk menaip soalan dan menganalisis markah pelajar. Siti

juga menjelaskan bahawa pentaksiran bukan bestari yang dikendalikan sepenuhnya oleh guru dilaksanakan dua tiga bulan sekali dan pada setiap akhir semester.

Makna pengurusan bestari

Pengkonsep Siti tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 20).

Jadual 20 Makna pengurusan bestari

Aspek	Iluraisan
Penggunaan teknologi bestari	<p>Membabitkan penggunaan teknologi secara optimum, menyelenggara dan mengendali mengikut prosedur, mewujudkan suasana menyeronokkan, menyediakan jumlah alat yang mencukupi dan lengkap.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, radio, dan televisyen.</p> <p>Menggunakan teknologi komputer empat kali seminggu, radio dan televisyen sekali seminggu.</p> <p>Penting untuk membekalkan bahan dan maklumat.</p> <p>Membabitkan pendekatan berkumpulan dan individu.</p>
Pengurusan bestari	<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum <p>Digambarkan sebagai pengurusan yang cepat dan cekap.</p> <p>Mengendalikan sesuatu secara sistematik.</p> <p>Membabitkan pengurusan yang terancang, penyediaan alat yang lengkap, program yang memberi manfaat kepada pelajar, persekitaran sekolah yang bersih, dan pengurusan masa yang betul.</p> <p>Pengurusan surat menyurat, sistem fail, kad laporan, dan minit mesyuarat secara tersusun dan teratur menggunakan komputer.</p> <p>Mengurus teknologi dengan cekap, menyediakan alat teknologi yang mencukupi dan berkualiti.</p>

sambung....

	<p>Membabitkan penjagaan bahan yang sempurna, pengurusan rekod pelajar menggunakan komputer, merekod maklumat, perhatian terhadap tugas dan masalah staf, memberi prestasi yang adil, menyenaraikan tanggung jawab staf yang jelas, dan menjalankan pemantauan.</p> <p>Menjaga peralatan dengan baik, menggunakan mengikut tata cara yang betul, membaik pulih peralatan yang rosak, dan merekod penggunaan alat.</p> <p>Merekod bahan luar yang diperolehi dan menyebarluaskan segera maklumat kepada warga sekolah.</p> <p>Menjaga keselamatan harta benda secara sistematis.</p>
--	---

Penggunaan teknologi. Siti berpendapat teknologi bestari merujuk teknologi terkini seperti radio, televisyen, dan komputer, manakala penggunaan teknologi bestari beliau anggap sebagai penggunaan teknologi secara optimum. Menurut beliau, penggunaan secara optimum merujuk penggunaan sepenuhnya pelbagai alat teknologi dalam pendidikan. Misalnya, menggunakan komputer untuk mengakses maklumat, menyediakan bahan, membuat hasil kerja, dan membuat persembahan kumpulan, manakala radio dan televisyen digunakan untuk membekalkan bahan rangsangan seperti rancangan televisyen pendidikan, rencana, dan berita. Menurut beliau, penggunaan teknologi bestari dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Bagi Siti, beliau menggunakan komputer sekali seminggu apabila berpeluang ke bilik bestari. Siti juga menjelaskan bahawa komputer digunakan untuk memperoleh maklumat, menjawab soalan, membuat hasil kerja, dan membuat persembahan. Menurut beliau, radio dan televisyen digunakan sekali seminggu apabila berpeluang ke bilik bestari.

Siti menjelaskan rakaman radio dan rancangan televisyen digunakan dalam aktiviti perbincangan, lakonan, perbahasan, dan soal jawab. Menurut beliau, penggunaan

teknologi dalam bilik darjah membabitkan dalam pelbagai aktiviti seperti menjawab soalan menerusi komputer, mencari maklumat, membentang hasil kumpulan, dan mempamerkan sesuatu isu sebagai rangsangan. Sebaliknya, Siti menganggap penggunaan teknologi tidak bestari membabitkan penggunaan alat teknologi yang terhad kepada radio dan televisyen untuk melaksanakan aktiviti membaca, mencari isi, dan menjawab soalan. Malahan, beliau menjelaskan dalam kelas bukan bestari penggunaan alat teknologi digunakan sekali sekala yang dikendalikan oleh guru sepenuhnya.

Pengurusan bestari. Siti menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang cepat dan cekap. Menurut beliau, mengurus yang cekap dan cepat merujuk mengurus sesuatu dengan segera, teratur, dan mencapai matlamat pendidikan. Beliau juga menganggap pengurusan bestari adalah pengurusan yang sistematik. Bagi Siti, pengurusan yang sistematik membabitkan aktiviti perancangan awal, penyediaan peralatan sekolah yang mencukupi, program yang bermanfaaat, persekitaran sekolah yang bersih, dan pengurusan masa dengan betul. Beliau menjelaskan bahawa pengurusan bestari membabitkan penggunaan komputer untuk merekod maklumat peribadi pelajar dan staf, pengurusan surat menyurat, sistem fail, kad laporan, dan minit mesyuarat yang teratur dan sentiasa dikemas kini.

Selain itu, beliau berpendapat pengurusan bestari membabitkan penyediaan alat teknologi yang mencukupi, dan penyelenggaraan peralatan yang sempurna. Seterusnya, Siti menjelaskan pengurusan bestari membabitkan keperihatinan pentadbir terhadap tugas dan masalah staf, memastikan staf sokongan melaksanakan tanggung jawab dengan betul, memantau pelaksanaan tugas guru, dan menilai prestasi dengan adil. Menurut beliau, merekod urusan kewangan menggunakan komputer, menjaga peralatan dengan baik,

menggunakan peralatan dengan cara yang betul, merekod penggunaan alat, membaik pulih peralatan yang rosak, dan menjamin keselamatan harta benda sekolah sebagai mengurus bestari. Siti menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Menurut beliau, pengurusan bukan bestari membabitkan penggunaan komputer untuk menaip surat, menyediakan soalan, dan menganalisa markah. Beliau menganggap pengurusan bukan bestari juga membabitkan pengendalian alat tidak mengikut prosedur, perancangan yang tidak teliti, peralatan yang rosak tidak dibaik pulih, dan tidak prihatin tentang kebijakan staf.

Asas pembentukan pendidikan bestari

Pengkonseptan Siti tentang asas yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonseptan Siti tentang aspek psikologi membabitkan kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani, manakala pengkonseptan Siti tentang aspek falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 21).

Jadual 21 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas psikologi	<p>Membabitkan kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif.</p> <p>Membabitkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan pengiktirafan terhadap hasil usaha pelajar.</p> <p>Membabitkan pergerakan fizikal dan pergerakan aktif pelajar.</p> <p>Membabitkan ketiaatan kepada Allah, percaya kepada agama, membentuk akhlak yang baik.</p>
Asas falsafah	<p>Pendidikan bestari berlandaskan Sistem Rujukan Mutlak, iaitu al-Quran dan Hadis.</p> <p>Ilmu dianggap sebagai sesuatu yang dipelajari, dituntut dari seseorang, dan disahkan kebenarannya. Pengetahuan dianggap sebagai sesuatu yang boleh diperolehi dari orang lain, bahan bacaan dan tidak tentu kesahihannya tetapi boleh dimanfaatkan. Maklumat pula dianggap sebagai satu bentuk pengumuman dan pemberi tahuhan. Ilmu asas ilmu agama, pengetahuan pedagogi, pengetahuan komputer, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan perlakuan yang baik, penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, dan pendemokrasian pendidikan.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan usaha mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, intelek, dan rohani, penekanan aspek dunia akhirat yang seimbang, dan menekankan amalan penghayatan agama.</p>

Asas psikologi. Siti menganggap aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan melaksanakan aktiviti yang mencabar. Menurut beliau, kemahiran berfikir membabitkan pelbagai aktiviti yang meningkatkan pemikiran pelajar seperti meramal, membuat banding beza, membuat klasifikasi, dan membuat peta minda, manakala aktiviti yang mencabar pula membabitkan pelajar mencari sendiri maklumat, menganalisis, dan menulis laporan.

Menurut beliau, aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan aktiviti kurang mencabar seperti menjawab soalan dan mengingati fakta.

Selain itu, Siti menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pergerakan fizikal yang melibatkan pelajar secara aktif dalam dan luar bilik darjah seperti senaman, melukis, bertani, bertukang, bersajak, menjahit, dan berlakon, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan mata pelajaran pendidikan jasmani, kemahiran hidup, dan pendidikan seni.

Seterusnya, Siti menganggap kepelbagaiannya kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran membantu mewujudkan keseronokan kepada pelajar. Malahan peluang pelajar menyertai pelbagai aktiviti secara aktif dan pengiktirafan guru dan rakan sebaya terhadap kebolehan pelajar menimbulkan kepuasan kepada pelajar. Beliau berpendapat pendidikan bestari menekankan kepercayaan pada agama, ketiaatan pada Allah, dan mengamalkan nilai yang baik menerusi aktiviti yang pelbagai dalam semua mata pelajaran. Misalnya, guru menerapkan sifat terpuji melalui aktiviti, menunjukkan contoh teladan yang baik, membuat hubung kait sesuatu perkara dengan kewujudan Tuhan, dan melaksanakan aktiviti berbentuk kerohanian. Beliau berpendapat aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, dan penerapan nilai murni. Namun begitu, Siti menganggap penerapan aspek rohani secara menyeluruh dalam semua mata pelajaran masih belum dilaksanakan sepenuhnya.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Siti menganggap Sistem Rujukan Mutlak, iaitu al-Quran dan Hadis sebagai asas pembentukan pendidikan bestari. Menurut Siti, al-Quran menyediakan panduan hidup yang lengkap untuk semua manusia, manakala Hadis

merujuk pendapat ulama yang menjelaskan huraian tentang peraturan hidup manusia. Siti berpendapat, pendidikan bukan bestari berasaskan pendidikan barat. Menurut beliau, dari aspek kerohanian, pendidikan bukan bestari menekankan penerapan nilai. Dari sudut epistemologi, Siti menganggap ilmu sebagai suatu yang dipelajari dan dituntut dari seseorang dan dipercayai kebenarannya. Pengetahuan pula dikenal pasti sebagai sesuatu yang diperolehi dari individu lain, bahan bacaan yang tidak tentu kesahihannya tetapi boleh dimanfaatkan. Sebaliknya, maklumat ditafsir sebagai satu bentuk pengumuman dan pemberitahuan. Dalam konteks pendidikan bestari, Siti berpendapat setiap individu perlu menguasai dan membina sendiri ilmu pengetahuan dalam bidang ilmu keduniaan, ilmu keagamaan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan teknologi komputer, dan maklumat terkini. Siti menganggap pendidikan bukan bestari tidak menekankan penyepaduan ilmu keagamaan dan ilmu keduniaan. Malahan beliau berpendapat pendidikan bukan bestari menekankan kepada ilmu keduniaan.

Dari sudut aksiologi, Siti menjelaskan pendidikan bestari menumpukan kepada pembentukan tingkah laku baik yang secocok dengan tuntutan agama seperti bersopan santun, bertutur menggunakan bahasa yang sesuai, bertanggung jawab, hormat-menghormati. Menurut beliau, pembentukan tingkah laku baik ditekankan melalui amalan kebersihan, aktiviti kumpulan, penghayatan agama, dan guru sebagai contoh yang boleh diteladani. Selain itu, Siti menganggap penggunaan teknologi multimedia dan pendemokrasian pendidikan sebagai keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut beliau, pendemokrasian pendidikan merujuk peluang pendidikan yang sama rata kepada semua pelajar mengikut potensi masing-masing. Beliau juga menganggap penggunaan teknologi membantu pendidikan di sekolah dengan lebih cekap. Siti

berpendapat, pendidikan bestari mempunyai keunikan yang tidak sama dengan pendidikan bukan bestari. Bagi Siti, kemahiran membaca, menulis, dan mengira merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari sudut logik, usaha mencungkil potensi individu secara menyeluruh dari segi intelek, jasmani, rohani, dan emosi; dan aspek dunia dan akhirat secara seimbang merupakan logik yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut beliau, potensi individu dapat dikembangkan melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti akademik dan non akademik, manakala aspek dunia dan akhirat yang seimbang dapat melahirkan individu yang taat kepada Tuhan dan bertingkah laku terpuji. Beliau menjelaskan pendidikan bestari dan pendidikan bukan bestari menggunakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai hala tuju pendidikan. Namun begitu, dari segi pelaksanaan, pendidikan bukan bestari menumpukan usaha melahirkan individu yang kecemerlangan intelek, manakala pendidikan bestari menumpukan ke arah kecemerlangan individu secara menyeluruh dari aspek jasmani, rohani, intelek, dan emosi.

Perbezaan bestari dan bukan bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Siti tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus iaitu, bestari dan pendidikan bukan bestari (lihat Jadual 23).

Jadual 22 Perbezaan bestari dan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan Bestari
• Pendidikan	Satu proses mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Membabitkan pelbagai kaedah, pelbagai alat, teknologi, kemudahan yang lengkap, proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematis, pelbagai program pendidikan.	Satu proses mengembangkan potensi individu secara tidak seimbang antara aspek akademik dan kerohanian. Memupuk kecemerlangan akademik, proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru, dan kemudahan yang terhad.
• Kurikulum	Merujuk satu set perancangan pembelajaran yang tersusun, terperinci dan mudah difahami. Dibentuk bagi membimbing pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, berkebolehan mengaplikasi perkara yang dipelajari dalam kehidupan, mempunyai sahsiah yang baik, mahir teknologi, dan menghayati agama. Membabitkan penyepaduan unsur ilmu dunia dan ilmu agama, kemahiran, dan nilai dalam semua mata pelajaran.	Kurikulum yang umum. Dibentuk bagi membimbing pelajar ke arah kecemerlangan akademik. Penekanan kepada aspek intelek, tidak menyepadukan aspek keagamaan dan keduniaan dalam semua mata pelajaran.
• Pengajaran	Membabitkan aktiviti guru memberi tunjuk ajar, bimbingan, menyampaikan maklumat menggunakan pelbagai alat bantu mengajar, aplikasi kaedah kumpulan, pelbagai aktiviti, pendekatan berpusatkan pelajar. Pengajaran yang menyeronokkan. Membabitkan aktiviti membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku baik. Guru berperanan sebagai pembimbing, menyampaikan ilmu, kaunselor, dan contoh yang boleh diteladani.	Membabitkan aktiviti guru menerang konsep, menekankan aktiviti berbentuk latihan dan soal jawab. Pengajaran yang tidak menyeronokkan, menggunakan pendekatan berpusatkan guru, penglibatan pelajar tidak melibatkan diri secara aktif, penggunaan bahan bantu mengajar terhad pada buku teks. Guru berperanan sebagai penyampaikan maklumat.

sambung....

<ul style="list-style-type: none"> Pembelajaran 	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu dari seseorang atau sumber lain. Membabitkan pelbagai aktiviti kreatif dan mencabar. Membabitkan penggunaan komputer, dan penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar.</p>	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu dari guru tanpa meneroka sendiri ilmu dari sumber lain. Membabitkan aktiviti berbentuk latihan, menjawab soalan, dan menggunakan bahan dari sumber buku teks.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Pentaksiran 	<p>Pentaksiran yang menyeluruh, fleksibel, dan <i>on line</i>. Bertujuan menilai prestasi akademik, perkembangan tingkah laku, emosi, dan penghayatan.</p> <p>Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah dan alat yang dikendalikan oleh guru, ibu bapa, dan pelajar secara berterusan.</p>	<p>Membabitkan ujian dan peperiksaan yang bertujuan meningkatkan prestasi akademik semata-mata.</p> <p>Membabitkan kaedah ujian dan peperiksaan menggunakan kertas soalan yang dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada masa tertentu.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan teknologi 	<p>Penggunaan teknologi komputer, radio, dan televisyen secara optimum. Membabitkan penggunaan dalam pelbagai aktiviti secara berkumpulan dan individu.</p>	<p>Penggunaan teknologi radio dan televisyen secara tidak optimum, terhad pada aktiviti membaca, mencari isi, dan menjawab soalan. Sekali sekala digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pendekatan berpusatkan guru.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan 	<p>Pengurusan yang cepat, cekap, dan sistematis. Membabitkan pengurusan masa dengan betul, penggunaan komputer dalam pengurusan, pengendalian bahan dan peralatan secara teratur, merekod dan menyimpan maklumat secara sistematis, perihat terhadap kebijakan dan tugas staf.</p>	<p>Pengurusan yang tidak teratur, tiada perancangan yang teliti, menggunakan cara manual dalam merekod dan menyimpan maklumat, pengendalian alat tidak mengikut prosedur, dan tidak perihat terhadap tugas dan kebijakan staf.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Asas psikologi 	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, dan aspek rohani secara menyeluruh dan bersepadan dalam proses pendidikan.</p>	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, rohani secara tidak menyeluruh dan tidak bersepadan dalam proses pendidikan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Asas falsafah 	<p>Berlandaskan Islam. Membabitkan ilmu keagamaan dan ilmu keduniaan. Menumpukan kepada</p>	<p>Berlandaskan pendidikan barat. Membabitkan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan secara berasingan.</p>

	pembentukan individu yang baik, penggunaan pelbagai alat teknologi, pendemokrasian pendidikan, pembentukan insan secara.	Membabitkan pembentukan individu yang cemerlang intelek. Memberi tumpuan kepada kemahiran membaca, menulis, dan mengira.
--	--	--

Dari sudut pendidikan, Siti menganggap pendidikan bestari sebagai satu usaha mengembangkan potensi individu secara optimum, menyeluruh, dan bersepada menggunakan pelbagai kaedah, aktiviti, kemudahan yang lengkap, proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, kepelbagai program, dan amalan budaya yang bestari. Sebaliknya, Siti mentafsirkan pendidikan bukan bestari sebagai satu usaha mengembangkan potensi individu secara tidak seimbang antara kerohanian dan aspek akademik. Beliau menganggap pendidikan bukan bestari memberi tumpuan kepada aspek kecemerlangan akademik, dan tidak memberi tumpuan yang sewajarnya kepada kecemerlangan kerohanian.

Dari sudut kurikulum, Siti menganggap kurikulum bestari merujuk perancangan pembelajaran yang tersusun, terperinci, dan mudah difahami. Menurut beliau, kurikulum bestari dibentuk untuk membimbing pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, mengaplikasikan perkara yang dipelajari dalam kehidupan sebenar, membentuk sahsiah yang baik, melahirkan pelajar yang mahir teknologi, dan menghayati agama. Kurikulum bestari membabitkan penyepaduan unsur ilmu, pengetahuan terkini, pelbagai kemahiran, dan nilai dalam semua mata pelajaran. Sebaliknya, Siti berpendapat kurikulum bukan bestari adalah kurikulum yang umum, memberi pekenaan kepada aspek intelek, dan tidak menyepadan aspek agama, pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam semua mata pelajaran. Menurut beliau, aspek rohani dalam kurikulum bukan bestari diberi penekanan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Dari aspek pengajaran, Siti berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampaikan maklumat, memberi tunjuk ajar, dan memberi bimbingan menggunakan pelbagai bahan dan pelbagai aktiviti. Siti juga mentafsirkan pengajaran bestari membabitkan penyediaan rancangan mengajar lebih awal menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Selain itu, beliau berpendapat pengajaran bestari adalah pengajaran yang menyeronokkan apabila pelajar aktif melakukan pelbagai aktiviti. Siti menjelaskan peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing, penyampai ilmu, kaunselor, dan contoh yang boleh diteladani. Sebaliknya, Siti menganggap pengajaran bukan bestari adalah pengajaran yang membabitkan aktiviti guru menerangkan konsep, pelajar membuat latihan dan soal jawab, dan menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran. Selain itu, beliau mentafsirkan pengajaran bukan bestari tidak menyeronokkan dan pelajar tidak terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran. Menurut Siti, peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai penyampai maklumat.

Seterusnya, Siti berpendapat pembelajaran bestari adalah satu proses pelajar memperoleh ilmu dari seseorang atau sumber lain. Malahan beliau menjelaskan bahawa pembelajaran bestari membabitkan penggunaan komputer, menggunakan bahan teknologi maklumat dan bahan bercetak. Beliau juga berpendapat pembelajaran bestari membabitkan pembelajaran secara individu dan berkumpulan. Malahan Siti menganggap pembelajaran bestari adalah menyeronokkan apabila pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti. Sebaliknya, Siti menganggap pembelajaran bukan bestari sebagai proses pelajar memperoleh ilmu dari guru tanpa meneroka sendiri ilmu melalui sumber lain. Selain itu, beliau menganggap pembelajaran bukan bestari hanya membabitkan pelajar melakukan aktiviti tertentu seperti membuat latihan dan menjawab soalan.

Dari sudut pentaksiran, Siti menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran yang menyeluruh, fleksibel, dan *on line* bertujuan menilai pencapaian akademik dan menilai perkembangan tingkah pelajar. Menurut beliau, pentaksiran bestari dikendalikan oleh pelbagai pihak, iaitu guru, ibu bapa, dan pelajar menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai alat secara berterusan. Sebaliknya, Siti mentafsirkan pentaksiran bukan bestari sebagai pentaksiran yang bertujuan menilai pencapaian akademik menggunakan kaedah ujian, latihan, dan peperiksaan padapertengahan dan akhir tahun.

Seterusnya, Siti menganggap penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan radio, komputer, dan televisyen secara optimum; menyelenggara dan mengendali mengikut prosedur; mewujudkan suasana menyeronokkan; dan menyediakan alat yang lengkap dan mencukupi. Menurut beliau, penggunaan teknologi bestari membabitkan pendekatan secara berkumpulan dan individu dalam pelbagai aktiviti pendidikan. Sebaliknya, Siti menjelaskan penggunaan teknologi bukan bestari merujuk menggunakan teknologi secara tidak optimum, terhad pada penggunaan radio dan televisyen bagi aktiviti tertentu seperti membaca, mencari isi, dan menjawab soalan.

Dari sudut pengurusan, Siti mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang cekap, cepat, sistematik, dan terancang. Menurut beliau, pengurusan yang cekap dan cepat membabitkan penggunaan komputer, manakala pengurusan yang sistematik merujuk aktiviti merekod dan menyimpan maklumat secara teratur; perihatian terhadap kebijakan staf; dan menggunakan pelbagai kemudahan dengan baik. Penggunaan yang terancang pula membabitkan penyediaan bahan, peralatan, dan penyediaan prosedur penggunaan peralatan. Sebaliknya, pengurusan bukan bestari dianggap sebagai

pengurusan yang tidak teratur, tidak dirancang dengan teliti, tidak menggunakan komputer dalam merekod dan menyimpan maklumat, lewat bertindak, pengendalian alat tidak mengikut prosedur, sukar berbincang, dan tidak perihatin terhadap masalah staf.

Seterusnya, Siti menjelaskan bahawa asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aspek kognitif, afektif, aspek psikomotor, dan aspek rohani secara menyeluruh dan bersepadu. Sebaliknya, Siti berpendapat asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aspek kognitif, aspek afektif, psikomotor, dan aspek rohani yang ditekankan secara tidak menyeluruh dan bersepadu. Menurut beliau, aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan kemahiran berfikir, manakala aktiviti luar bilik darjah merupakan aspek psikomotor yang terkandaung dalam pendidikan tersebut. Menurut mereka, aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan nilai murni dan aspek rohani pula membabitkan pembentukan tingkah laku baik.

Dari sudut falsafah, Siti berpendapat pendidikan bestari adalah berlandaskan Islam. Selain itu, Siti menganggap ilmu keduniaan, ilmu keagamaan, pengetahuan terkini seperti pengetahuan pedagogi, pengetahuan komputer, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, pendidikan bukan bestari membabitkan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan secara tidak bersepadu. Dari segi tingkah laku, pendidikan bestari menekankan kepada pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Siti mentafsirkan penggunaan teknologi maklumat dan pendemokrasian pendidikan sebagai keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, pendidikan bukan bestari dianggap memberi tumpuan

kepada kecemerlangan intelek dan tidak memberi tumpuan sewajarnya kepada kecemerlangan rohani, jasmani, dan emosi.

Fatimah

Fatimah ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Geografi untuk tingkatan dua. Fatimah mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengajar selama sembilan tahun sejak 1993 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti latihan sekolah bestari selama 14 minggu di maktab perguruan. Selain itu, beliau pernah menghadiri pelbagai seminar dan bengkel tentang pelaksanaan pendidikan bestari anjuran Kementerian Pendidikan. Fatimah juga telah dilantik sebagai fasilitator dalam mengendalikan bengkel tentang pendidikan bestari anjuran pihak sekolah.

Makna bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Fatimah tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu makna bestari dan makna pendidikan bestari. Makna bestari dan makna pendidikan bestari dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 23).

Jadual 23 Makna bestari dan makna pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Bestari digambarkan sebagai sempurna, cemerlang, cerdik, pintar, cepat, dan cekap.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Bestari adalah baik dari segi tingkah laku, emosi yang stabil, dan bermaklumat.</p> <p>Berkebolehan menghasilkan sesuatu yang kreatif, cepat, dan mudah.</p> <p>Bertingkah laku baik secocok dengan tuntutan Islam.</p> <p>Berkebolehan membuat perancangan yang baik dan berkebolehan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan.</p> <p>Berkebolehan mengamalkan nilai yang baik.</p> <p>Berpegang teguh pada agama dan mengamalkan tuntutan agama.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Metafora bestari 	<p>Guru bestari diibaratkan sebagai kancil.</p>
Pendidikan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Satu proses membimbing pelajar ke arah melahirkan individu yang cemerlang akademik dan seimbang dari sudut jasmani, rohani, emosi, dan intelek.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer dalam pendidikan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Satu usaha mencungkil dan mengembangkan potensi individu secara optimum untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan, seimbang, harmoni, dan cekap teknologi.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi, pelbagai bahan, pakej pembelajaran yang lengkap, dan sistem fail yang sempurna.</p> <p>Membabitkan penerapan nilai-nilai murni, mempunyai prasarana teknologi yang lengkap, dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.</p> <p>Mempunyai kemudahan yang mencukupi dan boleh berfungsi.</p>

sambung...

	<p>Melaksanakan program kemahiran komputer, pembinaan pakej pembelajaran, minggu Bahasa Inggeris, dan kepentingan.</p> <p>Mengamalkan budaya sistematik, mudah rujuk, mudah guna, fleksibel, dan menggunakan teknologi maklumat.</p>
--	--

Gambaran mental bestari. Fatimah menggambarkan bestari sebagai sempurna, cemerlang, cepat, dan cekap. Menurut beliau, bestari itu sempurna merujuk kebolehan menjawab mengikut kehendak soalan, manakala cemerlang merujuk kebolehan memperoleh markah A dalam pelajaran. Fatimah menggambarkan bestari juga sebagai cepat dalam melaksanakan sesuatu tugas. Selain itu, beliau menggambarkan bestari itu pintar, iaitu berkebolehan memperoleh pencapaian A, dan berkebolehan menyumbang idea yang berasas. Seterusnya, Fatimah menggambarkan bestari sebagai cekap, iaitu berkemampuan mengakses maklumat, menghantar e-mel, dan berhubung menggunakan internet.

Makna umum bestari. Secara khusus, Fatimah berpendapat bahawa bestari adalah baik. Menurut beliau, bestari itu adalah baik tingkah laku, berkemampuan memperoleh markah A dan B, berkebolehan menyelesaikan masalah secara rasional, mempunyai emosi yang stabil, tidak pemarah, dan berkemampuan mengawal perasaan. Fatimah juga menganggap bestari sebagai kemampuan memperoleh maklumat dari pelbagai sumber dan menggunakan maklumat untuk menghasilkan sesuatu yang kreatif.

Metafora bestari. Fatimah mengibaratkan guru bestari sebagai kancil. Menurut beliau, kancil merupakan haiwan kecil yang mempunyai sifat kecerdikan dan keupayaan mencari jalan membantu orang lain menyelesaikan masalah.

Gambaran mental pendidikan bestari. Fatimah menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha melahirkan pelajar yang cemerlang, iaitu mampu memperoleh gred A dan B, dan seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani, dan emosi. Menurut beliau, pendidikan bestari juga membabitkan penggunaan alat elektronik, khususnya komputer.

Makna umum pendidikan bestari. Fatimah menganggap pendidikan bestari sebagai satu proses mencungkil potensi pelajar secara optimum untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan, seimbang, harmoni, dan cekap teknologi. Beliau juga berpendapat pendidikan bestari menekankan aspek penerapan nilai murni, prasarana teknologi yang lengkap, dan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Selain itu, Fatimah, pendidikan tersebut membabitkan kemudahan yang mencukupi seperti makmal yang lengkap dengan alat multimedia, khususnya komputer; meja yang mudah diubah suai; pakej pembelajaran yang lengkap; sistem fail yang sempurna; perisian bahan yang mencukupi; dan kemudahan pendidikan yang boleh berfungsi. Seterusnya, Fatimah menjelaskan pendidikan bestari memberi penekanan kepada pelaksanaan program peningkatan kemahiran komputer, pembinaan pakej pembelajaran, minggu Bahasa Inggeris, dan kepimpinan. Menurut beliau, pendidikan itu menekankan penglibatan aktif pelajar, kepelbagaian alat, kaedah, dan kepelbagaian aktiviti.

Fatimah berpendapat pendidikan bestari membabitkan amalan budaya mudah rujuk, fleksibel, dan sistematik. Bagi Fatimah, budaya mudah rujuk membabitkan penggunaan komputer untuk mengemas kini maklumat, manakala budaya fleksibel merujuk suasana bekerja yang sistematik. Beliau menjelaskan bahawa budaya sistematik pula membabitkan penyebaran maklumat yang jelas dan cepat pada warga sekolah. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari merupakan satu proses

mencungkil potensi individu tidak secara optimum, iaitu menumpukan perhatian kepada aspek akademik semata-mata. Fatimah menjelaskan bahawa pendidikan bukan bestari tidak menekankan penggunaan pelbagai bahan dan alat teknologi, penerapan nilai, penglibatan aktif pelajar dalam proses pendidikan.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonseptan Fatimah tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 24).

Jadual 24 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum bestari	<p>Merujuk sukatan pelajaran yang lengkap dan terperinci.</p> <p>Dibentuk bagi membimbing pelajar untuk melahirkan individu yang seimbang, iaitu celik teknologi, cemerlang sahsiah, tingkah laku terpuji, dan emosi yang stabil.</p> <p>Membabitkan ilmu agama, ilmu keduniaan, pengetahuan teknologi maklumat, kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi, dan kemahiran berfikir.</p> <p>Menekankan enam belas nilai.</p> <p>Membabitkan aktiviti individu dan berkumpulan.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, kepelbagaiannya kaedah, penilaian menyeluruh.</p>
Pengajaran Bestari	
• Gambaran mental	Aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai bahan bantu mengajar. Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar.

sambung...

<ul style="list-style-type: none"> Makna umum 	<p>Aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai bahan dan teknologi, pelbagai aktiviti, pelbagai teknik secara optimum.</p> <p>Membabitkan aspek intelek, emosi, jasmani, dan rohani secara bersepadu.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah objektif, bahan, isi pelajaran, dan aktiviti, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bestari pula adalah reaksi pelajar, dan jawapan kepada soalan pelajar. Selepas mengajar, perkara yang difikirkan membabitkan kekuatan dan kelemahan pengajaran.</p> <p>Pengajaran bestari kadang-kala menyeronokkan dan kadang-kala membebankan.</p> <p>Membabitkan penekanan nilai keagamaan .</p> <p>Membabitkan pembentukan tingkah laku baik dan tingkah laku aktif.</p> <p>Sebelum pengajaran perancangan dan bahan disediakan. Semasa pengajaran, guru melaksanakan set induksi, menerang konsep, menjawab soalan, melaksanakan pelbagai aktiviti. Di akhir pengajaran, guru memberi tugas, pengiktirafan terhadap hasil kerja, dan melakukan refleksi.</p> <p>Guru berperanan sebagai fasilitator, penyampai ilmu, penilai, dan pembimbing.</p>
Pembelajaran bestari	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu secara kendiri mengikut kebolehan.</p> <p>Membabitkan pembelajaran secara individu, berkumpulan, dan berpasangan.</p> <p>Menggunakan pelbagai aktiviti dan pelbagai kaedah.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan bercetak, rakaman radio, dan rancangan televisyen.</p> <p>Membabitkan pengumpulan maklumat dan penyelesaian masalah.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran yang menyeluruh, berterusan, dan sistematis.</p> <p>Bertujuan menilai pencapaian akademik pelajar, perkembangan tingkah laku, perkembangan emosi, dan perkembangan rohani pelajar.</p> <p>Menggunakan kaedah pemerhatian, ujian, peperiksaan, dan ujian lisan. Memberi fokus kepada penguasaan kemahiran, penguasaan dan aspek tingkah laku. Menggunakan senarai semak, borang catatan, dan kertas soalan.</p> <p>Sesuai dijalankan semasa, sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran, sebulan sekali, dan pada akhir semester.</p> <p>Membantu ke arah pencapaian prestasi yang lebih baik dalam akademik, rohani, emosi, dan tingkah laku.</p>

sambung...

	Membabitkan aktiviti berkumpulan dan individu. Membabitkan guru, pelajar, dan ibu bapa sebagai penilai.
--	--

Kurikulum bestari. Fatimah menganggap kurikulum bestari sebagai satu set perancangan pembelajaran sukanan pelajaran yang lengkap, terperinci dan sempurna. Beliau berpendapat kurikulum yang lengkap membabitkan penyepaduan aspek intelek, emosi, rohani, dan jasmani, manakala kurikulum yang sempurna mengandungi huraian yang terperinci tentang pembentukan tingkah laku, penggunaan teknologi, objektif, isi pelajaran, alat, penerapan nilai, bidang ilmu, kaedah, dan kemahiran yang hendak dicapai. Menurut Fatimah, kurikulum yang sempurna pula membabitkan pakej pembelajaran yang mengandungi panduan yang jelas tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Fatimah menjelaskan kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar mengembangkan potensi jasmani, rohani, emosi, dan jasmani bagi melahirkan pelajar yang celik teknologi, cemerlang sahsiah, tingkah laku terpuji, dan emosi yang stabil.

Selain itu, Fatimah menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum bestari membabitkan program teras yang memberi fokus kepada ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan; program kemahiran yang memberi fokus kepada kemahiran komunikasi; dan program pengayaan memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Menurut beliau, kurikulum bestari juga membabitkan penyepaduan unsur ilmu, pengetahuan, kemahiran, dan nilai melalui penggabungan semua mata pelajaran.

Fatimah berpendapat bahawa aktiviti berbentuk kreatif seperti mencipta sajak, mengarang cerpen, dan mendeklamasi sajak merupakan aktiviti yang terkandung dalam

kurikulum bestari. Malahan, beliau menjelaskan bahawa aktiviti berkumpulan membantu membentuk hubungan yang baik dan rasa tanggung jawab. Bagi Fatimah, kurikulum bestari membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, pendekatan berpusatkan pelajar, penerapan nilai-nilai murni, dan penilaian menyeluruh. Fatimah menganggap kurikulum bestari berbeza dengan kurikulum bukan bestari. Menurut beliau, kurikulum bukan bestari tidak membabitkan penyepaduan aspek jasmani, emosi, intelek, dan rohani. Malahan beliau berpendapat kurikulum bukan bestari tidak menjelaskan secara terperinci tentang isi kandungan, objektif, kemahiran, kaedah, aktiviti, penggunaan teknologi, amalan penghayatan agama, dan nilai secara bersepadan.

Selain itu, Fatimah mentafsirkan program teras dalam kurikulum bukan bestari membabitkan ilmu keagamaan dan ilmu keduniaan. Namun begitu, beliau menjelaskan ilmu keagamaan dan ilmu keduniaan yang terkandung dalam kurikulum bukan bestari tidak disepadukan dalam semua mata pelajaran. Seterusnya, Fatimah berpendapat kurikulum bukan bestari membabitkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru dan menekankan aktiviti berbentuk individu. Beliau berpendapat kurikulum bukan bestari membabitkan penilaian yang tidak menyeluruh. Menurut Fatimah, kurikulum bukan bestari memberi tumpuan kepada penilaian yang mengukur aspek perkembangan intelek semata-mata.

Pengajaran bestari. Fatimah menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai kaedah, mengikut sukanan pelajaran, dan pendekatan berpusatkan pelajar. Selain itu, Fatimah menggambarkan pengajaran bestari sebagai proses yang membabitkan penggunaan alat multimedia seperti komputer dan bahan bercetak. Beliau juga berpendapat pengajaran tersebut merujuk

aktiviti guru membimbing pelajar memperoleh ilmu dan menerapkan nilai. Fatimah menjelaskan pengajaran itu memberi tumpuan kepada semua aspek perkembangan individu, iaitu aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Antara lain, beliau menjelaskan bahawa pengajaran bestari membabitkan aktiviti mencungkil dan mengembangkan pemikiran pelajar, menghubungkaitkan isi pelajaran dengan unsur ketuhanan dan nilai, melaksanakan pelbagai aktiviti dan mengambil kira perasaan individu dalam melaksanakan aktiviti pengajaran.

Fatimah berpendapat pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu guru fikirkan. Misalnya, guru memikirkan tentang objektif pengajaran, bahan, isi pelajaran, dan aktiviti pengajaran sebelum mengajar, manakala semasa mengajar, guru memikirkan tentang reaksi pelajar, jawapan kepada soalan pelajar, dan pembentukan sahsiah pelajar. Perkara yang guru fikirkan selepas mengajar pula adalah kekuatan dan kelemahan pengajaran. Seterusnya, Fatimah berpendapat pengajaran bestari adalah menyeronokkan apabila menggunakan pakej pembelajaran yang telah sedia ada dan merasa beban apabila mengajar tajuk yang tidak ada dalam pakej tersebut. Beliau menganggap pengajaran bestari menyeronokkan apabila melaksanakan aktiviti yang menarik. Menurut Fatimah, pengajaran bestari menekankan penerapan nilai, pembentukan tingkah laku baik, penglibatan aktif, penggunaan bahan, dan tingkah laku guru yang boleh diteladani. Seterusnya, beliau menganggap pengajaran tersebut membabitkan perancangan penyediaan bahan, dan perancangan mengajar; pelaksanaan aktiviti pengajaran seperti set induksi, menerang konsep, menjawab soalan, aktiviti perbincangan, penyelesaian masalah, memberi latihan bertulis, dan berlakon; memberi pelajar tugas, memberi pengiktirafan terhadap hasil kerja pelajar; dan menjalankan

proses refleksi. Menurut beliau, dalam pengajaran bestari peranan guru adalah sebagai fasilitator, penyampai ilmu, penilai, dan pembimbing.

Sebaliknya, Fatimah berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menerang isi pelajaran, mengendalikan aktiviti, dan memberi latihan. Malahan beliau menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan penggunaan alat, aktiviti, dan teknologi yang tidak pelbagai. Bagi Fatimah, perkara yang difikirkan dalam pengajaran bukan bestari adalah kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran dan aspek latihan yang diberi pada pelajar. Menurut Fatimah, pengajaran bukan bestari tidak menyeronokkan kecuali apabila pelajar tidak terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, beliau menjelaskan pengajaran bukan bestari hanya membabitkan penerapan nilai yang baik dan tidak memberi penekanan sewajarnya kepada aspek ketuhanan, khususnya tentang peranan Pencipta. Fatimah berpendapat, pengajaran bukan bestari memberi tumpuan kepada aktiviti guru menerang konsep dan memberi latihan. Beliau menganggap peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai penyampai ilmu.

Pembelajaran bestari. Fatimah mengenal pasti pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu secara kendiri, sistematik, dan pelbagai. Menurut beliau, pembelajaran kendiri membabitkan pelajar membina sendiri ilmu melalui pelbagai aktiviti dengan bimbingan guru, manakala pembelajaran sistematik merujuk proses pelajar memperoleh ilmu mengikut kebolehan masing-masing. Bagi Fatimah, pembelajaran bestari membabitkan pembelajaran individu, berkumpulan, dan berpasangan. Fatimah mentafsirkan pembelajaran tersebut juga membabitkan penggunaan bahan bantu mengajar seperti bahan multimedia, bahan rakaman dan

pelbagai bahan bercetak. Menurut beliau, pembelajaran bestari yang membabitkan pelbagai aktiviti seperti mendeklamasi sajak, membuat latihan, berlakon, merakam aktiviti, bersoal jawab, dan berbincang adalah menyeronokkan. Seterusnya, Fatimah berpendapat, pembelajaran bestari adalah berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari merupakan satu proses pelajar menerima maklumat daripada guru, membuat latihan, dan menjawab soalan kefahaman. Selain itu, beliau menjelaskan pembelajaran bukan bestari juga membabitkan penggunaan pendekatan berpusatkan guru, penggunaan bahan buku teks, dan aktiviti pembelajaran yang terhad kepada membaca dan menjawab soalan kefahaman.

Pentaksiran bestari. Fatimah menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran yang menyeluruh, terperinci, dan berterusan. Menurut beliau, pentaksiran menyeluruh membabitkan proses menilai kebolehan intelek, sahsiah, jasmani, dan penglibatan pelajar, manakala pentaksiran yang berterusan dilaksanakan pada bila-bila masa. Fatimah menjelaskan pentaksiran yang sistematik pula membabitkan aktiviti merekodkan hasil pentaksiran dalam komputer. Menurut beliau, pentaksiran bestari bertujuan menilai perkembangan intelek, perkembangan tingkah laku, perkembangan emosi, dan perkembangan rohani pelajar menggunakan kaedah pemerhatian, ujian, peperiksaan, dan ujian lisan.

Selain itu, Fatimah menganggap bahawa senarai semak dan kertas soalan merupakan alat yang digunakan dalam pentaksiran bestari. Menurut beliau, pentaksiran bestari membabitkan pelbagai jenis soalan kemahiran berfikir yang mencabar minda. Bagi Fatimah, pentaksiran bestari boleh dilaksanakan sebelum, semasa, dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran; sebulan sekali; dan pada akhir semester.

Seterusnya, beliau berpendapat pentaksiran bestari membabitkan pelbagai aktiviti seperti persempahan kumpulan, projek, penulisan, pertandingan perbahasan, aktiviti latihan, soal jawab, ujian, dan karangan. Fatimah menjelaskan pentaksiran bestari membantu ke arah peningkatan prestasi pelajar dari aspek perkembangan akademik, emosi, tingkah laku, dan rohani. Menurut beliau, ibu bapa, dan pelajar merupakan pihak yang terlibat dalam pentaksiran bestari.

Sebaliknya, beliau menganggap pentaksiran bukan bestari memberi tumpuan kepada perkembangan intelek menggunakan kaedah peperiksaan, ujian, dan latihan. Malahan, pentaksiran bukan bestari beliau anggap menekankan isi pelajaran perkembangan intelek. Selain itu, Fatimah mentafsirkan pentaksiran bukan bestari dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada setiap bulan dan pada akhir semester.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonsepan Fatimah tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 25).

Jadual 25 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara sistematik, optimum, mengendali mengikut cara yang betul, dan dirancang lebih awal.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, televisyen, dan radio.</p> <p>Menggunakan komputer sekali seminggu, radio dua kali seminggu, dan menggunakan televisyen sekali seminggu bergantung pada kesesuaian bahan dan jumlah komputer yang ada.</p>

sambune....

	<p>Membekalkan pelbagai maklumat, mengakses bahan terkini, menyediakan bahan, dan memberi gambaran sebenar tentang sesuatu situasi.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan kelas.</p>
Pengurusan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Digambarkan sebagai pengurusan yang optimum dan sempurna.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Mengendalikan sesuatu perkara secara sistematis dan terancang.</p> <p>Membabitkan pengurusan yang menyeluruh, penggunaan tenaga akademik yang optimum, merekodkan, dan mengemas kini data, mengenal pasti kelemahan pencapaian akademik, dan melaksanakan kelas bimbingan.</p> <p>Membabitkan perancangan awal aktiviti, mencatat kehadiran pelajar, dan meningkatkan ilmu kokurikulum.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi mengikut prosedur.</p> <p>Membabitkan pengurusan bahan yang sistematik, mengurus pembelian bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan terkini.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, mengurus disiplin dengan baik.</p> <p>Membabitkan pembahagian tugas guru mengikut opsyen, memberi cuti, menyediakan bilik yang selesa, dan memberi peluang meningkatkan ilmu.</p> <p>Menjaga peralatan dengan sempurna, tidak rosak, sentiasa dalam keadaan bersih, diletakkan di tempat yang sesuai, dan merekodkan penggunaan peralatan.</p> <p>Merekodkan dan menyimpan bahan luar yang diperoleh, melibatkan ibu bapa dalam proses pendidikan, dan membentuk hubungan baik dengan agensi kerajaan.</p> <p>Mengurus kewangan mengikut keperluan, merekodkan, dan mencatat keluar masuk wang. Membabitkan kawalan keselamatan sekolah secara sistematis.</p>

Penggunaan teknologi. Fatimah berpendapat teknologi bestari adalah alat teknologi yang boleh membekalkan pelbagai maklumat seperti komputer, televisyen, dan radio. Beliau menganggap penggunaan teknologi bestari merujuk penggunaan yang optimum,

iaitu menggunakan teknologi sebagai alat untuk membekalkan bahan rangsangan, mengakses maklumat, membuat rakaman, dan pelajar membuat persembahan. Selain itu, Fatimah mentafsirkan bahawa penggunaan teknologi bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan pengendalian teknologi dengan cara yang betul dan merancang penggunaannya lebih awal. Beliau menggunakan komputer sekali seminggu untuk membuat tugas dan latihan, mencari maklumat, dan mengakses maklumat, manakala televisyen, beliau gunakan sekali seminggu untuk menayangkan contoh orang sedang bersyarah, berbahas, berpidato, dan mendeklamasi sajak. Selain itu, televisyen beliau anggap penting sebagai alat untuk merakamkan aktiviti pelajar dan menayangkan semula sebagai aktiviti susulan. Fatimah menggunakan radio dua kali seminggu untuk melaksanakan set induksi, memperdengarkan rakaman, dan merakam aktiviti pelajar.

Fatimah menjelaskan bahawa beliau menggunakan teknologi berdasarkan pendekatan berpusatkan pelajar seperti menggunakan teknologi sebagai alat yang membantu pelajar melakukan pelbagai aktiviti seperti memperdengarkan rakaman, menjawab soalan, menghasilkan sajak, mendengar rakaman, mencari perkataan sukar, mengakses maklumat, menjawab soalan, dan guru menerangkan konsep. Sebaliknya, Fatimah berpendapat penggunaan teknologi tidak bestari membabitkan penggunaan teknologi secara tidak optimum. Misalnya, radio digunakan untuk melaksanakan set induksi semata-mata. Malahan, alat teknologi yang digunakan terhad pada radio yang digunakan dua hingga tiga kali satu semester untuk memperdengarkan rakaman, membuat latihan, dan menerang konsep.

Pengurusan bestari. Fatimah menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang optimum, iaitu melaksanakan sesuatu perkara mengikut perancangan, merekodkan

maklumat dalam komputer, mengurus peralatan dengan baik, dan mengendalikan aspek kewangan mengikut keperluan. Fatimah juga menganggap pengurusan bestari sebagai pengurusan yang sistematik dan terancang. Menurut beliau, pengurusan yang sistematik membabitkan pembentukan sistem fail, merekodkan, dan mengemas kini maklumat, manakala pengurusan terancang pula dianggap sebagai mengurus sesuatu mengikut perancangan yang telah ditentukan. Selain itu, pengurusan bestari ditafsirkan beliau sebagai mengurus kelas secara konstruktif, seperti menentukan bilangan guru yang mencukupi, memastikan pelaksanaan tugas guru yang betul, menggunakan tenaga akademik secara optimum, merekodkan dan mengemas kini data, mengenal pasti kelemahan pelajar, dan mengadakan kelas bimbingan akademik. Dari aspek kurikulum, beliau berpendapat mengurus bestari membabitkan perancangan awal aktiviti, merekodkan aktiviti dan kehadiran, dan pelajar diberi peluang meningkatkan ilmu dalam bidang kurikulum.

Seterusnya, pengurusan bestari beliau anggap sebagai mengurus teknologi dan bahan mengikut tata cara yang betul; memastikan bahan yang digunakan berkualiti dan merekod penggunaan peralatan menggunakan senarai semak. Bagi Fatimah, pengurusan bestari juga membabitkan penggunaan komputer untuk menyimpan maklumat, pengurusan disiplin pelajar mengikut prosedur, pembahagian tugas guru yang adil mengikut opsyen, penyediaan bilik guru yang selesa, dan peningkatan profesionalisme guru. Fatimah juga mentafsirkan melibatkan ibu bapa dalam proses pendidikan dan membentuk hubungan baik dengan agensi kerajaan sebagai mengurus bestari. Malahan Fatimah menjelaskan pengurusan bestari membabitkan pengurusan kewangan mengikut keperluan dan penjagaan keselamatan sekolah secara sistematik.

Fatimah menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Menurut beliau, pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang membabitkan sistem fail dan rekod yang tidak teratur, melaksanakan sesuatu tidak mengikut perancangan, dan tidak mengambil langkah meningkatkan pencapaian akademik. Beliau juga mentafsirkan kelewatan membaik pulih peralatan yang rosak, penyimpanan bahan yang tidak teratur dan tidak direkodkan, dan pentadbir yang tidak prihatin terhadap kebijakan dan keperluan guru sebagai mengurus tidak bestari.

Asas pembentukan pendidikan bestari

Pengkonseptan Fatimah tentang asas pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonseptan Fatimah tentang aspek psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani, manakala pengkonseptan Fatimah tentang falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 266).

Jadual 26 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas psikologi	<p>Aspek kognitif membabitkan pelbagai aktiviti kemahiran berfikir.</p> <p>Aspek afektif membabitkan penghargaan terhadap hasil kerja pelajar, memberi peluang pelajar menyertai aktiviti, menanamkan sikap menghormati, dan sedia menerima pandangan orang lain.</p>

sambung...

	<p>Aspek psikomotor membabitkan pelbagai pergerakan fizikal dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Aspek rohani membabitkan ketaatan kepada Allah dan pembentukan tingkah laku yang terpuji.</p>
Asas falsafah	<p>Pembentukan pendidikan bestari adalah berdasarkan kepada ajaran agama Islam.</p> <p>Ilmu dianggap sebagai sesuatu yang dipelajari, difahami, diamalkan dalam kehidupan, dan dibuktikan kesahihan melalui kajian. Pengetahuan dilihat sebagai suatu yang diperoleh dari buku dan orang lain, dipercayai betul, tidak terperinci, tetapi boleh diamalkan dalam kehidupan. Maklumat pula adalah sesuatu yang diperoleh dari pelbagai sumber yang tidak tentu kebenarannya dan tidak semestinya diamalkan dalam kehidupan.</p> <p>Membabitkan ilmu asas, ilmu agama, ilmu pendidikan, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan penggunaan bahan, pengetahuan tentang psikologi pelajar, dan maklumat terkini.</p> <p>Membabitkan pembentukan perlakuan yang positif, penggunaan teknologi maklumat, penggunaan pelbagai alat, pembelajaran mengikut aras kebolehan, pelbagai aktiviti membabitkan pelajar secara aktif.</p> <p>Membabitkan usaha mengembangkan potensi individu ke peringkat optimum dan pembentukan tingkah laku terpuji.</p>

Asas psikologi. Fatimah berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti kemahiran berfikir seperti penyelesaian masalah, perbincangan, dan sumbang saran yang boleh melahirkan individu yang berkebolehan menghasilkan idea dan pandangan. Sebaliknya, aspek kognitif yang beliau anggap terkandung dalam pendidikan bukan bestari adalah terhad pada aktiviti mencari isi petikan, memberi makna perkataan, dan mengarang. Selain itu, beliau berpendapat aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum seperti menulis, berpidato, berbahas, dan bersajak. Fatimah menjelaskan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti kurikulum dan Pendidikan Jasmani.

Seterusnya, Fatimah menjelaskan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pengiktirafan hasil kerja pelajar, mewujudkan rasa dihargai, dan menimbulkan suasana yang menyeronokkan. Beliau berpendapat, pendidikan bestari juga memberi pelajar peluang mengiktiraf hasil kerja rakan dan kesediaan menerima pandangan orang lain. Namun begitu, aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pujian terhadap hasil kerja pelajar. Beliau menganggap ketaatan kepada agama merupakan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut Fatimah, agama Islam menyediakan panduan yang lengkap tentang kehidupan manusia, manakala ketaatan kepada agama boleh melahirkan individu yang berakhhlak mulia. Beliau berpendapat aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan penerapan nilai-nilai dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Aspek falsafah. Dari sudut ontologi, Fatimah menganggap pembentukan pendidikan bestari adalah berasaskan kepada ajaran agama Islam. Menurut beliau, agama Islam menyediakan panduan dan contoh teladan yang jelas dari semua aspek kehidupan. Fatimah berpendapat pendidikan bukan bestari diambil dari sistem pendidikan British yang diubah suai mengikut keperluan negara. Dari sudut epistemologi, Fatimah mentafsirkan ilmu sebagai sesuatu yang dipelajari, difahami, diamalkan, dan dibuktikan kesahihan melalui kajian, manakala pengetahuan beliau anggap sebagai sesuatu yang diperoleh dari buku atau orang lain, dipercayai betul, tidak terperinci, tetapi boleh diamalkan dalam kehidupan. Sebaliknya, maklumat pula beliau anggap sebagai sesuatu yang diperoleh dari pelbagai sumber yang tidak tentu kebenarannya dan tidak semestinya diamalkan dalam kehidupan.

Dalam konteks pendidikan bestari, Fatimah menganggap setiap individu membina sendiri ilmu pengetahuan dalam bidang ilmu keagamaan, ilmu keduniaan, ilmu pendidikan, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan penggunaan bahan, pengetahuan tentang individu, dan maklumat terkini. Fatimah mentafsirkan ilmu yang membabitkan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan. Namun begitu, beliau menjelaskan ilmu agama yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengetahuan penggunaan bahan dan teknologi merupakan bentuk pengetahuan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Beliau berpendapat bentuk maklumat yang menjadi asas pembentukan pendidikan bukan bestari adalah maklumat terkini yang diperoleh dari surat khabar, majalah, televisyen, dan internet.

Dari sudut aksiologi, Fatimah menjelaskan pendidikan bestari membabitkan ciri tertentu seperti pembentukan perlakuan yang positif. Selain itu, Fatimah mentafsirkan bahawa penggunaan teknologi multimedia, penglibatan aktif pelajar, pembelajaran mengikut kebolehan, penggunaan pelbagai alat sebagai keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Beliau juga berpendapat keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari tidak sama dengan keunikan dalam pendidikan bukan bestari. Misalnya, pendidikan bukan bestari memberi tumpuan kepada aspek pencapaian akademik. Selain itu, beliau berpendapat logik yang terkandung dalam pendidikan bestari juga membabitkan pembentukan tingkah laku baik dan penerapan nilai dalam aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Fatimah menganggap mengembangkan potensi individu dan pembentukan tingkah laku yang baik merupakan logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Perbezaan Bestari dan Bukan Bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Fatimah tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus iaitu, bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 27).

Jadual 27 Perbezaan antara bestari dengan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan Bestari
• Pendidikan	Satu proses mencungkil potensi individu secara optimum untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan, seimbang, harmoni, dan cekik teknologi. Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, bahan, pelbagai teknologi, penerapan nilai, berpusatkan pelajar. Mempunyai kemudahan yang mencukupi, melaksanakan pelbagai program, proses pengajaran dan pembelajaran yang konstruktif, dan mengamalkan budaya sistematis, mudah guna, dan fleksibel.	Satu proses mencungkil potensi individu secara tidak optimum, iaitu tidak menekankan penggunaan pelbagai bahan, penggunaan teknologi yang terhad, tidak membabitkan pelajar secara aktif dalam proses pendidikan.
• Kurikulum	Merujuk satu set perancangan pembelajaran yang lengkap, sempurna, jelas, dan terperinci. Dibentuk bagi membimbangi individu ke arah melahirkan pelajar seimbang, tingkah laku terpuji, emosi yang stabil, dan perasaan yang terkawal. Kurikulum bestari membabitkan penye paduan ilmu asas, ilmu agama, yang digabung jalin dengan kemahiran dan nilai dalam semua mata pelajaran.	Kurikulum yang menumpukan kepada aspek intelek. Amalan penghayatan agama dan amalan moral tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Berpusatkan guru. Menganadungi ilmu kekeduianan dan keagamaan secara berasingan mengikut mata pelajaran.
• Pengajaran	Aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai kaedah, mengikut sukanan pelajaran, berpusatkan pelajar. Menekankan	Membabitkan aktiviti guru memberi latihan, menerang konsep, dan mengendali aktiviti. Tidak membabitkan pelajar secara

sambung....

	<p>aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Membabitkan penggunaan bahan bercetak, melibatkan pelajar secara aktif, menerapkan nilai, teknologi, dan pelbagai aktiviti. Pengajaran yang menyeronokkan, kadang-kadang membebangkan dan menggembirakan.</p> <p>Membabitkan penyediaan rancangan sebelum pengajaran, membimbing ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, memberi pengiktirafan, melaksanakan refleksi. Guru berperanan sebagai fasilitator, penyampai ilmu, penilai, dan pembimbing.</p>	<p>aktif. Menggunakan bahan yang terhad pada teks, berpusatkan guru, penggunaan bahan dan alat. Menyeronokkan apabila ada aktiviti yang menarik. Tidak menekankan aspek rohani kecuali nilai-nilai murni. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu</p>
• Pembelajaran	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu secara kendiri mengikut kebolehan. Membabitkan pelbagai aktiviti, membabitkan cara belajar individu, berkumpulan, dan berpasangan. Membabitkan kepelbagaian kaedah dan penggunaan pelbagai bahan.</p>	<p>Proses pelajar menerima maklumat dari guru, membuat latihan, menjawab soalan kefahaman, menggunakan bahan dari buku teks. Menumpukan kepada pembelajaran secara individu melalui penerangan guru.</p>
• Pentaksiran	<p>Pentaksiran menyeluruh, berterusan, dan sistematis. Bertujuan menilai pencapaian akademik, amalan tingkah laku, emosi, dan rohani menggunakan pelbagai kaedah dan alat.</p> <p>Membabitkan ibu bapa, guru, dan pelajar sebagai penilai.</p> <p>Dilaksanakan sebelum, semasa, selepas, pengajaran pembelajaran, sebulan sekali, dan pada akhir semester.</p>	<p>Pentaksiran yang membabitkan ujian dan peperiksaan bertujuan menilai prestasi akademik. Dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada setiap bulan dan akhir semester.</p>
• Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi komputer, televisyen, dan radio secara optimum. Mengendali teknologi mengikut tata cara yang betul.</p> <p>Membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai aktiviti menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar secara berterusan.</p>	<p>Penggunaan teknologi tertentu seperti radio secara tidak optimum, terhad pada aktiviti mendengar rakaman, membuat latihan, dan menerang konsep.</p> <p>Digunakan hanya dua hingga tiga kali satu semester.</p>

sambung....

<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan 	<p>Pengurusan yang terancang. Membabitkan aktiviti mererkodkan, mengemas kini maklumat, mengurus peralatan dengan baik, memastikan bilangan guru yang cukup, memastikan pelaksanaan tugas dengan betul, mengenal pasti kelemahan akademik, dan mengendalikan kelas bimbingan. Membabitkan perancangan awal aktiviti, meningkatkan ilmu, mengurus teknologi mengikut prosedur, menentukan bahan berkualiti, penugasan tugas ikut bidang, menyediakan bilik yang selesa, melibatkan ibu bapa, dan menjaga keselamatan sekolah.</p>	<p>Pengurusan yang tidak tersusun, maklumat tidak direkodkan dan dikemas kini, tiada perancangan awal, tidak berusaha meningkatkan pencapaian akademik guru. Peralatan yang tidak dibaih pulih, pentadbir yang tidak prihatin terhadap kebajikan dan keperluan guru.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Asas psikologi 	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani dalam proses pendidikan secara menyeluruh.</p> <p>Membabitkan aktiviti yang boleh mengembangkan pemikiran pelajar ke tahap optimum.</p> <p>Memberi penghargaan, memberi peluang menyertai aktiviti, penerapan nilai murni, dan menerima pandangan orang lain.</p> <p>Membabitkan pergerakan fizikal dalam aktiviti pendidikan.</p> <p>Menekankan ketiauan pada agama, dan pembentukan tingkah laku terpuji.</p>	<p>Membabitkan aspek kognitif seperti mengenal pasti isi, memberi makna perkataan, dan mengarang.</p> <p>Membabitkan hanya pergerakan fizikal dalam mata pelajaran pendidikan jasmani dan kokurikulum.</p> <p>Membabitkan pujian terhadap hasil kerja pelajar.</p> <p>Membabitkan penerapan nilai-nilai murni.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Asas falsafah 	<p>Berlandaskan ajaran Islam. Membabitkan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan, ilmu pendidikan, pengetahuan penggunaan bahan, pengetahuan komputer, pengetahuan tentang psikologi pelajar, dan menekankan maklumat terkini.</p> <p>Membabitkan tingkah laku terpuji, menggunakan pelbagai alat,</p>	<p>Berasaskan sistem pendidikan British yang diubah suai mengikut keperluan negara.</p> <p>Membabitkan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan secara berasingan, pengetahuan penggunaan bahan dan teknologi, dan menggunakan maklumat terkini dari pelbagai sumber.</p>

sambung...

Kajian ini menggunakan pendekatan yang berbentuk kajian lapangan yang melibatkan penggunaan kaedah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan (survey). Oleh itu dalam bab ini pengkaji akan menerangkan dan menghuraikan (i) Instrumen Kajian, (ii) Sampel Kajian, (iii) Prosedur Kajian, (iv) Kajian Rintis dan Lapangan (v) Analisis Data.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian kuantitatif dan instrumen kajian ini berdasarkan soalselidik yang dihasilkan sendiri oleh pangkaji dengan berdasarkan gabungan tiga soalselidik. Soalselidik yang dimaksudkan tersebut ialah, pertamanya soalselidik yang bertajuk, “ Dimensions of Excellence Scales, School Staff Survey, Research For Better Schools (RBS)” (1991) oleh Russel A. Dusewicz dan Francine S. Beyer, Philadelphia, Amerika Syarikat. Instrumen kajian ini telah diubahsuai dan dialih bahasa ke Bahasa Malaysia oleh pengkaji dan disemak oleh pensyarah-pensyarah Bahasa, Kolej Islam Darul Ehsan. Seterusnya soalselidik yang bertajuk “ Kajian Sekolah Berkesan di Malaysia” : Model Lima Faktor oleh Shahril Marzuki (1997) dan ketiganya soalselidik Kepimpinan Pengajaran Pengetua oleh Brown (1981) dan Skala Kadar Pengurusan Pengajaran Pengetua oleh Hallinger dan Murphy (1985) yang telah diubahsuai oleh Nor Azizan Hj. Yusof (1997) di dalam kajiannya yang bertajuk, “ Persepsi Guru-guru Terhadap Peranan Pengetua Berhubung Dengan Pencapaian Akademik Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Daerah Petaling ”.

Instrumen kajian ini mengandungi satu set soalselidik untuk guru-guru. Soalselidik dibahagikan kepada tiga belas (13) bahagian, dan mengandungi perkara-perkara berikut :-

Dari aspek pengajaran, Fatimah berpendapat pengajaran bestari merujuk proses guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan berpusatkan pelajar, membimbing ke arah pembentukan tingkah laku baik dan memberi tumpuan kepada aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek secara bersepadu. Malahan beliau menganggap pengajaran bestari membabitkan penggunaan pelbagai bahan dan alat teknologi dan pelbagai aktiviti. Selain itu, beliau menjelaskan pengajaran bestari menyeronokkan, kadang kala membebankan, dan kadang kala menggembirakan. Fatimah menganggap pengajaran tersebut membabitkan penyediaan perancangan mengajar, memberi pengiktirafan kepada pelajar, dan menjalankan proses refleksi. Fatimah juga berpendapat peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai fasilitator, menyampai ilmu, penilai dan pembimbing. Sebaliknya, Fatimah menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menerang konsep, memberi latihan, dan mengendali aktiviti. Pengajaran bukan bestari, beliau kenal pasti sebagai pengajaran yang tidak membabitkan pelajar secara aktif. Dalam pengajaran bukan bestari, aspek rohani hanya membabitkan penerapan nilai-nilai murni. Beliau berpendapat dalam pengajaran bukan bestari, guru bertindak sebagai penyampai ilmu.

Selain itu, Fatimah mentafsirkan pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu secara kendiri dan mengikut kebolehan masing-masing. Seterusnya, beliau menjelaskan pembelajaran bestari merujuk cara belajar berkumpulan, berpasangan, dan individu menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, dan pelbagai bahan. Sebaliknya, Fatimah menganggap pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar menerima maklumat dari guru melalui aktiviti tertentu seperti membuat latihan dan menjawab soalan. Beliau juga mentafsirkan pembelajaran bukan bestari sebagai satu

proses pelajar memperoleh ilmu melalui penerangan dan penyampaian maklumat guru menggunakan sumber yang terhad.

Dari sudut pentaksiran, Fatimah menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran menyeluruh, berterusan, dan sistematik bertujuan menilai pencapaian akademik pelajar, amalan tingkah laku, emosi, dan rohani. Menurut beliau, pentaksiran bestari dikendalikan oleh guru, ibu bapa, dan pelajar menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai alat pada masa sebelum, semasa, dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran, sebulan sekali, dan pada akhir semester. Sebaliknya, Fatimah menganggap pentaksiran bukan bestari sebagai pentaksiran yang membabitkan ujian dan peperiksaan bertujuan menilai prestasi akademik. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari dikendalikan oleh guru menggunakan kaedah latihan, ujian dan peperiksaan pada setiap bulan dan akhir semester.

Seterusnya, Fatimah menganggap penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi komputer, televisyen, dan radio secara sistematik dan optimum. Menurut beliau, penggunaan teknologi secara sistematik membabitkan pengendalian teknologi mengikut tata cara yang betul dan dirancang penggunaannya lebih awal, manakala penggunaan teknologi secara optimum membabitkan penggunaan teknologi dalam pelbagai aktiviti menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Sebaliknya, Fatimah menjelaskan penggunaan teknologi bukan bestari merujuk penggunaan teknologi dua hingga tiga kali satu semester dan terhad kepada aktiviti tertentu seperti mendengar rakaman, membuat latihan, dan menerang konsep.

Dari sudut pengurusan, Fatimah mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang terancang, iaitu membabitkan sistem merekodkan dan mengemas kini

maklumat yang teratur, mengurus peralatan dengan baik, dan mengendali kewangan mengikut keperluan. Fatimah menganggap bahawa menentukan bilangan guru yang mencukupi, menentukan pelaksanaan tugas guru yang betul, menggunakan tenaga akademik secara optimum, mengenal pasti kelemahan akademik, dan mengendalikan kelas bimbingan sebagai mengurus bestari. Selain itu, beliau juga berpendapat pengurusan bestari membabitkan perancangan awal aktiviti, mencatat dan melaporkan aktiviti pelajar, dan memberi peluang kepada pelajar meningkatkan ilmu dalam bidang kurikulum. Beliau juga mentafsirkan pentaksiran bestari sebagai mengurus teknologi mengikut prosedur dan memastikan bahan yang berkualiti dan boleh digunakan. Fatimah menjelaskan pengagihan tugas guru mengikut bidang, penyediaan bilik yang selesa, prihatin terhadap maslah yang guru hadapi, menjaga keselamatan sekolah, dan melibatkan ibu bapa dalam pendidikan adalah mengurus bestari. Sebaliknya, beliau berpendapat pengurusan bukan bestari membabitkan sistem fail dan rekod yang tidak tersusun, tiada perancangan aktiviti, tidak berusaha ke arah meningkatkan akademik pelajar, tidak mengambil langkah segera membaik pulih peralatan yang rosak, tidak memberi perhatian terhadap kebajikan dan keperluan guru.

Seterusnya, Fatimah menjelaskan usaha mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek merupakan asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Beliau juga berpendapat pendidikan bestari membabitkan usaha mengembangkan pemikiran pelajar ke tahap optimum, memberi penghargaan terhadap hasil kerja pelajar, memberi peluang pelajar menyertai pelbagai aktiviti, dan menanamkan nilai. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa pendidikan bestari membabitkan kepelbagaian aktiviti fizikal, ketaatan pada agama, dan

pembentukan tingkah laku baik yang selaras dengan kehendak agama. Sebaliknya, Fatimah berpendapat asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti tertentu seperti mengenal pasti isi, memberi makna perkataan, dan mengarang. Beliau menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari pula membabitkan aktiviti luar dan dalam bilik darjah. Beliau juga menjelaskan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pujian terhadap hasil kerja pelajar, manakala penerapan nilai- semata-mata merupakan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari sudut falsafah, Fatimah berpendapat pendidikan bestari adalah berlandaskan ajaran Agama Islam, manakala pendidikan bukan bestari berdasarkan sistem pendidikan British yang diubah suai mengikut keperluan negara. Fatimah mengenal pasti ilmu keduaniaan, ilmu keagamaan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan penggunaan bahan dan teknologi, pengetahuan tentang psikologi pelajar, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pembentukan pendidikan bestari secara bersepada. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari membabitkan ilmu asas dan ilmu agama, pengetahuan, kemahiran, dan nilai secara berasingan. Dari segi tingkah laku, Fatimah mentafsirkan pendidikan bestari dan pendidikan bukan bestari membabitkan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Fatimah menganggap penggunaan teknologi multimedia, penggunaan pelbagai alat, kebolehan pelajar, usaha mengembangkan potensi individu secara optimum, penglibatan aktif pelajar, dan penggunaan pelbagai aktiviti sebagai keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, pendidikan yang berfokuskan pada pencapaian akademik semata-

mata dianggap Fatimah sebagai keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Munirah

Munirah ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tingkatan dua dan tingkatan empat. Munirah mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya. Beliau mengajar selama enam tahun sejak 1995 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti latihan sekolah bestari selama satu minggu anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Selain itu, beliau pernah menghadiri bengkel penggunaan komputer dan bengkel pengajaran dan pembelajaran bestari anjuran pihak sekolah.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Munirah tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu makna bestari dan makna pendidikan bestari dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 28).

Jadual 28 Makna bestari dan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Bestari digambarkan sebagai suatu yang berkait dengan komputer. Bestari juga digambarkan sebagai aktif dan bijak.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Bestari adalah suatu yang berkait dengan kebolehan menyelesaikan masalah, berani mengemukakan pendapat, dan boleh berkomunikasi dengan baik.</p> <p>Bestari itu teratur, optimis, berani, dan berdikari.</p> <p>Kebolehan menghasilkan maklumat, menyalurkan maklumat dan menyampaikan ilmu.</p> <p>Bertingkah laku baik, mematuhi perintah Allah, dan meninggalkan laranganNya.</p> <p>Kemampuan memperoleh prestasi yang cemerlang.</p> <p>Kuat beragama.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Metafora bestari 	<p>Guru bestari diibaratkan sebagai komputer.</p>
Pendidikan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Satu proses ke arah melahirkan individu pintar, bijak, bersikiran terbuka, berani mengemukakan pendapat, banyak idea, dan mampu menyelesaikan masalah.</p> <p>Satu usaha melahirkan individu yang bertingkah laku baik, berani, yakin, aktif, dan mematuhi peraturan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Usaha ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, tingkah laku terpuji, dan aktif dalam kurikulum.</p> <p>Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, alat, bahan, dan pelbagai teknologi, khususnya komputer.</p> <p>Mempunyai kemudahan yang mencukupi, sesuai, dan berkualiti.</p>

sambung....

	<p>Melaksanakan program kemahiran berfikir, kemahiran belajar, bimbingan akademik, senaman pagi, seni mempertahankan diri, kerohanian, motivasi, dan bimbingan kerjaya.</p> <p>Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar dalam pelbagai aktiviti.</p> <p>Meningkatkan ilmu, amalan penggunaan teknologi, bersedia menerima perubahan pendidikan, penggunaan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran, dan mahir menggunakan komputer.</p>
--	--

Gambaran mental bestari. Munirah menggambarkan bestari sebagai aktif dan bijak sana. Selain itu, beliau menggambarkan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan komputer. Menurut beliau, komputer membantu memudahkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran seperti boleh menyimpan maklumat, mengakses maklumat, dan menganalisis maklumat. Bestari juga digambarkan sebagai aktif, iaitu mempunyai kebolehan melakukan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif dalam bilik darjah. Beliau juga menggambarkan bestari sebagai bijaksana, iaitu berkemampuan dan berkebolehan menangani sesuatu masalah, berani mengemukakan pendapat yang bernas, boleh berkomunikasi dengan baik, dan boleh mengolah sesuatu dengan betul.

Makna umum. Munirah berpendapat bestari adalah teratur. Menurut beliau, teratur merujuk suatu yang dilaksanakan mengikut cara yang betul, terancang, dan tersusun untuk mencapai matlamat. Munirah juga menganggap bestari sebagai berani, iaitu tidak takut menyuarakan idea dan pendapat. Selain itu, beliau mentafsirkan bestari sebagai berdikari, iaitu berkebolehan mencari sendiri maklumat dari pelbagai sumber, boleh bekerjasama dalam aktiviti kumpulan, dan boleh berkomunikasi dengan baik. Munirah juga berpendapat bestari membabitkan kemampuan individu menangani masalah yang dihadapi. Seterusnya, beliau menjelaskan bestari merujuk kebolehan menyampaikan

pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan kepada orang lain. Dari sudut tingkah laku, Munirah berpendapat bestari membabitkan tingkah laku yang terpuji, iaitu bersopan santun, berbudi bahasa, berjaya, tolong menolong, menghormati orang lain, berkemampuan memperoleh prestasi cemerlang, berkemampuan membuat perancangan yang tersusun, dan melaksanakan sesuatu mengikut perancangan. Beliau juga menganggap bestari itu sebagai kebolehan mengamalkan sesuatu yang baik, sempurna, berkebolehan menyalurkan maklumat, dan kuat beragama.

Metafora bestari. Munirah mengibaratkan guru bestari sebagai komputer. Menurut beliau, komputer menunjukkan kecepatan dan kecekapan melakukan pelbagai tugas seperti mengurus maklumat, memudahkan kerja, berhubung, dan menghantar e-mel. Dalam konteks ini, guru beliau anggap sebagai bestari, iaitu mempunyai kebolehan melaksanakan pelbagai kerja, efektif, dan kebolehan menghubungkan individu dengan individu lain, menyampai, menerima, dan memproses maklumat dengan cepat.

Gambaran mental pendidikan bestari. Munirah menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses melahirkan individu yang pintar, bijak, berfikiran terbuka, dan mampu menyelesaikan masalah. Munirah juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses untuk melahirkan pelajar yang bertingkah laku baik, berani, yakin, aktif, dan mematuhi peraturan.

Makna umum pendidikan bestari. Munirah berpendapat pendidikan bestari sebagai satu proses melahirkan pelajar yang baik, iaitu taat kepada Tuhan, cemerlang akademik, baik tingkah laku, dan aktif dalam kurikulum. Beliau juga menganggap pendidikan bestari sebagai proses ke arah melahirkan insan yang baik menggunakan pelbagai kaedah,

alat, bahan, dan pelbagai teknologi, khususnya komputer. Selain itu, Munirah menjelaskan pendidikan bestari membabitkan kemudahan yang mencukupi dan berkualiti.

Beliau berpendapat, pendidikan bestari membabitkan pelbagai program seperti bimbingan akademik, bimbingan kemahiran berfikir, kemahiran belajar, senaman pagi, seni mempertahankan diri, aktiviti kerohanian, aktiviti motivasi, dan aktiviti bimbingan kerjaya. Menurut Munirah, pendidikan bestari pelajar menekankan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Munirah juga menjelaskan bahawa pendidikan bestari menekankan peningkatan ilmu guru, dan penggunaan komputer. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari merupakan satu proses ke arah melahirkan pelajar yang aktif dalam kurikulum dan cemerlang akademik. Namun begitu, pendidikan bukan bestari tidak memberi penekanan terhadap penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonseptan Munirah tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 29).

Jadual 29 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum Bestari	<p>Merujuk perancangan pembelajaran yang menyeluruh, lengkap, dan terperinci.</p> <p>Bertujuan mengembangkan potensi individu, meningkatkan penguasaan terhadap isi pelajaran, boleh menggunakan teknologi maklumat, mengamalkan dan memahami pertuturan, tulisan, bahan bacaan, taat pada Tuhan, dan baik tingkah laku.</p> <p>Membabitkan pengetahuan teknologi maklumat pengetahuan dan ilmu keduniaan, ilmu kokurikulum, ilmu agama, kemahiran berfikir, dan kemahiran bahasa.</p> <p>Menekankan nilai murni dan nilai kerohanian.</p> <p>Membabitkan aktiviti berkumpulan dan kepelbagaian aktiviti.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, penilaian menyeluruh, interaksi dua hala, dan penggunaan teknologi.</p>
Pengajaran bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum 	<p>Satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai kaedah, menggunakan komputer, dan membabitkan pelajar secara aktif dalam pengajaran.</p> <p>Proses guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai teknik, melibatkan pelajar secara aktif, interaksi dua hala, dan menggunakan teknologi maklumat.</p> <p>Membabitkan aktiviti guru membimbing pelajar ke arah melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek secara menyeluruh.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah tajuk pelajaran, teknik penyampaian, tahap kebolehan pelajar, dan penilaian, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bestari adalah kesahaman pelajar. Selepas mengajar, perkara yang difikirkan adalah pencapaian objektif pengajaran, kekuatan dan kelemahan pengajaran.</p> <p>Pengajaran bestari adalah menyeronokkan, kadang-kadang membimbangkan, dan kadang kala berasa marah.</p> <p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan dan melakukan amalan yang diperintahkanNya.</p> <p>Membabitkan pembentukan tingkah laku yang baik.</p>

sambune....

	<p>Membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan, dan soalan sebelum mengajar. Semasa pengajaran, guru melaksanakan membentuk kumpulan, memberi arahan, menerang tajuk, menyampaikan maklumat, membimbing pelajar melaksanakan aktiviti, dan mengemukakan soalan. Di akhir pengajaran, guru memberi latihan, pengiktirafan, merumus pembentangan, dan melakukan refleksi.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing dan perancang.</p>
Pembelajaran bestari	<p>Proses pelajar memperoleh ilmu secara berkumpulan. Membabitkan penggunaan teknologi dan penglibatan aktif pelajar.</p> <p>Membabitkan cara individu dan kumpulan.</p> <p>Menggunakan kaedah pencarian maklumat dan kaedah perbincangan.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan bercetak dan bahan yang mengandungi maklumat terkini.</p> <p>Membabitkan aktiviti kreatif dan pembentangan kumpulan.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran menyeluruh dan sistematik.</p> <p>Bertujuan mengenal pasti pencapaian pelajar dalam peperiksaan, mentaksir tingkah laku, melibatkan pelajar dalam proses pendidikan, dan mengenal pasti kebolehan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.</p> <p>Menggunakan kaedah ujian, peperiksaan, dan pemerhatian. Memberi fokus kepada topik pelajaran, kemahiran bahasa, dan tingkah laku pelajar.</p> <p>Menggunakan kertas soalan, kertas catatan, dan komputer dalam pentaksiran.</p> <p>Sesuai dilaksanakan setiap kali selepas pengajaran dan pembelajaran, sebulan sekali, pada akhir semester, dan bila-bila masa yang sesuai.</p> <p>Membantu ke arah pencapaian prestasi lebih baik dari segi akademik dan pembentukan tingkah laku.</p> <p>Membabitkan penglibatan pelajar dalam bilik darjah, luar bilik darjah, penghasilan projek, ujian, dan peperiksaan.</p> <p>Membabitkan guru tingkatan, guru mata pelajaran, pengetua, penolong kanan, ketua panitia, dan pelajar.</p>

Kurikulum bestari. Munirah menganggap kurikulum bestari sebagai satu set perancangan pembelajaran yang menyeluruh, lengkap, dan terperinci. Beliau berpendapat, kurikulum yang menyeluruh membabitkan aspek akademik, non akademik, mengandungi

nilai, kepercayaan, kognitif, rohani, emosi, dan jasmani secara bersepada, manakala kurikulum yang lengkap dibuat dalam bentuk pakej pembelajaran yang mengandungi garis panduan terperinci tentang pelaksanaan aktiviti, kaedah, teknologi maklumat, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, nilai, dan pentaksiran. Bagi Munirah, kurikulum bestari dibentuk bertujuan membantu pelajar mengembangkan potensi, menguasai isi pelajaran, celik teknologi, menghayati ilmu, bertingkah laku baik, dan taat pada Tuhan.

Selain itu, Munirah menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum tersebut membabitkan program teras yang memberi fokus kepada ilmu dunia dan ilmu agama; program kemahiran yang memberi fokus kepada kemahiran bahasa, teknologi maklumat, dan kokurikulum; program pengayaan yang memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Menurut beliau, kurikulum bestari menumpukan kepada penyepaduan ilmu yang digabungjalinkan dengan kemahiran, dan nilai dalam semua mata pelajaran.

Munirah berpendapat kurikulum bestari membabitkan aktiviti yang pelbagai seperti aktiviti perbincangan, mencari maklumat, pembentangan kumpulan, mendengar rakaman, mendeklamasi sajak, menghasilkan pantun, dan syaranan membantu mengembangkan kebolehan pelajar. Bagi Munirah, kurikulum tersebut juga membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan penilaian menyeluruh. Beliau menganggap kurikulum bukan bestari berbeza dengan kurikulum bestari. Menurut Munirah, kurikulum bukan bestari tidak menyediakan panduan pengajaran dan pembelajaran yang terperinci, penggunaan pendekatan berpusatkan guru, tidak menumpukan tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, dan tidak memberi perhatian wajar kepada aspek kerohanian.

Munirah mentafsirkan program teras dalam kurikulum bukan bestari membabitkan ilmu duania dan ilmu agama. Namun begitu, kurikulum bukan bestari tidak menyepadukan dua bidang ilmu, iaitu ilmu agama dan ilmu dunia. Kurikulum bukan bestari menekankan ilmu agama hanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, Munirah berpendapat kurikulum bukan bestari membabitkan aktiviti berbentuk individu menggunakan pendekatan berpusatkan guru, dan pentaksiran tidak menyeluruh. Munirah menjelaskan pentaksiran bukan bestari menumpukan kepada perkembangan akademik dan tidak memberi tumpuan kepada kepada perkembangan rohani, emosi, dan fizikal secara menyeluruh dan bersepada.

Pengajaran bestari. Munirah menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pendekatan tertentu seperti pelbagai kaedah, pelbagai alat teknologi khususnya komputer, penglibatan aktif pelajar, pelbagai teknik, dan interaksi dua hala. Selain itu, beliau juga menggambarkan pengajaran bestari sebagai aktiviti guru membimbing pelajar mengembangkan potensi jasmani, emosi, rohani, dan intelek secara bersepada. Misalnya, guru membimbing pelajar membentuk tingkah laku yang baik, menyedari akan kewujudan Pencipta dan membuat perhubungan langsung dengan Pencipta, mewujudkan suasana yang menyeronokkan, dan membabitkan pelajar dalam aktiviti.

Seterusnya, Munirah menganggap pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu guru fikirkan. Misalnya, guru memikirkan tentang tajuk pelajaran, teknik penyampaian, tahap kebolehan pelajar, dan penilaian pelajar sebelum mengajar, manakala semasa mengajar guru memikirkan tentang kefahaman dan tugasan pelajar.

Perkara yang guru fikirkan selepas mengajar pula adalah pencapaian objektif pengajaran dan kelemahan kekuatan pengajaran.

Munirah menganggap pengajaran bestari sebagai pengajaran yang menyeronokkan apabila melaksanakan aktiviti pembentangan kumpulan. Selain itu, beliau kadang kala merasa bimbang apabila objektif pengajaran tidak tercapai, dan kadang kala marah apabila pelajar tidak memberi tumpuan terhadap pengajaran guru dan gagal menyempurnakan tugas. Menurut Munirah, pengajaran bestari juga membabitkan aspek kepercayaan kepada Tuhan dan melakukan amalan yang Tuhan suruh melalui contoh petikan yang berkaitan dan guru sebagai contoh yang boleh diteladani.

Seterusnya, Munirah berpendapat pengajaran bestari membabitkan penyediaan rancangan mengajar, penyediaan bahan bantu mengajar, memberi arahan tugas, membentuk kumpulan, menerang tajuk, mengumpul maklumat, melaksanakan perbincangan, dan pelajar mempersesembahkan hasil kerja. Selain itu, dalam pengajaran bestari guru mengemukakan soalan kepada pelajar, memberi pengiktirafan, memberi latihan, merumus pembentangan, dan sekali sekala melaksanakan proses refleksi. Munirah berpendapat peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing dan perancang.

Sebaliknya, Munirah menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan tidak membabitkan penggunaan komputer. Malahan beliau menjelaskan dalam pengajaran bukan bestari guru hanya memikirkan semata-mata untuk menghabiskan sukanan pelajaran dan pencapaian objektif. Menurut Munirah, pengajaran bukan bestari tidak menyeronokkan apabila pelajar tidak melibatkan diri dalam aktiviti. Munirah berpendapat

pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti tertentu seperti menerang konsep, pelajar menjawab soalan kefahaman, membuat ayat, dan mengenal pasti aspek tata bahasa. Selain itu, dalam pengajaran bukan bestari, peranan guru adalah sebagai penyampai maklumat, iaitu menerangkan konsep dan memberi maklumat tentang isi pelajaran.

Pembelajaran bestari. Munirah menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut kebolehan. Menurut beliau, pembelajaran tersebut juga membabitkan penggunaan teknologi maklumat, bahan bercetak dan penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai aktiviti. Misalnya, pelajar melakukan aktiviti mencari maklumat, menghasilkan tugas, mengumpul dan mengemukakan idea, dan berinteraksi. Munirah berpendapat pembelajaran individu dan berkumpulan merupakan cara pembelajaran bestari. Munirah menjelaskan pembelajaran individu merujuk pelajar melakukan sendiri aktiviti seperti mencari maklumat, menjawab soalan, dan membuat ulang kaji. Pembelajaran cara berkumpulan pula merujuk pelajar dalam kumpulan menghasilkan tugas, memberi pendapat, mengemukakan idea, menyelesaikan masalah, dan membentang hasil kajian. Beliau menganggap pembelajaran bestari adalah menyeronokkan apabila pelajar melakukan pelbagai aktiviti yang kreatif dan aktiviti yang membabitkan pembentangan kumpulan seperti aktiviti melukis, mengarang, melakonkan, membuat skrip, menghasilkan sajak, dan menyatakan isi pelajaran.

Munirah menganggap pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari membabitkan proses pelajar mendengar dan memperoleh maklumat daripada guru. Beliau berpendapat dalam pembelajaran bukan bestari, pelajar belajar melalui aktiviti mendengar, menyalin nota, menghafal, dan mengingati fakta untuk tujuan peperiksaan semata-mata. Selain itu,

Munirah berpendapat pembelajaran bukan bestari membabitkan kaedah pembacaan dan latihan. Misalnya, pelajar dikehendaki membaca, mencari isi, menyalin, memberi erti perkataan sukar, menjawab soalan, menghafal, dan membuat latihan.

Pentaksiran bestari. Munirah mentafsirkan pentaksiran bestari sebagai pentaksiran menyeluruh dan sistematik. Menurut beliau, pentaksiran menyeluruh memberi tumpuan kepada semua aspek perkembangan individu, iaitu perkembangan kognitif, afektif, budi pekerti, dan penghayatan. Pentaksiran yang sistematik pula merujuk penggunaan komputer dalam melaksanakan proses pentaksiran. Menurut beliau, pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti pencapaian pelajar dalam peperiksaan, mentaksir perkembangan tingkah laku dan penglibatan pelajar, dan mengenal pasti kebolehan pelajar dalam aktiviti kurikulum. Bagi Munirah, pentaksiran bestari dilaksanakan menggunakan kaedah ujian, latihan, peperiksaan, dan pemerhatian yang memberi fokus kepada penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran, penghayatan, afektif, kemahiran bahasa, kemahiran bahasa, dan tingkah laku pelajar. Malahan pentaksiran bestari membabitkan penggunaan alat tertentu seperti kertas soalan, kertas catatan, dan komputer.

Munirah menjelaskan pentaksiran bestari sesuai dilaksanakan setiap kali selepas mengajar satu unit pelajaran, sebulan sekali, pertengahan dan akhir semester, dan bila-bila masa apabila pelajar telah bersedia untuk dinilai. Beliau berpendapat pentaksiran itu membantu ke arah pencapaian prestasi yang lebih baik dari segi akademik dan tingkah laku. Selain itu, pentaksiran bestari membabitkan aktiviti kurikulum seperti permainan, olah raga, penghasilan projek, aktiviti ujian, peperiksaan, dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beliau menganggap guru kelas, guru mata pelajaran, pelajar, pengetua, penolong kanan, dan ketua panitia sebagai pihak yang patut terlibat dalam pentaksiran

bestari. Sebaliknya, beliau berpendapat pentaksiran bukan bestari hanya membabitkan aspek akademik melalui ujian dan peperiksaan semata-mata, manakala aspek afektif, tingkah laku, dan penghayatan diambil kira dalam pentaksiran bukan bestari. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari memberi fokus pada penguasaan isi pelajaran dan kemahiran bahasa semata-mata menggunakan kertas soalan. Seterusnya, Munirah berpendapat pentaksiran bukan bestari dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada dua tiga bulan sekali, pertengahan semester, dan akhir semester.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonsepan Munirah tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 30).

Jadual 30 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara optimum, sesuai, dan memerlukan kemahiran tentang tata cara penggunaan teknologi.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, televisyen, dan projektor overhead.</p> <p>Menggunakan komputer seminggu sekali, televisyen sebulan sekali, dan projektor overhead tiga kali sebulan dan dua kali seminggu apabila berpeluang ke bilik bestari.</p> <p>Penting untuk meningkatkan minat pelajar, memudahkan kerja, menjimatkan masa, membuat hasilan yang menarik, menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran, dan melaksanakan aktiviti persembahan.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan berpusatkan guru.</p>

sambung....

Pengurusan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Digambarkan sebagai pentadbiran sekolah yang sistematik, bijaksana, dan tersusun.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Melaksanakan pengurusan mengikut rancangan, pengurusan kelas yang baik, pengendalian peralatan dan kemudahan dengan baik, mengurus secara bermusyawarah, berusaha meningkatkan ilmu.</p> <p>Membabitkan penyediaan perancangan yang teliti, penglibatan aktif pelajar, melaksanakan refleksi, dan melaksanakan penilaian.</p> <p>Memberi peluang pelajar memilih aktiviti kokurikulum mengikut minat, bakat, dan kebolehan dan meningkatkan pengetahuan guru dalam bidang kokurikulum.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi mengikut prosedur yang betul, menggunakan alat teknologi terkini.</p> <p>Membabitkan bahan yang sesuai, terkini, dan mencukupi.</p> <p>Membabitkan penggunaan pelbagai alat dan bahan, membantu pelajar menguruskan masalah peribadi dan akademik, memberi bimbingan akademik, dan mengendalikan data, dan maklumat pelajar menggunakan komputer.</p> <p>Membabitkan pembahagian tugas mengikut opsyen, menepati masa, memantau pelaksanaan tugas staf dan menggunakan komputer dalam melaksanakan kerja.</p> <p>Membabitkan pengurusan peralatan mengikut prosedur penggunaan, menyimpan peralatan di tempat yang betul, berkemahiran dalam penggunaan alat, dan meningkatkan pengetahuan dalam membaik pulih alat.</p> <p>Membabitkan penelitian kesesuaian bahan yang diterima, dan merekodkan bahan secara sistematik.</p> <p>Membabitkan pelaburan wang dalam tabung amanah, menyimpan wang di bank, memperoleh sumber kewangan melalui derma, mewujudkan sistem fail yang lengkap, dan merancang penggunaan kewangan mengikut keutamaan.</p> <p>Membabitkan penyimpanan alat keselamatan menggunakan kod tertentu, menggunakan log yang bermutu tinggi, mengawal dan merekodkan keluar masuk pelawat ke sekolah.</p>

Penggunaan teknologi. Munirah berpendapat, teknologi bestari adalah alat yang menggunakan teknologi terkini seperti komputer, televisyen dan projektor overhead. Manakala penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi secara optimum dan memerlukan kemahiran penggunaan teknologi. Bagi Munirah, penggunaan

teknologi secara optimum membabitkan penggunaan yang kerap, iaitu sekurang-kurangnya dua kali seminggu dalam pelbagai aktiviti. Beliau menggunakan komputer sekali seminggu untuk menerang konsep dan membuat persembahan. Manakala televisyen beliau gunakan sebulan sekali untuk menunjukkan kepada pelajar contoh rakaman.

Munirah menggunakan projektor overhead tiga kali sebulan untuk menerang konsep dan sekali seminggu untuk pembentangan kumpulan. Munirah berpendapat beliau menggunakan teknologi berdasarkan pendekatan berpusatkan pelajar. Menurut beliau, teknologi digunakan untuk memperoleh maklumat, membentangkan hasil tugas, dan melaksanakan perbincangan. Munirah berpendapat penggunaan teknologi tidak bestari merujuk penggunaan teknologi secara tidak optimum seperti tidak menggunakan teknologi yang ada, dan menggunakan sekali sekala alat teknologi untuk aktiviti tertentu seperti rakaman dan tayangan rakaman semata-mata. Beliau menjelaskan penggunaan teknologi dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan aktiviti guru memperdengarkan rakaman. Bagi Munirah, dalam pendidikan bukan bestari pelajar tidak diberi peluang menggunakan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan bestari. Munirah menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang sistematis, bijaksana, dan tersusun. Menurut beliau, pengurusan sistematik merujuk penggunaan komputer dalam merekodkan dan menyimpan maklumat. Pengurusan yang bijaksana pula membabitkan perancangan yang teliti. Manakala pengurusan yang tersusun pula membabitkan agihan tugas dan pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang. Selain itu, Munirah berpendapat pengurusan bestari merujuk pengendalian kelas dengan

baik dan mengurus secara bermusyawarah. Beliau juga menganggap usaha ke arah peningkatan ilmu tentang teknologi sebagai mengurus bestari.

Seterusnya, Munirah menjelaskan bahawa mengurus bestari dari aspek akademik membabitkan penyediaan perancangan yang teliti, pelaksanaan proses refleksi, dan melaksanakan penilaian dalam pengajaran. Manakala mengurus bestari non akademik adalah memberi peluang pelajar melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan bimbingan guru dan meningkatkan pengetahuan guru dalam bidang kokurikulum. Selain itu, beliau menganggap mengurus bestari dari aspek teknologi membabitkan penggunaan teknologi mengikut prosedur yang betul, menggunakan alat teknologi terkini, dan memberi guru, pelajar, dan pentadbir kemahiran mengguna dan mengendalikan komputer. Munirah juga berpendapat penyediaan bahan yang sesuai, teliti, dan mencukupi sebagai mengurus bestari.

Dari aspek hal ehwal pelajar, mengurus bestari membabitkan penggunaan pelbagai alat dan bahan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pelajaran, membantu pelajar mengurus masalah peribadi, memberi bimbingan akademik, dan mengendali data dan maklumat pelajar menggunakan komputer. Selain itu, mengurus bestari membabitkan pembahagian tugas mengikut opsyen, menepati masa, memantau pelaksanaan tugas guru dan staf, dan menggunakan komputer dalam melaksanakan kerja. Dari aspek peralatan, mengurus bestari membabitkan penggunaan alat mengikut prosedur, menyimpan peralatan di tempat yang selamat, berkemahiran dalam penggunaan alat, dan meningkatkan pengetahuan dalam membaik pulih alat. Seterusnya, beliau berpendapat memastikan kesesuaian bahan dan merekodkan bahan luar yang diterima secara sistematik sebagai mengurus bestari.

Dari aspek kewangan, Munirah berpendapat melabur wang dalam tabung amanah, menyimpan wang di bank, memperoleh sumber kewangan dari kutipan derma, mewujudkan sistem fail yang lengkap, dan merancang pengurusan kewangan mengikut keutamaan sebagai mengurus bestari. Beliau menganggap mengurus bestari dari sudut keselamatan pula membabitkan penyediaan keselamatan menggunakan kod tertentu, menggunakan log bermutu tinggi, dan merekodkan dan mengawal keluar masuk pelawat ke sekolah.

Munirah menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Menurut beliau, pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang tidak cekap, iaitu tidak mengamalkan mesyuarat dalam membuat keputusan dan tidak menggunakan komputer untuk mengurus pendidikan. Beliau juga berpendapat mengurus bukan bestari tidak menekankan penglibatan pelajar dalam aktiviti, mengurus kelas secara tidak tersusun, hasil kerja pelajar yang tidak di semak, dan masalah disiplin.

Munirah berpendapat mengurus tidak bestari juga membabitkan penggunaan teknologi lama seperti mesin taip, kelewatan merekodkan dan mengedarkan maklumat, sistem rekod yang tidak terstur, dan perbelanjaan kewangan yang tidak dirancang. Seterusnya, beliau menganggap sistem keselamatan yang longgar, tidak mengawal keluar masuk pelawat, tidak mengunci bilik peralatan, pagar rosak yang tidak diperbaiki, dan tidak menyediakan alat pemadam api yang sempurna sebagai mengurus tidak bestari.

Asas Pembentukan Pendidikan Bestari

Pengkonsepan Munirah tentang asas pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonsepan Munirah tentang aspek psikologi membabitkan kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani. Manakala pengkonsep Munirah tentang falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 31).

Jadual 31 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
<ul style="list-style-type: none"> • Asas psikologi 	<p>Membabitkan kebolehan pelajar menyumbang idea dan berfikir secara kritis dan kreatif.</p> <p>Membabitkan pergerakan anggota badan dan melaksanakan tugas dalam dan luar bilik darjah.</p> <p>Membabitkan keseronokan melakukan aktiviti berkumpulan, pembelajaran mengikut kebolehan, penggunaan pelbagai alat teknologi, khususnya komputer.</p> <p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, mengamalkan tuntutan agama dan meninggalkan laranganNya, amalan nilai yang baik, penggunaan tajuk dan tema yang ada kaitan dengan peranan Tuhan sebagai Pencipta alam, aktiviti kerohanian, dan guru sebagai contoh yang boleh diteladani.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Asas falsafah 	<p>Pendidikan bestari adalah berdasarkan Islam.</p> <p>Dari sudut epistemologi, ilmu dianggap sesuatu yang diperoleh dari seseorang, mestii dipelajari, lebih jelas, terperinci, boleh dipercayai kebenaran, hasil kajian, dan boleh kekal dalam ingatan. Pengetahuan dianggap sebagai sesuatu yang diperoleh dari interaksi, pendengaran, dan boleh diaplikasi dalam kehidupan. Manakala maklumat adalah sesuatu yang berbentuk berita, laporan, kenyataan yang diperoleh dari sumber akhbar, radio dan tidak kekal dalam ingatan.</p> <p>Menumpukan penyepaduan ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan maklumat, pengetahuan agama, dan maklumat terkini.</p>

sambung...

	<p>Menekankan pembentukan perlakuan baik. Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar , penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai aktiviti, dan penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan.</p> <p>Membabitkan usaha meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan usaha melahirkan individu yang seimbang dunia dan akhirat.</p>
--	--

Asas psikologi. Munirah berpendapat pendidikan bestari menekankan aspek kebolehan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif seperti berbincang, sumbang saran, meramal, merumus, soal jawab, dan penyelesaian masalah. Beliau berpendapat pendidikan bukan bestari menekankan aktiviti kemahiran berfikir dan aktiviti soal jawab.

Selain itu, beliau menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pelbagai pergerakan anggota badan dalam aktiviti bilik darjah seperti aktiviti menulis, melakar, berlakon, bersajak, membentang, menampal, berinteraksi, mencatat, menggunting, dan melukis. Munirah juga berpendapat aktiviti luar bilik darjah seperti permainan, persatuan, dan unit beruniform seperti berkawat, beratur, berlari, dan menendang bola sebagai aspek psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Namun begitu, beliau mentafsirkan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti permainan, persatuan, dan unit beruniform. Seterusnya, Munirah berpendapat mewujudkan suasana sekolah yang menyeronokkan merupakan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Munirah juga menganggap kepercayaan kepada Tuhan, mengamalkan tuntutan agama, dan meninggalkan laranganNya merupakan aspek rohani yang ditekankan dalam pendidikan bestari. Beliau berpendapat aspek rohani yang ditekankan dalam pendidikan bukan bestari membabitkan kepercayaan kepada Tuhan yang hanya membabitkan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Munirah berpendapat pembentukan pendidikan bestari adalah berasaskan Islam. Beliau berpendapat pendidikan bukan bestari pula dibentuk berasaskan pendidikan barat yang diubahsuai mengikut keperluan masyarakat. Dari sudut epistemologi, Munirah menganggap ilmu sebagai suatu yang diperoleh dari seseorang, dipelajari, terperinci, boleh dipercayai kebenarannya, hasil kajian, dan kekal dalam ingatan. Pengetahuan dianggap sebagai suatu yang diperoleh dari orang lain, bahan bacaan, interaksi, pendengaran, dan boleh diaplikasidari persekitaran seperti sumber akhbar, televisyen dan tidak kekal dalam ingatan. Munirah menganggap ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan teknologi maklumat, pengetahuan agama, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut Munirah, ilmu agama yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, manakala pengetahuan yang ada dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pengetahuan pengurusan bilik darjah dan pengetahuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Munirah berpendapat bentuk maklumat yang menjadi asas pembentukan pendidikan bukan bestari membabitkan maklumat terkini tentang persekitaran.

Dari sudut aksiologi, Munirah menjelaskan pendidikan bestari menekankan beberapa ciri tertentu. Antara lain, pendidikan bestari membabitkan matlamat ke arah pembentukan tingkah laku baik yang secocok dengan kehendak agama. Beliau juga berpendapat pendidikan tersebut membabitkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti, dan penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan.

Munirah berpendapat pendidikan bukan bestari membabitkan matlamat ke arah pembentukan perlakuan yang baik, penggunaan bahasa Melayu merentas kurikulum, dan menekankan penerapan nilai. Namun begitu, pendidikan bukan bestari tidak memberi tumpuan sewajarnya kepada aspek jasmani dan rohani dalam pelaksanaan pendidikan. Seterusnya, beliau mentafsirkan logik yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan penggunaan teknologi maklumat dan pembentukan insan yang seimbang dunia dan akhirat.

Dari sudut logik, Munirah menganggap pendidikan bukan bestari mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang. Menurut beliau, dari segi pelaksanaan, pendidikan bukan bestari memberi tumpuan kepada aspek kecemerlangan akademik, manakala aspek kerohanian tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Perbezaan Bestari dan Bukan Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Munirah tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus iaitu, bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 32).

Jadual 32 Perbezaan antara bestari dengan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan bestari
• Pendidikan	<p>Satu proses melahirkan pelajar yang percaya kepada Tuhan, bertingkah laku baik, aktif, berprestasi cemerlang.</p> <p>Membabitkan penggunaan pendekatan tertentu seperti pelbagai aktiviti, pelbagai bahan, penggunaan komputer, dan guru berperanan sebagai pembimbing.</p> <p>Mempunyai kemudahan yang lengkap dari berkualiti, melaksanakan pelbagai aktiviti pendidikan, berpusatkan pelajar, dan mengamalkan budaya ilmu.</p>	<p>Satu proses melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan guru dan guru berperanan sebagai penyampai ilmu.</p> <p>Mempunyai kemudahan yang tidak mencukupi, proses pendidikan yang berpusatkan guru, dan menekankan penggunaan teks sebagai bahan bantu mengajar.</p>
• Kurikulum	<p>Merujuk satu set perancangan pembelajaran yang terperinci. Dibentuk bagi membantu pelajar mengembangkan potensi jasmani, emosi, rohani, dan intelek; menguasai isi pelajaran; mahir menggunakan teknologi maklumat; mengamalkan dan memahami pertuturan, tulisan, dan bahan bacaan; membimbing ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, dan taat pada Tuhan.</p> <p>Kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu dunia, ilmu agama, ilmu kokurikulum, pengetahuan teknologi maklumat, dan pengetahuan konsep asas mata pelajaran, yang digabungjalinkan dengan kemahiran dan nilai dalam semua mata pelajaran.</p>	<p>Kurikulum yang tidak terperinci, kurang memberi tumpuan kepada aspek kerohanian. Tidak Membabitkan penyepaduan ilmu dunia, ilmu agama, dan ilmu kokurikulum.</p> <p>Menekankan penerapan nilai.</p>
• Pengajaran	<p>Aktiviti guru menyampaikan ilmu dan membimbing pelajar menggunakan pelbagai teknik, melibatkan pelajar secara aktif, menggunakan teknologi maklumat, interaksi dua hala, menekankan aspek jasmani, emosi, rohani, dan</p>	<p>Membabitkan aktiviti guru menyampaikan ilmu, menerang konsep, memberi maklumat tentang isi pelajaran dan aktiviti menjawab soalan.</p>

sambung....

	<p>intelek secara menyeluruh.</p> <p>Pengajaran bestari adalah menyeronokkan, kadang kala membimbangkan, dan kadang kala marah. Menekankan kepercayaan kepada Tuhan dan amalan yang disuruh.</p> <p>Membabitkan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Membabitkan penyediaan perancangan sebelum mengajar, menjalankan pelbagai aktiviti, melakukan refleksi, dan memberi pengiktirafan. Guru berperanan sebagai pembimbing dan perancang.</p>	<p>Tidak membabitkan pelajar secara aktif, berpusatkan guru, dan tidak menggunakan komputer. Guru semata-mata memikirkan untuk menghabiskan sukan dan mencapai objektif pengajaran.</p> <p>Pengajaran bukan bestari menyeronokkan apabila pelajar membabitkan diri dalam aktiviti.</p> <p>Menekankan aspek keagamaan hanya dalam mata pelajaran agama Islam. Guru berperanan sebagai penyampai maklumat.</p>
• Pembelajaran	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut keboleha.</p> <p>Membabitkan pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, menggunakan bahan bercetak, dan maklumat terkini. Membabitkan pembelajaran individu dan kumpulan.</p>	<p>Proses pelajar mendengar dan memperoleh maklumat daripada guru, menyalin nota, menghafal, dan mengingati fakta untuk tujuan peperiksaan. Membabitkan kaedah pembacaan, latihan, dan menggunakan bahan buku teks.</p>
• Pentaksiran	<p>Pentaksiran menyeluruh dan sistematik. Bertujuan untuk melihat pencapaian pelajar dalam peperiksaan, mentaksir tingkah laku, penglibatan pelajar, dan mengenal pasti kebolehan pelajar dalam kurikulum. Menggunakan kaedah ujian, peperiksaan, selepas pengajaran dan pembelajaran, sebulan sekali, akhir semester, dan bila-bila masa yang sesuai.</p> <p>Dijalankan oleh guru tingkatan, guru mata pelajaran, pelajar, pengetua, penolong kanan, dan ketua panitia.</p>	<p>Pentaksiran yang membabitkan aspek akademik melalui ujian dan peperiksaan. Menggunakan kertas soalan dan dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada dua tiga bulan sekali, pertengahan, dan akhir semester.</p>
• Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi komputer, televisyen, dan projektor overhead secara optimum. Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, pelajar diberi peluang menggunakan teknologi untuk aktiviti persembahan, dan penghasilan tugasan.</p>	<p>Penggunaan teknologi secara tidak optimum, menggunakan sekali sekala untuk aktiviti tertentu.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan guru, dan tidak memberi peluang pelajar menggunakan teknologi.</p>

<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan 	<p>Pengurusan yang sistematis, bijaksana dan tersusun. Membabitkan penggunaan komputer, perancangan yang teliti, pengendalian kelas dengan baik, pelaksanaan penilaian pengajaran, memberi peluang pelajar melaksanakan aktiviti kurikulum, meningkatkan pengetahuan tentang penggunaan alat teknologi terkini, penyediaan bahan yang sesuai, mencukupi, penggunaan pelbagai alat, membantu pelajar mengurus masalah, pembahagian tugas mengikut opsyen, menepati masa, memantau pelaksanaan tugas guru dan staf, penggunaan peralatan mengikut prosedur, penyimpanan peralatan di tempat yang betul, meneliti dan merekodkan bahan luar secara sistematis. Pengurusan bestari membabitkan perancangan penggunaan wang mengikut keutamaan, menyediakan sistem fail yang lengkap, menyimpan wang di bank, melabur dalam tabung amanah, menentukan keselamatan sekolah yang terjamin, menggunakan kod tertentu dan mengawal kemasukan pelawat ke sekolah.</p>	<p>Pengurusan yang tidak tersusun, tidak menggunakan komputer, membuat keputusan tanpa bermusyawarah, kurang melibatkan pelajar dalam proses pendidikan, menguruskan kelas secara tidak teratur, hasil kerja pelajar tidak disemak, pelajar tidak diberi peluang mengurus aktiviti, dan menggunakan teks lama sebagai bahan pengajaran. Pengurusan bestari membabitkan pelaksanaan tugas yang lambat, tidak menepati masa, kelewatan merekodkan dan mengedar maklumat, perbelanjaan kewangan yang tidak dirancang, dan sistem keselamatan yang longgar.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Asas psikologi 	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani dalam proses pendidikan.</p> <p>Menekankan kebolehan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, pelbagai aktiviti yang membabitkan pergerakan anggota dalam dan luar bilik darjah. Membabitkan kepelbagaiaan aktiviti yang menyeronokkan. Aktiviti secara berkumpulan menimbulkan perasaan berani, rasa selamat, rasa dihargai, dan rasa seronok.</p> <p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, mengamalkan perintah agama dan meninggalkan laranganNya.</p>	<p>Membabitkan aspek kognitif seperti kemahiran berfikir, aktiviti soal jawab, pergerakan anggota badan dalam aktiviti luar bilik darjah, kurang menekankan aspek psikologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Membabitkan pujian terhadap hasil kerja pelajar.</p> <p>Menekankan aspek rohani hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan program kerohanian.</p>

<ul style="list-style-type: none"> Aspek falsafah 	<p>Berasaskan agama dan pendidikan yang telah ada diubah suai mengikut keperluan.</p> <p>Membabitkan ilmu dunia dan ilmu agama, pengetahuan teknologi maklumat, pengetahuan agama, dan maklumat terkini secara bersepada.</p> <p>Penekanan pada perlakuan baik, penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar, penglibatan ibu bapa. Menekankan pembentukan insan seimbang keduniaan dan kerohanian.</p>	<p>Berasaskan pendidikan barat.</p> <p>Membabitkan ilmu dunia dan ilmu agama, pengetahuan pengurusan bilik darjah, pengetahuan pelaksanaan pengajaran pembelajaran, maklumat terkini secara tidak bersepada.</p> <p>Menekankan pembentukan tingkah laku baik, penggunaan Bahasa Melayu merentas kurikulum, dan penerapan nilai murni. Menekankan pembentukan insan yang cemerlang akademik.</p>
---	--	---

Dari sudut pendidikan, Munirah menganggap pendidikan bestari merupakan satu usaha untuk melahirkan pelajar yang percaya kepada Tuhan, aktif dalam aktiviti kokurikulum, dan bertingkah laku baik. Beliau mentafsirkan pendidikan sebagai sesuatu yang berkait dengan penggunaan pendekatan tertentu seperti penggunaan pelbagai kaedah dan aktiviti, pendekatan berpusatkan pelajar, dan penggunaan pelbagai bahan dan alat teknologi. Munirah berpendapat pendidikan bestari membabitkan kemudahan yang lengkap dan berkualiti; usaha meningkatkan ilmu pengetahuan; dan guru berperanan sebagai pembimbing. Sebaliknya, Munirah mentafsirkan pendidikan bukan bestari sebagai satu proses melahirkan pelajar yang cemerlang akademik. Selain itu, beliau berpendapat pendidikan tersebut membabitkan penggunaan pendekatan berpusatkan guru, kemudahan yang tidak mencukupi, dan guru berperanan sebagai penyampai ilmu.

Dari sudut kurikulum, Munirah berpendapat kurikulum bestari merujuk perancangan pembelajaran menyeluruh, lengkap, dan terperinci. Menurut beliau, kurikulum bestari dibentuk bertujuan membimbing pelajar mengembangkan potensi dari segi jasmani, intelek, rohani, dan emosi; menguasai isi pelajaran; mahir menggunakan

teknologi maklumat, mengamalkan dan memahami pertuturan, tulisan, dan bahan bacaan; dan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik dan taat kepada Tuhan. Bagi Munirah, kurikulum bestari juga menumpukan kepada penyepaduan ilmu, pengetahuan, yang digabunggalinkan dengan kemahiran dan nilai dalam semua mata pelajaran. Sebaliknya, beliau menjelaskan kurikulum bukan bestari adalah kurikulum yang mengandungi huraian tidak terperinci dan tidak memberi penekanan kepada penyepaduan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan.

Dari aspek pengajaran, Munirah berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampaikan ilmu dan membimbing pelajar membina ilmu menggunakan pelbagai teknik, pelbagai alat teknologi, melibatkan pelajar secara aktif, dan menekankan interaksi dua hala dalam pengajaran. Menurut beliau, pengajaran bestari membabitkan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek secara menyeluruh; menekankan kepercayaan kepada Tuhan; amalan yang dituntut olehNya, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Munirah menganggap pengajaran bestari sebagai pengajaran yang menyeronokkan, kadang kala membimbangkan, dan menimbulkan rasa marah. Beliau juga menjelaskan pengajaran bestari membabitkan penyediaan perancangan, membimbing pelajar melaksanakan pelbagai aktiviti, melakukan refleksi, dan memberi pengiktirafan. Beliau menganggap dalam pengajaran bestari guru berperanan sebagai pembimbing dan perancang dalam pengajaran bestari. Sebaliknya, Munirah menjelaskan pengajaran bukan bestari adalah pengajaran yang membabitkan aktiviti guru menyampai ilmu, menerang konsep, memberi maklumat dan menjawab soalan. Beliau berpendapat pengajaran bukan bestari juga menggunakan pendekatan berpusatkan guru, tidak melibatkan pelajar secara aktif, dan tidak membabitkan penggunaan komputer. Malahan

beliau menjelaskan bahawa pengajaran bukan bestari menyeronokkan apabila ada pelajar membabitkan diri dalam aktiviti. Munirah berpendapat dalam pengajaran bestari, aspek keagamaan hanya ditekankan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Bagi Munirah, peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai penyampai maklumat. Beliau menganggap pembelajaran bestari adalah satu proses pelajar memperoleh ilmu secara aktif mengikut kebolehan. Selain itu, Munirah menjelaskan pembelajaran bestari membabitkan cara belajar individu dan berkumpulan. Menurut beliau, pembelajaran bestari adalah menyeronokkan. Sebaliknya, Munirah menganggap pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar memperoleh ilmu dari penerangan guru, menyalin nota, menghafal, dan mengingati fakta untuk tujuan peperiksaan. Selain itu, pembelajaran bukan bestari juga beliau kenal pasti membabitkan kaedah tertentu seperti membuat latihan, pembacaan, dan penggunaan bahan buku teks. Malahan beliau berpendapat aktiviti dalam pembelajaran bukan bestari ditentu dan dikendalikan oleh guru.

Dari sudut pentaksiran, Munirah menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran menyeluruh dan sistematik yang bertujuan untuk mengenal pasti pencapaian pelajar dalam peperiksaan, mentaksir tingkah laku dan penglibatan pelajar, dan mengenal pasti kebolehan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Menurut beliau, pentaksiran bestari dilaksanakan oleh guru mata pelajaran, guru tingkatan, pelajar, pengetua, penolong kanan, dan ketua panitia pada bila-bila masa yang sesuai, selepas pengajaran, sebulan sekali, dan pada akhir semester menggunakan kaedah ujian, peperiksaan, dan pemerhatian. Bagi Munirah, pentaksiran bestari membabitkan penggunaan kertas soalan, kertas catatan, komputer untuk mentaksir pelajar dalam aktiviti kokurikulum, penghasilan projek, ujian, peperiksaan, dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya,

pentaksiran bukan bestari membabitkan ujian dan peperiksaan untuk menilai aspek akademik pelajar menggunakan kertas soalan. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari dikendalikan sepenuhnya oleh guru pada dua tiga bulan sekali, pada pertengahan, dan akhir semester.

Seterusnya, Munirah menganggap penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi elektronik seperti televisyen, projektor overhead, dan komputer secara optimum. Menurut beliau, penggunaan teknologi secara optimum merujuk penggunaan teknologi dalam pelbagai aktiviti dan pengurusan pendidikan yang membabitkan penggunaan teknologi. Beliau berpendapat penggunaan teknologi bestari juga memberi kebebasan dan peluang pelajar menggunakan teknologi dalam pelbagai aktiviti seperti persembahan dan penghasilan tugas kumpulan. Sebaliknya, penggunaan teknologi bukan bestari membabitkan penggunaan secara tidak optimum, iaitu menggunakan sekali sekala hanya untuk aktiviti tertentu seperti menonton rancangan dan mendengar rakaman. Malahan penggunaan teknologi bukan bestari membabitkan pendekatan berpusatkan guru dan tidak memberi peluang pelajar menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dari sudut pengurusan, Munirah mentafsirkan pengurusan bestari adalah pengurusan yang membabitkan penggunaan komputer, perancangan yang teliti, pelaksanaan tugas dengan betul, pengendalian kelas dengan baik, pelaksanaan penilaian pengajaran, dan memberi peluang pelajar melaksanakan kokurikulum dengan bimbingan guru. Malahan beliau menjelaskan pengurusan bestari menekankan peningkatan ilmu, menggunakan pelbagai alat teknologi terkini, dan penyediaan bahan yang sesuai dan mencukupi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, Munirah menganggap pembahagian tugas mengikut opsyen, membantu pelajar mengurus masalah, menepati masa, pentadbir memantau pelaksanaan tugas guru dan staf, penggunaan peralatan mengikut prosedur, penyimpanan alat di tempat yang betul, meneliti dan merekodkan secara sistematik bahan yang diterima dari pihak luar sebagai mengurus bestari. Seterusnya, Munirah menjelaskan pengurusan bestari membabitkan pengurusan kewangan yang sistematik seperti melabur wang dalam tabung amanah, menyimpan di bank, mewujudkan sistem fail yang lengkap, dan merancang kewangan mengikut keutamaan. Beliau juga menganggap penyeliaan keselamatan sekolah menggunakan kod tertentu dan mengawal keluar masuk pelawat sebagai mengurus bestari.

Sebaliknya, Munirah mentafsirkan pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang tidak membabitkan penggunaan komputer, membuat sesuatu keputusan tanpa bermusyawarah, tidak melibatkan pelajar secara aktif, pengendalian kelas yang tidak tersusun, guru tidak menyemak hasil kerja pelajar, pelajar tidak berpeluang mengurus aktiviti, dan menggunakan teknologi dan bahan yang terhad. Selain itu, beliau berpendapat pengurusan bukan bestari membabitkan pelaksanaan tugas lewat, tidak menepati masa, kelewatan merekodkan dan mengedarkan maklumat. Bagi Munirah, pengurusan kewangan yang tidak dirancang, sistem keselamatan yang longgar, dan tidak menyediakan alat pemadam api yang sempurna di sekolah merupakan mengurus bukan bestari.

Seterusnya, Munirah berpendapat asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aspek jasmani, rohani, emosi, dan intelek secara menyeluruh. Beliau menganggap kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis melalui

pelbagai aktiviti merupakan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari. Dari aspek psikomotor, pendidikan bestari membabitkan pelbagai aktiviti dalam dan luar bilik darjah yang melibatkan pergerakan fizikal. Munirah berpendapat suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan sebagai aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan tersebut. Misalnya, aktiviti kumpulan menimbulkan keseronokan, keberanian, dan rasa dihargai. Seterusnya, Munirah menjelaskan bahawa aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan kepercayaan kepada Tuhan, melakukan perintah Tuhan, dan meninggalkan larangan Tuhan.

Sebaliknya, Munirah berpendapat kemahiran berfikir merupakan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Aktiviti kokurikulum yang membabitkan pergerakan fizikal pula dianggap sebagai aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari. pendidikan bukan bestari membabitkan pergerakan anggota badan dalam aktiviti kokurikulum. Beliau berpendapat pujian guru terhadap hasil kerja pelajar sebagai aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Selain itu, aspek kerohanian yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan mata pelajaran pendidikan Islam dan program berbentuk kerohanian.

Dari sudut falsafah, Munirah berpendapat pendidikan bestari adalah berasaskan agama Islam, manakala pendidikan bukan bestari dibentuk berasaskan pendidikan barat. Munirah menganggap ilmu asas, ilmu agama, pengetahuan teknologi maklumat, pengetahuan agama, dan maklumat terkini secara bersepada merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Sebaliknya, beliau menjelaskan bahawa aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari tidak memberi penekanan sewajarnya kepada

penyepaduan ilmu asas, ilmu agama, pengetahuan tentang pengurusan bilik darjah, pengetahuan pelaksanaan pendidikan, dan maklumat terkini. Dari segi tingkah laku, Munirah menganggap pendidikan bestari dan bukan bestari membabitkan pembentukan perlakuan yang baik. Selain itu, Munirah mentafsirkan penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, usaha mengembangkan dan mencungkil potensi pelajar secara optimum dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek, penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti, dan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau berpendapat penyepaduan ilmu dalam mata pelajaran keduniaan, penggunaan bahasa Melayu merentas kurikulum, dan penerapan nilai merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Dari sudut logik, Munirah berpendapat pendidikan bestari menekankan kepada usaha meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan usaha ke arah melahirkan insan yang seimbang keduniaan dan keagamaan, manakala pendidikan bukan bestari menekankan proses untuk melahirkan insan yang cemerlang intelek.

Azizah

Azizah ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk tingkatan satu dan tingkatan dua. Azizah mempunyai kelulusan Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengajar selama empat tahun sejak 1994 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti latihan sekolah bestari selama satu minggu anjuran

Jabatan Pendidikan Negeri. Selain itu, beliau pernah menghadiri bengkel pengajaran dan pembelajaran bestari anjuran pihak sekolah.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Azizah tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu makna bestari dan makna pendidikan bestari dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 33).

Jadual 33 Makna bestari dan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
• Gambaran Mental	Bestari digambarkan sebagai baik, pintar, cerdik, berpotensi, dan cemerlang.
• Makna Umum	Bestari adalah kebolehan mengendalikan komputer, berkomunikasi dengan baik, memperoleh keputusan yang cemerlang, memperoleh pelbagai maklumat terkini. Berberakh�ak mulia, taat pada Allah. Berkemampuan memperoleh gred A dan B dalam peperiksaan. Sentiasa berusaha meningkatkan ilmu, muhasabah diri, mengamalkan bahasa yang sopan, dan ikhlas.
• Metafora bestari	Guru bestari diibaratkan sebagai kamus.
Pendidikan bestari	
• Gambaran mental	Satu usaha membimbing pelajar ke arah melahirkan individu yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi maklumat, khususnya komputer.

sambung...

<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, aktif dalam kurikulum, baik tingkah laku, cekap teknologi, berilmu pengetahuan, seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, dan intelek; percaya pada Tuhan; cergas; dan aktif.</p> <p>Mempunyai kemudahan teknologi terkini dan sukanan pelajaran yang lengkap tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bestari.</p> <p>Membabitkan program peningkatan ilmu pedagogi, program pengendalian komputer, program reka cipta, dan program bimbingan akademik.</p> <p>Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang, penggunaan pelbagai teknik, kawalan kelas yang baik, dan guru yang cekap melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bestari.</p> <p>Penekanan pada budaya kerja yang sistematik dan penggunaan komputer.</p>
--	--

Gambaran mental. Azizah menggambarkan bestari sebagai suatu yang berkait dengan orang yang baik. Menurut beliau, orang yang baik adalah orang yang menghormati orang lain, membantu orang dalam kesusahan, dan bertutur dengan sopan. Beliau juga menggambarkan bestari sebagai suatu yang berkait dengan kebolehan menggunakan alat bantu mengajar, melibatkan pelajar dalam aktiviti kelas dan kurikulum, dan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Seterusnya, Azizah menggambarkan bestari sebagai pintar, cerdik, dan berpotensi. Menurut beliau, individu yang pintar sentiasa berusaha mencapai kejayaan, manakala individu yang melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bidang dianggap sebagai individu yang cerdik. Bagi Azizah, individu yang berpotensi pula mempunyai bakat, kebolehan, dan daya kreatif dalam bidang tertentu. Azizah juga menggambarkan bestari sebagai cemerlang, iaitu berkebolehan memperoleh keputusan A dalam pelajaran, aktif dalam kurikulum, dan mempunyai tingkah laku baik yang selaras dengan tuntutan agama.

Makna umum. Secara khusus, Azizah berpendapat bestari adalah suatu yang berkait dengan kebolehan individu mengendali komputer, berkomunikasi dengan baik, dan memperoleh keputusan gred A dan B dalam peperiksaan. Beliau juga menganggap bestari membabitkan perlakuan baik dan keboleh memperoleh maklumat terkini.

Dari sudut tingkah laku, Azizah menganggap bestari sebagai suatu yang berkait dengan kebolehan bertingkah laku baik, taat pada Allah, bersopan santun, beradab, bersih, pemaaf, berpandangan jauh, bertanggungjawab, berkebolehan menyelesaikan masalah, adil, penegak kebenaran, dan mengamalkan muzakarah dalam membuat keputusan. Azizah juga menganggap bestari itu sebagai kebolehan meningkatkan ilmu, muhasabah diri, menggunakan bahasa yang sopan, dan ikhlas.

Metafora bestari. Azizah mengibaratkan guru bestari sebagai kamus. Menurut beliau, kamus merupakan tempat rujukan bagi menimba ilmu pengetahuan. Dalam konteks ciri guru bestari, beliau menganggap guru yang bestari sebagai orang berkebolehan memberi tunjuk ajar dan bimbingan dari aspek akademik dan non akademik.

Gambaran mental pendidikan bestari. Azizah menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran menggunakan teknologi khususnya komputer. Selain itu, beliau juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang akademik, aktif dalam kurikulum, bertingkah laku baik, dan mahir menggunakan teknologi.

Makna umum pendidikan bestari. Azizah berpendapat pendidikan bestari sebagai satu proses ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan; percaya kepada Tuhan; bertingkah laku baik; cergas; dan aktif. Selain itu, beliau menganggap pendidikan bestari

membabitkan pelbagai kemudahan, sukanan pelajaran yang lengkap, dan pelbagai peningkatan ilmu, pengendalian komputer, reka cipta, dan bimbingan akademik. Seterusnya, Azizah menjelaskan bahawa pendidikan bestari menekankan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang, penggunaan pelbagai teknik, dan pengawalan kelas yang baik Beliau juga menganggap pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan guru yang menguasai cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, bertanggungjawab, mahir menggunakan komputer, dan bertingkah laku yang baik. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari merujuk satu usaha ke arah melahirkan individu yang tidak seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Malahan beliau berpendapat pendidikan bukan bestari tidak melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pendidikan.

Azizah berpendapat pendidikan bukan bestari membabitkan kemudahan teknologi yang tidak lengkap. Bagi Azizah, buku teks merupakan kemudahan yang digunakan dalam pendidikan bukan bestari. Beliau juga menjelaskan bahawa pendidikan bukan bestari membabitkan pelbagai program dan penggunaan pendekatan berpusatkan guru.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonseptan Azizah tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 34).

Jadual 34 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum	<p>Merujuk kurikulum yang sistematis, iaitu satu set perancangan pembelajaran yang lengkap. Bertujuan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, seimbang dunia dan akhirat, taat pada Tuhan, dan cekik teknologi.</p> <p>Membabitkan penyepaduan ilmu agama dan dunia, pengetahuan, dan nilai. Menekankan penerapan nilai.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar. Membabitkan penilaian menyeluruh dan bersepada.</p>
Pengajaran bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Satu aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai bahan dan pendekatan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai aktiviti, teknologi maklumat, pelbagai bahan, penglibatan aktif pelajar.</p> <p>Membimbing pelajar memahami isi pelajaran dan menekankan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah isi pelajaran, aktiviti yang menyeronokkan, kesesuaian bahan dan alat dengan isi pelajaran. Semasa mengajar bestari perkara yang difikirkan adalah keseronokan pelajar melakukan aktiviti dan jawapan kepada soalan pelajar, manakala perkara yang difikirkan selepas mengajar bestari adalah penglibatan aktif pelajar, penggunaan bahan dan teknologi, pembentukan tingkah laku baik, peranan guru sebagai fasilitator, kekuatan dan kefemahan pengajaran.</p> <p>Pengajaran bestari adalah menyeronokkan, kadang kala tidak menyeronokkan, dan kadang kala berasa bimbang.</p> <p>Menekankan kepercayaan pada Tuhan, menggalakkan berbuat baik, menuntut ilmu, keikhlasan mengajar sebagai satu ibadah, mengaitkan sesuatu kejadian dengan hikmah, dan pembentukan tingkah laku terpuji dan aktif.</p> <p>Membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan bantu, soalan dan borang penilaian. Semasa pengajaran, guru memberi penerangan dan arahan, bersoal jawab, merumus, dan memberi latihan. Di akhir pengajaran, beliau memberi pelajar tugasen, pengiktirafan, dan melakukan refleksi.</p> <p>Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar beliau menyediakan bahan, alat, dan merancang aktiviti pengajaran.</p>

sambung....

	<p>Semasa mengajar, menyatakan tajuk dan aktiviti, memberi arahan, dan membimbing pelajar melakukan aktiviti.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, pendorong, dan penyampai ilmu.</p>
Pembelajaran Bestari	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu pengetahuan secara teratur, terancang, dan mengikut kebolehan.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti, pendekatan berpusatkan pelajar, dan penggunaan komputer.</p> <p>Membabitkan cara belajar berkumpulan dan individu.</p> <p>Menggunakan kaedah perbincangan, penyoalan, pembacaan, dan penyelidikan.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan bercetak, bahan rakaman video, rancangan televisyen, dan bahan dari internet.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti seperti drama, perbincangan, dan pembentangan hasil kerja.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran yang sistematik dan menyeluruh.</p> <p>Bertujuan mengesan kemajuan pelajar dalam akademik, aktiviti kurikulum, pembentukan tingkah laku, dan memperoleh maklum balas tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Menggunakan kaedah ujian bertulis, ujian lisan, pemerhatian, dan portfolio.</p> <p>Memberi fokus kepada aspek perkembangan emosi, perkembangan tingkah laku, aspek ketuhanan, dan penguasaan isi pelajaran.</p> <p>Menggunakan kertas soalan peperiksaan, borang catatan, dan soal selidik.</p> <p>Sesuai dilaksanakan secara berterusan pada setiap bulan, pada akhir tahun, akhir semester, dan pertengahan semester.</p> <p>Membantu ke arah pencapaian prestasi yang lebih baik dari segi akademik, non akademik, tingkah laku, penglibatan, dan hasilan kerja.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti, penghasilan kerja, dan kajian.</p> <p>Membabitkan pelajar, guru, dan rakan sebaya sebagai penilai.</p>

Kurikulum bestari. Azizah menganggap kurikulum bestari sebagai kurikulum yang sistematik. Menurut beliau, kurikulum yang sistematik membabitkan satu set perancangan pembelajaran yang lengkap, iaitu mengandungi panduan yang jelas, aktiviti

yang berpusatkan pelajar, pembentukan tingkah laku yang baik, penerapan nilai, dan penyepaduan ilmu. Menurut Azizah, kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, seimbang dunia dan akhirat, bertanggungjawab, taat pada Tuhan, agama, kerjaya yang baik, dan melahirkan individu yang mahir teknologi.

Selain itu, Azizah menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum bestari membabitkan program teras yang memberi fokus penyepaduan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat; program kemahiran yang memberi fokus kepada pengetahuan penyelesaian masalah, pengetahuan sosial, kemahiran mencari maklumat; dan program pengayaan yang memberi fokus kepada kemahiran bimbingan, dan kemahiran komunikasi. Menurut beliau, kurikulum bestari menekankan kepada aspek penyepaduan unsur ilmu, kemahiran, dan nilai dalam semua mata pelajaran. Beliau berpendapat kurikulum tersebut juga membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan penilaian menyeluruh dan bersepakadu.

Sebaliknya, Azizah berpendapat kurikulum bukan bestari berbeza dengan kurikulum bestari. Menurut beliau, kurikulum bukan bestari merujuk kurikulum yang tidak lengkap iaitu penerangan yang tidak jelas dan tidak terperinci tentang aktiviti, nilai, dan aspek pentaksiran. Bagi Azizah, kurikulum bukan bestari pula memberi tumpuan kepada aspek intelek. Selain itu, beliau berpendapat kurikulum bukan bestari juga bertujuan membimbing individu ke arah membimbing pelajar menguasasi pelajaran. Azizah menganggap program teras dalam kurikulum bukan bestari membabitkan ilmu dunia dan ilmu akhirat.

Namun begitu, Azizah berpendapat ilmu keagamaan dalam kurikulum bukan bestari ditekankan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, Azizah mentafsirkan kurikulum bukan bestari memberi penekanan kepada kemahiran mengira, membaca, menulis, dan bertutur. Beliau berpendapat dalam kurikulum bukan bestari membabitkan aktiviti mengingat isi pelajaran, pendekatan berpusatkan guru, dan ujian dan peperiksaan semata-mata. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari tidak memberi tumpuan kepada perkembangan aspek tingkah laku, rohani, dan afektif.

Pengajaran bestari. Azizah menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai bahan dan pelbagai pendekatan. Beliau juga menganggap pengajaran bestari sebagai aktiviti guru menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar menggunakan pelbagai aktiviti, memberi pelajar kebebasan melaksana sendiri sesuatu tugas, dan menekankan pembentukan tingkah laku yang baik.

Bagi Azizah, pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu guru fikirkan. Misalnya, sebelum mengajar guru memikirkan tentang isi pelajaran yang akan diajar, aktiviti yang menyeronokkan pelajar, kesesuaian bahan, dan alat dengan isi pelajaran, manakala semasa mengajar bestari, guru memikirkan tentang keseronokan pelajar melakukan aktiviti dan memberi jawapan kepada soalan pelajar. Perkara yang guru fikirkan selepas mengajar bestari adalah penglibatan aktif pelajar, penggunaan bahan dan teknologi secara optimum, pembentukan tingkah laku yang baik, peranan guru sebagai fasilitator, dan kekuatan dan kelemahan pengajaran.

Azizah berpendapat pengajaran bestari adalah menyeronokkan apabila ada interaksi dua hala, pelajar mengemukakan soalan, dan pelajar bebas melakukan aktiviti

bersama rakan dalam kumpulan. Selain itu, beliau menganggap pengajaran bestari tidak menyeronokkan apabila memikirkan pelajar perlu memperoleh markah yang baik dalam peperiksaan dan bimbang apabila sukanan pelajaran tidak dapat disempurnakan dalam masa yang ditentukan. Bagi Azizah, pengajaran bestari menumpukan kepada kepercayaan kepada Tuhan, keikhlasan mengajar sebagai satu ibadah, mengaitkan sesuatu kejadian dengan hikmah, dan pembentukan tingkah laku terpuji. Seterusnya, beliau berpendapat penyediaan perancangan mengajar, penyediaan bahan, dan penyediaan borang penilaian merupakan perkara yang beliau sediakan sebelum mengajar bestari. Semasa pengajaran bestari, beliau menganggap perkara yang dilakukan adalah memberi penerangan, memberi arahan, membimbing pelajar melaksanakan aktiviti perbincangan, soal jawab, pembentangan hasil kerja pelajar, merumus pembentangan, menjalankan penilaian rakan sebaya, dan memberi pelajar latihan. Beliau menjelaskan memberi pelajar latihan menjawab soalan, mencari maklumat, memberi pengiktirafan, dan melaksanakan refleksi merupakan perkara yang dilakukan di akhir pengajaran bestari.

Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar Azizah menyediakan bahan, alat, dan merancang aktiviti pengajaran. Semasa mengajar, beliau memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk, aktiviti, memberi arahan, meminta pelajar membuat pembentangan, memerhati, mencatat isi penting, mengemukakan pertanyaan, dan membuat refleksi. Menurut Azizah, unsur bestari yang beliau terapkan dalam pengajaran adalah penglibatan aktif pelajar, penggunaan alat teknologi, pelbagai aktiviti, guru sebagai fasilitator, melaksanakan refleksi, dan mewujudkan suasana pengajaran yang menyeronokkan. Dalam pengajaran bestari, Azizah menganggap peranan guru adalah sebagai pembimbing, pendorong, dan menyampai maklumat.

Namun begitu, Azizah berpendapat ilmu keagamaan dalam kurikulum bukan bestari ditekankan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya, Azizah mentafsirkan kurikulum bukan bestari memberi penekanan kepada kemahiran mengira, membaca, menulis, dan bertutur. Beliau berpendapat dalam kurikulum bukan bestari membabitkan aktiviti mengingat isi pelajaran, pendekatan berpusatkan guru, dan ujian dan peperiksaan semata-mata. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari tidak memberi tumpuan kepada perkembangan aspek tingkah laku, rohani, dan afektif.

Pengajaran bestari. Azizah menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai bahan dan pelbagai pendekatan. Beliau juga menganggap pengajaran bestari sebagai aktiviti guru menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar menggunakan pelbagai aktiviti, memberi pelajar kebebasan melaksana sendiri sesuatu tugas, dan menekankan pembentukan tingkah laku yang baik.

Bagi Azizah, pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu guru fikirkan. Misalnya, sebelum mengajar guru memikirkan tentang isi pelajaran yang akan diajar, aktiviti yang menyeronokkan pelajar, kesesuaian bahan, dan alat dengan isi pelajaran, manakala semasa mengajar bestari, guru memikirkan tentang keseronokan pelajar melakukan aktiviti dan memberi jawapan kepada soalan pelajar. Perkara yang guru fikirkan selepas mengajar bestari adalah penglibatan aktif pelajar, penggunaan bahan dan teknologi secara optimum, pembentukan tingkah laku yang baik, peranan guru sebagai fasilitator, dan kekuatan dan kelemahan pengajaran.

Azizah berpendapat pengajaran bestari adalah menyeronokkan apabila ada interaksi dua hala, pelajar mengemukakan soalan, dan pelajar bebas melakukan aktiviti

bersama rakan dalam kumpulan. Selain itu, beliau menganggap pengajaran bestari tidak menyeronokkan apabila memikirkan pelajar perlu memperoleh markah yang baik dalam peperiksaan dan bimbang apabila sukatan pelajaran tidak dapat disempurnakan dalam masa yang ditentukan. Bagi Azizah, pengajaran bestari menumpukan kepada kepercayaan kepada Tuhan, keikhlasan mengajar sebagai satu ibadah, mengaitkan sesuatu kejadian dengan hikmah, dan pembentukan tingkah laku terpuji. Seterusnya, beliau berpendapat penyediaan perancangan mengajar, penyediaan bahan, dan penyediaan borang penilaian merupakan perkara yang beliau sediakan sebelum mengajar bestari. Semasa pengajaran bestari, beliau menganggap perkara yang dilakukan adalah memberi penerangan, memberi arahan, membimbing pelajar melaksanakan aktiviti perbincangan, soal jawab, pembentangan hasil kerja pelajar, merumus pembentangan, menjalankan penilaian rakan sebaya, dan memberi pelajar latihan. Beliau menjelaskan memberi pelajar latihan menjawab soalan, mencari maklumat, memberi pengiktirafan, dan melaksanakan refleksi merupakan perkara yang dilakukan di akhir pengajaran bestari.

Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar Azizah menyediakan bahan, alat, dan merancang aktiviti pengajaran. Semasa mengajar, beliau memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk, aktiviti, memberi arahan, meminta pelajar membuat pembentangan, memerhati, mencatat isi penting, mengemukakan pertanyaan, dan membuat refleksi. Menurut Azizah, unsur bestari yang beliau terapkan dalam pengajaran adalah penglibatan aktif pelajar, penggunaan alat teknologi, pelbagai aktiviti, guru sebagai fasilitator, melaksanakan refleksi, dan mewujudkan suasana pengajaran yang menyeronokkan. Dalam pengajaran bestari, Azizah menganggap peranan guru adalah sebagai pembimbing, pendorong, dan menyampai maklumat.

Sebaliknya, Azizah berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menyampai ilmu menggunakan bahan buku teks, petikan, dan sekali sekala menggunakan alat teknologi. Bagi Azizah, perkara yang beliau sebelum pengajaran bukan bestari adalah isi kandungan dan soalan peperiksaan. Perkara yang beliau fikirkan semasa mengajar bukan bestari pula adalah jawapan kepada soalan pelajar, isi pelajaran, dan latihan, manakala pencapaian objektif dan kefahaman pelajar merupakan perkara yang difikirkan di akhir pengajaran bukan bestari. Menurut beliau, pengajaran itu tidak menyeronokkan apabila pelajar belajar hanya untuk lulus peperiksaan, dan apabila pelajar tidak memberi respons terhadap soalan guru. Beliau berpendapat pengajaran bukan bestari kadang-kadang membosankan apabila guru tidak menyediakan bahan.

Selain itu, Azizah menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan pembentukan tingkah laku baik. Namun demikian, beliau menjelaskan pengajaran bukan bestari tidak menekankan pembentukan tingkah laku aktif. Dari aspek perlakuan, Azizah berpendapat sebelum mengajar bukan bestari beliau menyediakan rancangan pengajaran dan bahan, manakala semasa pengajaran bukan bestari, beliau menyampaikan ilmu dan meminta pelajar menjawab soalan secara bertulis. Di akhir pengajaran bukan bestari pula, beliau memberi pelajar lima hingga enam soalan latihan menggunakan teks dan memberi pengiktirafan terhadap hasil kerja pelajar. Seterusnya, Azizah menjelaskan bahawa peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai penyampai ilmu dan pendorong.

Pembelajaran bestari. Azizah menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu secara teratur dan sistematik. Menurut beliau, pembelajaran secara teratur membabitkan pelajar belajar mengikut kebolehan masing-masing dan

belajar dari mudah ke susah, manakala pembelajaran secara sistematik merujuk pelajar belajar secara kendiri menggunakan modul pengajaran. Azizah menjelaskan bahawa pembelajaran bestari juga membabitkan pelbagai aktiviti berpusatkan pelajar, penggunaan komputer, penggunaan pelbagai bahan, dan pelbagai kaedah.

Seterusnya, Azizah menganggap pembelajaran bestari membabitkan pembelajaran individu dan berkumpulan. Menurut beliau, pembelajaran individu merujuk pelajar belajar berseorangan, manakala pembelajaran berkumpulan pula membabitkan pelajar lebih daripada dua orang melakukan pelbagai aktiviti seperti pembentangan hasil dan penyelesaian masalah. Beliau berpendapat pembelajaran bestari juga membabitkan kaedah perbincangan, pembacaan, penyelidikan, dan soal jawab. Seterusnya, Azizah mentafsirkan bahawa aktiviti drama, pembentangan hasil kerja, sketsa, mendeklamasi sajak, dan bersoal jawab sebagai aktiviti pembelajaran bestari.

Azizah menganggap pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari merupakan proses pelajar memperoleh ilmu melalui penerangan guru, berbincang, mencari maklumat, menyalin nota, dan membuat latihan. Beliau juga berpendapat pembelajaran bukan bestari membabitkan aktiviti belajar berkumpulan dan individu. Menurut Azizah, mendengar penerangan guru merupakan kaedah pembelajaran bukan bestari. Namun begitu, Azizah menjelaskan pembelajaran bukan bestari juga kadang-kadang membabitkan penggunaan kaedah perbincangan, penyoalan, dan penyelidikan. Malahan beliau berpendapat kaedah penyelidikan dalam pembelajaran bukan bestari hanya membabitkan penyelidikan bahan dari perpustakaan. Bagi Azizah, majalah, surat khabar, rakaman radio, dan rancangan televisyen merupakan bahan yang digunakan dalam pembelajaran bukan bestari.

Bagaimana pun, penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bukan bestari tidak membabitkan sebarang aktiviti susulan.

Pentaksiran bestari. Azizah menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran yang sistematis dan menyeluruh. Menurut beliau, pentaksiran yang sistematis membabitkan pentaksiran mengikut prosedur, kaedah, dan aktiviti yang ditentukan, manakala pentaksiran menyeluruh membabitkan perkembangan yang menyeluruh dari aspek sahsiah, akademik, dan kokurikulum. Azizah berpendapat pentaksiran bestari bertujuan mengesan kemajuan pelajar dalam akademik, penglibatan dalam aktiviti, kokurikulum, dan pembentukan tingkah laku. Beliau juga menjelaskan pentaksiran bestari bertujuan memperoleh maklum balas tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi Azizah, pentaksiran tersebut membabitkan penggunaan pelbagai kaedah seperti ujian bertulis, ujian lisan, pemerhatian, dan portfolio yang memberi fokus kepada aspek tingkah laku, cara berfikir, emosi, aspek ketuhanan, dan penguasaan isi. Malahan Azizah juga berpendapat pentaksiran bestari dilaksanakan menggunakan pelbagai alat seperti kertas soalan, borang catatan, dan soal selidik.

Azizah menjelaskan pentaksiran bestari sesuai dilaksanakan secara berterusan, pada akhir tahun, pertengahan semester, dan akhir semester. Beliau berpendapat pentaksiran tersebut bertujuan menilai pencapaian akademik, non akademik, pembentukan tingkah laku baik, dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses pendidikan. Selain itu, pentaksiran bestari membabitkan pelbagai aktiviti berkumpulan seperti mendeklamasi sajak, membuat pembentangan, membuat karangan, menjawab soalan, menyediakan laporan, dan menghasilkan pelbagai bahan. Azizah menjelaskan bahawa guru, pelajar, dan rakan sebaya merupakan pihak yang terlibat dalam pentaksiran

bestari. Sebaliknya, beliau menganggap pentaksiran bukan bestari sebagai pentaksiran tidak menyeluruh, iaitu memberi tumpuan hanya kepada aspek akademik. Azizah menjelaskan pentaksiran bukan bestari bertujuan mengenal pasti penguasaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran, mengukuhkan konsep tentang isi pelajaran, dan meningkatkan prestasi akademik.

Seterusnya, Azizah berpendapat pentaksiran bukan bestari membabitkan kaedah ujian, peperiksaan, dan ujian lisan. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari menumpukan aspek kepada penguasaan unit pembelajaran dan sesuai dilaksanakan pada pertengahan semester, akhir semester, setiap bulan, dan pada akhir tahun. Azizah menjelaskan menjawab soalan ujian dan peperiksaan merupakan aktiviti pentaksiran bestari. Beliau menganggap guru kelas dan guru mata pelajaran sebagai pihak yang terbabit dalam pentaksiran bukan bestari.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonseptan Azizah tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 35).

Jadual 35 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara optimum.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, televisyen, projektor overhead, dan radio.</p>

sambung....

	<p>Menggunakan komputer dua kali sebulan, televisyen sekali sebulan, radio tiga kali sebulan, dan projektor overhead dua kali sebulan.</p> <p>Penting untuk membantu perolehan maklumat, penyediaan bahan rangsangan, pengurusan maklumat, penyimpanan bahan, membekalkan maklumat, meningkatkan kemahiran mendengar, penyediaan bahan lebih awal.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar.</p>
Pengurusan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Digambarkan sebagai satu proses mengurus yang sistematis.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Merupakan pengurusan yang sistematis, iaitu membabitkan pengendalian sesuatu mengikut perancangan, menubuhkan ahli jawatan kuasa, mewujudkan suasana sekolah yang bersih, dan melaksanakan tugas dengan betul.</p> <p>Membabitkan penyediaan perancangan lebih awal, pengendalian pengajaran dan pembelajaran mengikut perancangan, penyediaan bahan, peralatan yang lengkap, dan penggunaan komputer.</p> <p>Membabitkan aktiviti penyediaan bahan, mewajibkan pelajar menyertai aktiviti, menyediakan garis panduan aktiviti, memberi pelajar peluang memilih aktiviti, mengurus aktiviti mengikut masa yang sesuai, dan mengambil kira markah dalam prestasi.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi secara optimum dan pengendalian teknologi mengikut tatacara yang betul.</p> <p>Membabitkan penggunaan dalam pengajaran dan pembelajaran dan penyimpanan secara teratur.</p> <p>Membabitkan aktiviti mengurus maklumat menggunakan komputer dan mewujudkan sistem fail tertentu bagi merekodkan maklumat pelajar.</p> <p>Membabitkan penyimpanan biodata guru dalam komputer, meningkatkan pengetahuan guru, pendedahan mengurus yang betul pada pentadbir, prihatin terhadap masalah guru, mewujudkan hubungan yang erat, menyebarkan maklumat, mewujudkan suasana menyeronokkan, membahagikan tugas guru secara adil, dan bermusyawarah dalam membuat keputusan.</p> <p>Membabitkan penjagaan peralatan yang betul dan penggunaan secara optimum.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekod dan mengedarkan segera maklumat.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan keluar masuk wang menggunakan komputer dan pengagihan peruntukan kewangan yang mencukupi.</p> <p>Membabitkan penyediaan alat pemadam api, memberi pendedahan tentang cara menghadapi kebakaran, dan mengawal keluar masuk pelajar.</p>

Penggunaan teknologi. Azizah menganggap teknologi bestari adalah alat teknologi terkini seperti komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen, manakala penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi secara optimum untuk membantu memudahkan pelbagai kerja harian. Menurut Azizah, penggunaan teknologi secara optimum merujuk penggunaan teknologi untuk memperoleh maklumat, menyimpan data, menganalisis markah, membekalkan bahan pengajaran dan pembelajaran, merakam aktiviti, membentang hasilan kerja, dan menerang konsep. Azizah menjelaskan bahawa komputer digunakan dua kali sebulan untuk mencari maklumat dan membuat hasilan kerja, manakala radio beliau gunakan tiga kali sebulan untuk memperdengarkan petikan dan menjalankan aktiviti menjawab soalan, menyoal, dan mencari isi.

Selain itu, Azizah menggunakan projektor overhead dua kali sebulan untuk penerangan konsep dan pembentangan hasil kerja dan menggunakan televisyen sebulan sekali untuk memperlihatkan contoh rakaman seperti perbahasan. Beliau berpendapat komputer digunakan sebagai alat untuk memperoleh dan menyampaikan maklumat, menyimpan bahan, dan mengemas kini maklumat. Bagi Azizah, televisyen digunakan untuk menayangkan contoh sebenar sesuatu peristiwa seperti contoh orang berucap, orang bersajak, orang bersyarah, dan orang berbahas. Azizah juga berpendapat radio merupakan alat yang boleh membantu meningkatkan kemahiran mendengar, manakala penggunaan projektor overhead sebagai alat yang membantu guru menyediakan bahan rangsangan untuk mengajar lebih awal. Azizah menjelaskan bahawa beliau juga menggunakan teknologi bagi aktiviti tertentu seperti mendengar, membuat pembentangan, dan merekodkan maklumat.

Seterusnya, Azizah mentafsirkan penggunaan teknologi tidak bestari merujuk penggunaan teknologi secara tidak optimum. Misalnya, komputer digunakan semata-mata untuk menaip dan memperoleh maklumat. Beliau berpendapat jenis teknologi yang digunakan dalam kelas bukan bestari membabitkan radio yang sekali sekala digunakan untuk memperdengarkan lagu dan petikan. Menurut beliau, penggunaan komputer dalam pendidikan bukan bestari hanya untuk aktiviti guru mencari maklumat dan menaip soalan.

Pengurusan bestari. Azizah menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang sistematik dan teratur. Menurut beliau, pengurusan yang sistematik merujuk pengendalian sesuatu perkara mengikut panduan yang ditetapkan, manakala pengurusan yang teratur merujuk penyediaan perancangan lebih awal, pengendalian program mengikut perancangan, penyediaan peralatan, dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Beliau juga menganggap mengurus bestari membabitkan penggunaan komputer sebagai alat yang membantu memudahkan kerja guru.

Dari aspek non akademik, Azizah menganggap mengurus bestari sebagai pengurusan yang sistematik dan teratur. Menurut beliau, pengurusan yang sistematik merujuk penyediaan buku perancangan aktiviti, pelajar diberi peluang memilih aktiviti yang sesuai dengan kebolehan, dan penyelarasan aktiviti kokurikulum mengikut masa yang sesuai. Dari sudut teknologi, Azizah berpendapat mengurus bestari merujuk penggunaan teknologi secara optimum, pengendalian teknologi mengikut tata cara yang ditentukan, menyediakan alat teknologi yang mencukupi, dan memberi guru pendedahan tentang penggunaan alat teknologi. Azizah menjelaskan bahawa mengurus bestari dari

aspek bahan membabitkan penjagaan dan penyimpanan bahan dengan baik di bilik khas, merekodkan bahan yang ada, dan memastikan bahan disimpan dalam keadaan baik.

Dari aspek hal ehwal pelajar, Azizah menjelaskan bahawa mengurus bestari membabitkan aktiviti merekodkan dan mengemas kini maklumat, prestasi, dan penglibatan pelajar menggunakan komputer dan mewujudkan fail bagi pelajar yang bermasalah. Selain itu, Azizah menganggap mengurus bestari dari aspek sumber manusia membabitkan penyimpanan biodata guru dalam komputer, meningkatkan pengetahuan guru tentang aspek pendidikan, mendedahkan proses mengurus yang betul, prihatin terhadap masalah guru, mewujudkan hubungan yang erat antara warga sekolah, menyebarkan maklumat segera, dan memberi pendedahan kepada kakitangan sokongan tentang bidang tugas.

Dari aspek peralatan, beliau mentafsirkan menggunakan peralatan secara optimum, menyelenggarakan peralatan mengikut prosedur yang betul, memastikan peralatan boleh berfungsi, dan segera membaik pulih alat yang rosak sebagai mengurus bestari. Selain itu, pengurusan bestari membabitkan aktiviti guru mengedarkan maklumat pendidikan dengan segera, pengagihan kewangan yang cukup mengikut panitia, dan penyediaan akaun kewangan yang lengkap. Seterusnya, beliau mentafsirkan menyediakan alat memadam kebakaran yang cukup, memberi pendedahan tentang kebakaran, dan mengambil tindakan tertentu bagi mengawal keluar masuk pelajar sebagai mengurus bestari aspek keselamatan.

Azizah menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan tidak bestari. Menurut beliau, pengurusan tidak bestari membabitkan pelaksanaan proses pendidikan yang tidak mengikut perancangan, tidak dirancang lebih awal, tidak

menyediakan aktiviti yang pelbagai, penyediaan bahan dan alat yang tidak mencukupi, dan tidak membabitkan penggunaan komputer dalam mengurus aspek akademik. Bagi Azizah, dalam aspek non akademik, kegagalan menarik minat pelajar menyertai aktiviti kokurikulum secara aktif dalam pendidikan dikenal pasti sebagai mengurus tidak bestari.

Selain itu, Azizah menganggap mengurus tidak bestari membabitkan penggunaan teknologi secara tidak optimum dalam pengajaran dan pembelajaran, tidak menyelenggarakan dan merekodkan penggunaan bahan, maklumat pelajar yang tidak dikemas kini, pengagihan beban tugas yang tidak seimbang, tiada latihan perkembangan staf, guru tidak diberi pendedahan tentang perubahan pendidikan, mengabaikan masalah guru, dan kakitangan sokongan tidak diberi pendedahan tentang bidang tugas. Beliau juga berpendapat mengurus tidak bestari membabitkan penggunaan peralatan secara tidak optimum, tidak membaik pulih peralatan yang rosak, dan kelewatan mengedor maklumat.

Dari sudut kewangan, Azizah menganggap penyediaan akaun kewangan yang tidak lengkap, tiada menyediakan peruntukan bagi panitia mata pelajaran, penyediaan peralatan memadam kebakaran yang tidak boleh berfungsi, tidak memberi pendedahan tentang cara memadam kebakaran, membenarkan pelajar pulang dengan bukan ahli keluarga, dan tidak merekodkan kepulangan pelajar sebagai mengurus tidak bestari.

Asas Pembentukan Pendidikan Bestari

Pengkonsep Azizah tentang asas yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu asas psikologi dan asas falsafah. Pengkonsep Azizah tentang asas psikologi membabitkan kognitif, afektif, psikomotor,

dan rohani, manakala pengkonsepan Azizah tentang asas falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 36).

Jadual 36 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas psikologi	<p>Membabitkan aktiviti kemahiran berfikir.</p> <p>Membabitkan pergerakan fizikal melalui penglibatan pelajar secara aktif dalam dan luar bilik darjah.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan, dan memberi pelajar peluang melakukan aktiviti mengikut kebolehan.</p> <p>Membabitkan kepercayaan dan kepatuhan pada Tuhan, mematuhi suruhan Allah, melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum berlandaskan agama.</p>
Asas falsafah	<p>Pembentukan pendidikan bestari berasaskan Islam dan sistem pendidikan yang sedia ada.</p> <p>Ilmu dianggap sesuatu yang dipelajari, disahkan kebenarannya, boleh diamalkan dan dijadikan panduan hidup. Pengetahuan ditafsirkan sebagai sesuatu yang diperoleh dari pelbagai sumber untuk amalan kehidupan dan tidak dibuktikan kebenarannya, manakala maklumat dikenal pasti sebagai sesuatu yang diterima dari pancaindera yang tidak disahkan kebenarannya. Ilmu keagamaan, ilmu sains, ilmu kemasyarakatan, pengetahuan pendidikan bestari, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan pembentukan perlakuan yang baik, penglibatan pelajar secara aktif dalam membina ilmu, dan penekanan kepada penggunaan komputer dalam pendidikan.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan usaha ke arah penghasilan pelajar bestari dan mahir menggunakan komputer. Secara khusus, Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan falsafah yang menjadi asas pembentukan pendidikan bestari.</p>

Asas psikologi. Azizah berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti kemahiran berfikir seperti pencarian maklumat, penghasilan berita, perbahasan, perbincangan, sumbang saran, banding beza, membuat keputusan, dan menyusun isi penting. Sebaliknya, aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti penyusunan isi, perbincangan, kefahaman, dan membuat banding beza. Selain itu, Azizah berpendapat kemahiran berfikir yang dilaksanakan sekali sekala, terhad, dan kurang membabitkan pelajar dalam aktiviti merupakan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari .

Seterusnya, Azizah menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Menurut beliau, aktiviti bilik darjah merujuk drama, pidato, menulis, dan menggunakan komputer, manakala aspek psikomotor luar bilik darjah pula membabitkan aktiviti permainan dan persatuan. Sebaliknya, aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti tertentu seperti seni lukis, lakonan, menulis, permainan, dan persatuan. Azizah juga berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pelbagai aktiviti yang menimbulkan keseronokan seperti aktiviti simulasi, drama, kuiz, permainan bahasa, dan perbincangan. Beliau menganggap kepelbagaian aktiviti mengikut kebolehan pelajar boleh mewujudkan keseronokan dan mengurangkan tekanan. Sebaliknya, Azizah berpendapat keseronokan menjalankan aktiviti tertentu seperti pertandingan dan sukan merupakan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari aspek rohani, Azizah menganggap pendidikan bestari membabitkan kepercayaan kepada Tuhan, patuh pada suruhanNya, dan bertingkah laku baik. Beliau

juga menganggap aspek kerohanian dalam pendidikan bestari dilaksanakan secara menyeluruh dalam dan luar bilik darjah. Sebaliknya, Azizah menjelaskan bahawa pendidikan bukan bestari menekankan aspek kepercayaan kepada Tuhan secara tidak menyeluruh. Menurut beliau, aspek ketuhanan dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan mata pelajaran agama dan penerapan nilai.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Azizah berpendapat pembentukan pendidikan bestari adalah berasaskan agama Islam. Beliau menjelaskan al-Quran menyediakan panduan bagi semua aspek kehidupan manusia. Selain itu, beliau menganggap beberapa aspek dalam pendidikan sedia ada boleh digunakan sebagai asas pembentukan pendidikan bestari. Misalnya, aspek pengurusan, pedagogi, dan kemudahan boleh digunakan dalam melaksanakan pendidikan tersebut. Beliau berpendapat sistem pendidikan Inggeris merupakan asas pembentukan pendidikan bukan bestari.

Dari aspek epistemologi, Azizah menganggap ilmu sebagai sesuatu yang dipelajari, dibuktikan kebenarannya, boleh diamalkan, dan dijadikan panduan hidup. Pengetahuan pula beliau anggap sebagai sesuatu yang diperoleh dari pelbagai sumber tetapi tidak dibuktikan kebenarannya, manakala maklumat pula beliau tafsirkan sebagai sesuatu yang diterima dari pancaindera yang tidak tentu keesahannya. Azizah mentafsirkan ilmu keagamaan, ilmu sains, ilmu kemasyarakatan, pengetahuan pendidikan bestari, dan maklumat terkini sebagai epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari tidak menekankan penyepaduan ilmu agama, ilmu sains dan teknologi, ilmu kemasyarakatan, pengetahuan kurikulum, dan maklumat terkini. Azizah menjelaskan ilmu agama yang terkandung

dalam pendidikan bukan bestari membabitkan mata pelajaran Pendidikan Islam semata-mata.

Dari sudut aksiologi, Azizah menjelaskan bahawa pendidikan bestari menekankan pembentukan perlakuan baik, penglibatan aktif pelajar, dan penggunaan komputer dalam pendidikan. Azizah menganggap pendidikan bukan bestari pula menekankan pembentukan tingkah laku yang baik dan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua bidang pendidikan. Menurut beliau, logik yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan usaha ke arah penghasilan pelajar bestari dan mahir komputer.

Bagi Azizah, pelajar bestari merupakan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan, mempunyai keyakinan diri, bertanggungjawab, dan boleh menyesuaikan diri, manakala pelajar yang mahir komputer mampu mengendali komputer untuk pelbagai aktiviti dalam kehidupan harian. Azizah menganggap logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan pembentukan pelajar yang cemerlang akademik.

Perbezaan Bestari dan Bukan bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Azizah tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus, iaitu bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 37).

Jadual 37 Perbezaan antara bestari dengan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan Bestari
Pendidikan	Satu usaha membimbing pelajar bagi ke arah melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan celik teknologi, cemerlang pelajaran, kurikulum, baik tingkah laku, seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani, dan emosi. Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai teknologi, pelbagai aktiviti, pelbagai program, dan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang.	Satu usaha ke arah melahirkan individu yang tidak seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi, dan rohani menggunakan pendekatan berpusatkan guru, kaedah, alat yang terhad, dan kemudahan yang tidak lengkap.
Kurikulum	Merujuk kurikulum yang sistematis. Bertujuan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, melahirkan pelajar yang seimbang dunia akhirat, bertanggungjawab, taat pada Tuhan, mempunyai pegangan agama dan kerjaya yang baik, dan membimbing pelajar ke arah pembentukan individu yang celik komputer. Membabitkan penyepaduan ilmu, pengetahuan yang digabungjalinkan dengan kemahiran dan penyepaduan aspek secara teori dan praktikal.	Kurikulum tidak lengkap. Membabitkan tumpuan kepada aspek intelek. Bertujuan membimbing pelajar ke arah kecermerlangan akademik; dan meningkatkan penguasaan terhadap isi pelajaran. Penekanan pada ilmu dunia, manakala ilmu agama hanya ditekankan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Menekankan kemahiran mengira, membaca, menulis, dan bertutur.
Pengajaran	Aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan pelbagai bahan, pelbagai aktiviti, pelbagai pendekatan, dan penggunaan teknologi maklumat. Memberi pelajar peluang memperoleh ilmu melalui penglibatan aktif. Pengajaran yang menyeronokkan dan kadang kala berasa bimbang. Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, mengajar sebagai satu ibadah, dan pembentukan tingkah laku terpuji. Guru berperanan sebagai pembimbing, pendorong, dan penyampai.	Aktiviti menyampaikan ilmu menggunakan bahan buku teks dan petikan. Membabitkan aktiviti berbentuk latih tubi, ulang kaji, membaca, memahami petikan, bersoal jawab, menggunakan kaedah penerangan guru. Pengajaran yang tidak menyeronokkan dan kadang kala membosankan. Tidak membabitkan pelajar secara aktif, aktiviti yang tidak pelbagai, dan penggunaan alat yang terhad. Guru berperanan sebagai penyampai dan pendorong.

sambung....

Pembelajaran	Satu proses pelajar memperoleh ilmu secara teratur dan sistematik. Membabitkan pelbagai aktiviti, penggunaan komputer, pelbagai kaedah, pelbagai bahan dan alat , dan pelbagai peralatan. Membabitkan pembelajaran secara individu dan berkumpulan.	Satu proses pelajar memperoleh ilmu dari penyampaian guru. Membabitkan menyalin nota, dan membuat latihan. Menggunakan kaedah perbincangan, penyoalan, dan penyelidikan perpustakaan. Membabitkan penggunaan bahan yang terhad pada majalah, surat khabar, televisyen, dan radio.
Pentaksiran	Pentaksiran yang sistematis dan menyeluruh bertujuan mengenal pasti kemajuan pelajar dalam akademik, aktiviti kokurikulum, tingkah laku, penglibatan pelajar, dan memperoleh maklum balas tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai aktiviti secara berterusan, pada setiap bulan, akhir tahun, pertengahan semester, dan akhir semester yang dikendalikan oleh guru, pelajar, dan rakan sebaya.	Pentaksiran yang menilai prestasi akademik semata-mata berdasarkan gred dan markah. Bertujuan mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran dan meningkatkan prestasi akademik pelajar. Membabitkan penggunaan kertas soalan yang digunakan dalam ujian dan peperiksaan. Dikendalikan oleh guru kelas dan guru mata pelajaran pada setiap bulan, pertengahan, dan akhir semester.
Penggunaan Teknologi	Penggunaan pelbagai alat teknologi secara optimum menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar.	Penggunaan alat yang terhad pada radio dan televisyen secara tidak optimum menggunakan pendekatan berpusatkan guru.
Pengurusan	Membabitkan penyediaan perancangan lebih awal, penyediaan kemudahan yang lengkap. Menggalakkan peningkatan ilmu, prihatin pada keperluan akademik, menggalakkan penglibatan aktiviti kokurikulum sepenuhnya. Membabitkan penggunaan teknologi secara optimum mengikut tata cara yang betul, penjagaan bahan yang baik, merekodkan dan mengemas kini maklumat, dan ada sistem fail. Merapatkan hubungan guru dengan staf sokongan. Menyediakan akaun kewangan yang lengkap dan pengagihan kewangan yang cukup, mengurus keselamatan	Pengurusan yang tidak membabitkan perancangan yang teratur, alat yang tidak mencukupi, dan ketidakpelbagaian aktiviti. Tidak membabitkan penggunaan komputer, markah kokurikulum tidak diambil kira dalam prestasi, penggunaan teknologi tidak sepenuhnya, dan tidak merekodkan dan mengemas kini maklumat. Membabitkan pengagihan tugas secara tidak seimbang, mengabaikan kebijakan guru, penggunaan peralatan yang tidak optimum, penyediaan akaun kewangan yang tidak lengkap. Membabitkan penyediaan peralatan memadam kebakaran yang tidak

sambung....

	secara sistematik	boleh berfungsi, tidak mengawal dan merekodkan keluar masuk pelajar.
Asas Psikologi	Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor dan rohani secara bersepadau. Membabitkan aspek kognitif seperti kebolehan berfikir secara optimum melalui pelbagai aktiviti. Aspek psikomotor yang membabitkan aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Aspek afektif membabitkan keseronokan melakukan pelbagai aktiviti dan mengambil kira kebolehan pelajar. Aspek rohani membabitkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan dan tingkah laku yang baik.	Membabitkan aspek kognitif seperti penyusunan isi, perbincangan, perbahasan, dan banding beza yang dilaksanakan sekali sekala. Aspek psikomotor membabitkan aktiviti luar bilik darjah. Aspek afektif membabitkan keseronokan melakukan aktiviti tertentu. Aspek rohani membabitkan penekanan dalam mata pelajaran agama dan penerapan nilai murni.
Asas Falsafah	Berasaskan agama Islam. Membabitkan penyepaduan ilmu agama, ilmu sains dan kemasyarakatan, pengetahuan pendidikan bestari, dan maklumat terkini. Menekankan perlakuan yang baik, penglibatan aktif pelajar, penggunaan komputer, dan usaha ke arah penghasilan pelajar bestari, dan mahir komputer.	Berasaskan sistem pendidikan terdahulu yang diambil dari pendidikan Inggeris dan diubah suai mengikut keperluan negara. Membabitkan ilmu agama, ilmu sains dan teknologi, ilmu kemasyarakatan, pengetahuan kokurikulum, dan maklumat terkini secara tidak bersepadau. Menekankan perlakuan yang baik, penggunaan bahasa, dan pembentukan pelajar yang berjaya dalam akademik.

Dari sudut pendidikan, Azizah menganggap pendidikan bestari sebagai satu usaha membimbing pelajar ke arah melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, cekap teknologi, cemerlang dalam pelajaran, aktif dalam kokurikulum, baik tingkah laku, dan seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi. Beliau juga berpendapat pendidikan bestari membabitkan pendekatan tertentu seperti kepelbagaian kaedah, kepelbagaian aktiviti, dan pendekatan berpusatkan pelajar. Sebaliknya, beliau menganggap pendidikan bukan bestari merupakan satu usaha ke arah melahirkan pelajar

yang cemerlang intelek menggunakan pendekatan berpusatkan guru, alat yang terhad, dan kemudahan yang tidak lengkap.

Dari sudut kurikulum, Azizah mentafsirkan kurikulum bestari merujuk satu set perancangan pembelajaran yang mengandungi huraian yang terperinci tentang penilaian, penerapan nilai, aktiviti, dan penyepaduan ilmu dunia dan agama. Menurut beliau, kurikulum bestari dibentuk bertujuan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, seimbang dunia akhirat, bertanggungjawab, taat pada Tuhan, mempunyai pegangan agama, dan mahir komputer.

Azizah menjelaskan kurikulum bestari juga membabitkan penyepaduan ilmu keduniaan dan keagamaan, pengetahuan penyelesaian masalah, pengetahuan sosial, ilmu dunia, ilmu agama, yang digabungjalinkan dengan nilai dan kemahiran mencari maklumat, kemahiran bimbingan, dan kemahiran komunikasi. Sebaliknya, beliau menganggap kurikulum bukan bestari sebagai kurikulum yang tidak lengkap tentang aktiviti, penerapan nilai, aktiviti, dan penilaian.

Seterusnya, Azizah berpendapat bahawa kurikulum bukan bestari hanya menumpukan kepada aspek intelek. Beliau menganggap kurikulum bukan bestari bertujuan membimbing melahirkan pelajar yang cemerlang intelek. Dengan kata lain, kurikulum bukan bestari dianggap sebagai kurikulum yang menekankan penguasaan isi pelajaran. Menurut beliau, kurikulum tersebut tidak membabitkan penyepaduan ilmu dunia dan agama. Azizah berpendapat pendidikan bukan bestari memberi penekanan pada ilmu agama hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Dari aspek pengajaran, Azizah berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampai ilmu menggunakan pelbagai bahan, pelbagai aktiviti, pelbagai

pendekatan, dan alat teknologi maklumat komputer. Selain itu, beliau menjelaskan pengajaran bestari membabitkan penglibatan aktif pelajar, memberi peluang pelajar belajar sendiri, dan menggunakan pelbagai sumber. Beliau berpendapat pengajaran bestari adalah menyeronokkan tetapi kadang kala menimbulkan rasa bimbang. Bagi Azizah, pengajaran itu menekankan kepercayaan kepada Tuhan, dan menggalakkan pembentukan tingkah laku terpuji. Beliau berpendapat perananguru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing, pendorong, dan penyampai ilmu.

Sebaliknya, Azizah menganggap pengajaran bukan bestari sebagai aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan bahan buku teks dan petikan. Beliau juga berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti berbentuk latih tubi, ulang kaji, membaca, memahami petikan, dan bersoal jawab menggunakan kaedah penerangan guru. Selain itu, Azizah menganggap pengajaran bukan bestari tidak menyeronokkan dan membosankan. Beliau berpendapat pengajaran tersebut membabitkan ketidakpelbagaian aktiviti dan penggunaan alat teknologi yang terhad. Azizah menjelaskan peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai penyampai dan pendorong.

Azizah mentafsirkan pembelajaran bestari adalah satu proses pelajar memperoleh ilmu secara sistematik, iaitu belajar dari mudah ke susah mengikut sukanan yang telah dirancang, menggunakan komputer, pelbagai kaedah, aktiviti, bahan, dan alat teknologi. Pembelajaran secara individu dan kumpulan dianggap beliau sebagai cara belajar bestari. Sebaliknya, Azizah berpendapat pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar memperoleh ilmu melalui penyampaian guru. Beliau juga menganggap menyalin nota dan membuat latihan sebagai aktiviti pembelajaran bukan bestari. Namun begitu, Azizah menganggap pembelajaran bukan bestari juga membabitkan sekali sekala aktiviti

perbincangan, pencarian maklumat, dan penyelidikan perpustakaan. Beliau berpendapat pembelajaran bukan bestari juga membabitkan penggunaan bahan yang terhad pada majalah, surat khabar, televisyen, dan radio.

Dari sudut pentaksiran, Azizah menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran yang menyeluruh. Menurut beliau, pentaksiran yang menyeluruh mengesan kemajuan pelajar dalam penguasaan isi pelajaran, aktiviti kokurikulum, tingkah laku, dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, beliau berpendapat pentaksiran bestari bertujuan memperoleh maklum balas tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai alat. Menurut beliau, pentaksiran bestari dijalankan secara berterusan pada setiap bulan, pada akhir tahun, pertengahan, dan akhir semester yang dikendalikan oleh guru, pelajar, dan rakan sebaya. Sebaliknya, Azizah menganggap pentaksiran bukan bestari memberi tumpuan kepada perkembangan intelek yang berdasarkan gred dan markah, mengukuhkan konsep tentang isi pelajaran, dan meningkatkan prestasi akademik. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari dilaksanakan pada setiap bulan, pertengahan semester, dan akhir semester menggunakan kaedah ujian dan peperiksaan yang dikendalikan oleh guru kelas dan guru mata pelajaran.

Seterusnya, Azizah menganggap teknologi bestari merujuk alat teknologi seperti komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen, manakala penggunaan teknologi bestari beliau tafsirkan sebagai penggunaan alat teknologi untuk memperoleh maklumat, menyimpan bahan, menyampaikan maklumat, memberi gambaran sebenar sesuatu situasi, meningkatkan kemahiran mendengar, dan menyediakan bahan lebih awal menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Sebaliknya, beliau berpendapat penggunaan teknologi

bukan bestari dikenal pasti sebagai penggunaan alat teknologi untuk menaip soalan, mendengar petikan, dan mencari maklumat.

Dari sudut pengurusan, Azizah mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang teratur. Beliau berpendapat penggunaan yang teratur membabitkan penyediaan perancangan yang awal, penyediaan alat dan bahan yang lengkap, dan penggunaan komputer dalam mengurus. Beliau menjelaskan pengurusan bestari juga merupakan satu usaha menggalakkan peningkatan ilmu, keprihatinan terhadap keperluan akademik, dan menggalakkan penglibatan pelajar secara optimum dalam aktiviti kurikulum. Bagi Azizah, pengurusan bestari membabitkan penggunaan teknologi mengikut tatacara yang betul, penjagaan alat dan teknologi yang baik, merekodkan dan mengemas kini maklumat, dan mewujudkan sistem fail. Selain itu, Azizah berpendapat bahawa pengurusan bestari membabitkan hubungan yang erat antara warga sekolah, penggunaan peralatan yang optimum, penyediaan akaun kewangan yang lengkap, dan pengagihan kewangan yang cukup mengikut keperluan. Beliau menganggap memberi pelajar pendedahan tentang cara menyelamat kebakaran, menyediakan alat memadam kebakaran yang mencukupi, dan mengawal keluar masuk pelajar mengikut prosedur sebagai pengurusan bestari.

Sebaliknya, Azizah menganggap pengurusan bukan bestari sebagai pengurusan yang tidak membabitkan perancangan yang teratur dan penyediaan bahan dan alat yang tidak mencukupi. Malahan pengurusan bukan bestari juga beliau anggap tidak membabitkan penggunaan komputer, tidak mengambil kira markah kurikulum dalam prestasi, penggunaan teknologi secara tidak optimum, dan tidak merekodkan dan mengemas kini maklumat. Beliau berpendapat pengurusan bukan bestari juga

membabitkan pengagihan tugas yang tidak seimbang, pengabaian kebajikan guru, penggunaan peralatan yang tidak optimum, penyediaan akaun kewangan yang tidak lengkap penyediaan peralatan memadam kebakaran yang tidak boleh berfungsi, dan pengawalan keluar masuk pelajar yang tidak sistematik.

Azizah menjelaskan bahawa aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti berfikir secara optimum, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari pula membabitkan aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Menurut Azizah, aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari pula membabitkan pelbagai aktiviti yang mewujudkan suasana menyeronokkan. Azizah pendidikan bestari menekankan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan dan melakukan tingkah laku yang baik berlandaskan agama.

Sebaliknya, Azizah berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti kemahiran berfikir seperti penyusunan isi, perbincangan, perbahasan, dan banding beza yang sekali sekala dilaksanakan, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan aktiviti luar bilik darjah dan mata pelajaran tertentu seperti seni lukis. Azizah menjelaskan pendidikan bukan bestari menekankan aspek ketuhanan hanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dari sudut falsafah, Azizah berpendapat pendidikan bestari adalah berlandaskan Islam. Namun begitu, beliau menjelaskan beberapa aspek dalam sistem pendidikan yang ada seperti aspek pedagogi boleh dijasikan atas dalam pembentukan pendidikan tersebut. Sebaliknya, beliau menganggap pendidikan bukan bestari menggunakan sistem pendidikan terdahulu yang diambil dari pendidikan Inggeris yang diubahsuai mengikut

keperluan negara sebagai asas pembentukan pendidikan itu. Azizah berpendapat penyepaduan ilmu agama, ilmu sains, ilmu kemasyarakatan, pengetahuan tentang pendidikan bestari, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, aspek epistemologi dalam pendidikan bukan bestari tidak memberi penekanan yang sewajarnya kepada penyepaduan ilmu, pengetahuan, dan maklumat.

Dari segi tingkah laku, pendidikan bestari dan bukan bestari membabitkan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Azizah mentsirikan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti membina ilmu dan penggunaan komputer dalam pendidikan merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, Azizah berpendapat penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh dan usaha ke arah pembentukan pelajar yang cemerlang akademik semata-mata merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Dari sudut logik, Azizah berpendapat logik yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan usaha ke arah penghasilan pelajar yang bestari dan mahir komputer. Sebaliknya, logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pembentukan pelajar yang berjaya dalam akademik yang diukur melalui prestasi pelajar dari aspek intelek semata-mata.

Lokman

Lokman ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tingkatan tiga dan empat. Lokman mempunyai kelulusan Sarjana Muda dari Universiti Putra Malaysia. Beliau mengajar selama dua puluh satu tahun setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti latihan sekolah bestari selama satu minggu anjuran Kementerian Pendidikan. Selain itu, beliau pernah menghadiri bengkel pengendalian komputer, bengkel pengajaran dan pembelajaran bestari anjuran Jabatan Pendidikan Negeri, dan bengkel kemahiran berfikir.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Lokman tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu makna bestari dan makna pendidikan bestari yang dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 38).

Jadual 38 Makna bestari dan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
• Gambaran mental	Bestari digambarkan sebagai suatu yang berkait dengan komputer. Bestari juga digambarkan sebagai sempurna, cemerlang, dan aktif.
• Makna umum	Bestari adalah kebolehan memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam akademik, aktif, menggunakan bahasa yang sopan, berkebolehan

sambung....

	<p>memimpin, dan berkebolehan mengendali program pendidikan.</p> <p>Berkebolehan menggunakan komputer untuk menghasilkan bahan, menyimpan maklumat, dan memperoleh maklumat.</p> <p>Bertingkah laku baik, berfikiran jauh, boleh menyesuaikan diri, cepat bertindak terhadap sebarang masalah, sedia menerima perubahan dan pandangan orang lain, dan rendah diri.</p> <p>Berkebolehan mengaplikasi pengetahuan yang diperoleh dalam kehidupan.</p> <p>Persekutaran yang bersih, nyaman, dan mengamalkan nilai yang baik.</p> <p>Percaya pada Tuhan dan berpegang teguh pada agama.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Metaphor bestari <p>Guru bestari diibaratkan sebagai suatu yang berkait dengan ciri yang ada pada komputer.</p>
Pendidikan Bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Satu proses ke arah melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek, dan rohani.</p> <p>Satu proses ke arah melahirkan individu yang boleh menyesuaikan diri dengan zaman teknologi maklumat.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Satu usaha untuk melahirkan individu yang berketerampilan, harmoni, berilmu pengetahuan, mampu membezakan yang baik dan buruk, dan boleh berinteraksi dengan baik.</p> <p>Mempunyai kemudahan teknologi komputer, bilik bestari yang lengkap dengan kemudahan alat, teknologi, bahan, dan kerusi meja.</p> <p>Melaksanakan program kemahiran menggunakan komputer, kemahiran komunikasi, peningkatan ilmu, kerjaya, dan pendakian gunung.</p> <p>Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan jelas.</p> <p>Mebaitkan penggunaan pelbagai kaedah, memberi pelajar peluang melibatkan diri, pelbagai alat teknologi, dan pelbagai bahan.</p>

Gambaran mental bestari. Lokman menggambarkan bestari sebagai suatu yang berkait dengan ciri yang ada pada komputer. Menurut beliau, komputer itu mempunyai pelbagai fungsi yang seperti mencari dan mengakses maklumat, menyimpan dan

menyebarkan maklumat. Menurut beliau individu yang bestari merupakan orang berkebolehan melakukan pelbagai tugas secara efektif. Lokman juga menggambarkan bestari sebagai sempurna, iaitu emosi yang stabil, tingkah laku yang baik, dan berkemampuan memperoleh gred A dan B dalam pelajaran. Seterusnya, beliau menggambarkan bestari sebagai cemerlang dalam pelajaran, kokurikulum dan sahsiah. Menurut beliau, cemerlang dalam pelajaran, iaitu memperoleh gred A dan B, manakala cemerlang dalam kokurikulum merujuk kebolehan melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti. Menurut Lokman, cemerlang sahsiah pula merujuk kebolehan bertenaga laku baik yang secocok dengan tuntutan agama.

Makna umum. Secara khusus, Lokman berpendapat, bestari merupakan kebolehan memperoleh prestasi cemerlang dalam akademik, aktif dalam kokurikulum, menggunakan bahasa yang sopan dalam pertuturan, dan berkebolehan memimpin dan mengendali sesuatu program. Selain itu, Lokman menganggap bestari sebagai bijaksana, iaitu berkebolehan menggunakan komputer untuk memperoleh maklumat, menyebarkan maklumat, mengurus jual beli melalui komputer, dan menaip hasilan kerja.

Dari sudut tingkah laku, Lokman menganggap bestari sebagai baik tingkah laku, berfikiran jauh, boleh menyesuaikan diri, berkebolehan mengeluarkan idea yang bernas, berkebolehan menyelesaikan masalah, sedia menerima perubahan dan pandangan orang lain, tidak sompong, rendah diri, dan berani. Beliau juga mentafsirkan bestari itu sebagai kebolehan mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan, mewujudkan persekitaran suasana yang bersih dan nyaman, mengamalkan nilai yang baik, meningkatkan kepercayaan kepada Tuhan, dan kuat beragama.

Metafora bestari. Lokman mengibaratkan guru bestari sebagai komputer. Menurut beliau, komputer merupakan alat yang boleh memudahkan kerja dan mempunyai pelbagai fungsi. Lokman berpendapat bestari dalam konteks ciri guru bestari menunjukkan kebolehan melakukan pelbagai tugas dengan cepat dan mudah.

Gambaran mental pendidikan bestari. Lokman menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses ke arah melahirkan individu yang cemerlang akademik dan mempunyai tingkah laku yang baik. Selain itu, beliau juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses melahirkan pelajar yang mahir menggunakan teknologi maklumat dan mampu menyesuaikan diri dengan kehidupan zaman teknologi maklumat.

Makna umum pendidikan bestari. Lokman berpendapat pendidikan bestari sebagai satu usaha ke arah melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek, dan boleh menyesuaikan diri dengan zaman teknologi maklumat. Beliau juga menganggap pendidikan bestari sebagai usaha melahirkan individu yang berketerampilan, harmoni, berilmu pengetahuan, berkemampuan membezakan yang baik dan buruk, dan boleh berinteraksi dengan baik. Selain itu, Lokman menjelaskan pendidikan bestari membabitkan kemudahan bilik yang lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti bahan, kerusi, meja, dan komputer. Beliau berpendapat pendidikan bestari juga membabitkan pelaksanaan pelbagai program seperti kemahiran komputer, kemahiran komunikasi, peningkatan ilmu, kerjaya, dan pendakian gunung.

Seterusnya, Lokman menjelaskan pendidikan bestari membabitkan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang, penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai alat teknologi, pelbagai bahan, dan memberi peluang pelajar melibatkan diri dalam aktiviti. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari merupakan satu proses melahirkan individu yang tidak seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Bagi Lokman, pendidikan bukan bestari tidak membabitkan penggunaan pelbagai pendekatan, kaedah pengajaran yang tidak pelbagai, menggunakan pendekatan berpusatkan guru, dan mempunyai kemudahan yang tidak lengkap. Selain itu, beliau menjelaskan pendidikan bukan bestari juga membabitkan pelaksanaan pendidikan tertentu yang boleh meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonsepan Lokman tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 39).

Jadual 39 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum bestari	<p>Merujuk satu set perancangan pembelajaran yang lengkap, terperinci, dan fleksibel.</p> <p>Bertujuan membimbing pelajar ke arah pencapaian akademik yang cemerlang, bertingkah laku baik, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek, dan berkemahiran menggunakan teknologi.</p> <p>Mengandungi pengetahuan penyelesaian masalah, pengetahuan penggunaan teknologi maklumat, ilmu keduniaan, ilmu agama, kemahiran menggunakan komputer, dan kemahiran menyelenggarakan komputer.</p> <p>Membabitkan aktiviti lawatan, syarahan, perbahasan, dan perkhemahan.</p> <p>Menekankan penerapan nilai.</p> <p>Membabitkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, pelbagai alat dan bahan, pelbagai aktiviti, dan penilaian menyeluruh</p> <p>Kurikulum tersurat membabitkan objektif, isi kandungan, aras pembelajaran, aktiviti, alat, kaedah, penggunaan teknologi, dan pentaksiran.</p> <p>Kurikulum tersirat membabitkan penghasilan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek; mampu menghadapi zaman teknologi maklumat; dan baik tingkah laku.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum 	<p>Satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan alat teknologi dan membabitkan pelajar secara aktif.</p> <p>Aktiviti guru menyampaikan ilmu pengetahuan dan membimbing pelajar memahami konsep menggunakan pelbagai teknik dan pelbagai peralatan. Dilaksanakan di bilik yang lengkap dengan pelbagai peralatan dan bahan.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah soalan yang dikemukakan dan aktiviti yang menyeronokkan, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bestari adalah penerimaan pelajar, pencapaian objektif. Selepas mengajar, perkara yang difikirkan kekuatan dan kelemahan pengajaran, dan kebolehan pelajar menjawab soalan.</p> <p>Pengajaran bestari menyeronokkan dan kadang kala menimbulkan rasa serba salah.</p> <p>Membabitkan penekanan kepada ketataan kepada Tuhan, penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p>

sambung....

	<p>Membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan dan peralatan sebelum mengajar. Semasa pengajaran, guru melaksanakan set induksi, perbincangan, aktiviti kumpulan, menyampaikan isi dan arahan, membimbing pelajar melakukan pelbagai aktiviti, dan memberi tugas. Di akhir pengajaran, beliau memberi pelajar latihan, folio, pengiktirafan, dan melakukan refleksi.</p> <p>Dalam konteks amalan dalam bilik darjah, sebelum mengajar beliau menyediakan bahan, peralatan, dan merancang aktiviti. Semasa mengajar, memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk, dan membimbing pelajar melakukan pelbagai aktiviti. Di akhir pengajaran guru merumuskan isi pelajaran.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, penilai, dan mentor.</p>
Pembelajaran bestari	<p>Satu proses pelajar membina ilmu secara aktif melalui penyertaan aktif dalam aktiviti pembelajaran.</p> <p>Membabitkan pembelajaran kendiri menggunakan pelbagai kaedah, dan pelbagai peralatan.</p> <p>Membabitkan cara belajar berkumpulan dan individu.</p> <p>Menggunakan kaedah perbincangan, penyelidikan, dan lawatan.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan internet dan bahan filem <i>slaid</i>.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti kreatif, kritis, dan aktif.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran yang berterusan, holistik, <i>online</i>, fleksibel, dan boleh dipercayai.</p> <p>Bertujuan mengenal pasti prestasi akademik, tingkah laku, dan membantu pelajar melengkapkan diri ke alam pekerjaan.</p> <p>Menggunakan kaedah <i>online</i>, pemerhatian, dan ujian.</p> <p>Memberi fokus kepada penguasaan isi pelajaran dan aspek perkembangan jasmani, emosi, dan rohani.</p> <p>Menggunakan pelbagai instrumen seperti soal selidik, kertas soalan, komputer, dan kertas catatan.</p> <p>Dilaksanakan secara berterusan pada pertengahan semester, akhir semester, dan bila-bila masa yang sesuai.</p> <p>Membantu ke arah pencapaian prestasi yang lebih baik dari segi akademik dan pembentukan tingkah laku baik.</p> <p>Membabitkan penghasilan portfolio, ujian, peperiksaan, penyelidikan, dan laporan.</p> <p>Membabitkan guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa, rakan sebaya, dan guru disiplin sebagai pentaksir.</p>

Kurikulum bestari. Lokman menganggap kurikulum bestari sebagai satu set perancangan pembelajaran yang lengkap, mengandungi isi pelajaran, penerapan nilai, ilmu pengetahuan, pembentukan tingkah laku, dan kemahiran. Malahan beliau berpendapat kurikulum bestari adalah kurikulum yang terperinci dan fleksibel. Menurut Lokman, kurikulum yang terperinci mengandungi huraian yang jelas tentang penyepaduan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan yang digabungjalinkan dengan kemahiran dan nilai, manakala kurikulum yang fleksibel membabitkan kebebasan guru melaksanakan sesuatu unit pembelajaran mengikut tema dan masa yang sesuai. Menurut Lokman, kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar ke arah pencapaian yang cemerlang dalam akademik, bertingkah laku baik; seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek; dan kemahir menggunakan teknologi. Malahan beliau berpendapat kurikulum bestari juga dibentuk untuk mengembangkan bakat dan kebolehan pelajar dalam pelbagai bidang.

Selain itu, Lokman menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum bestari membabitkan program teras yang memberi fokus kepada ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan, program kemahiran yang memberi fokus pada kemahiran mengguna dan menyelenggarakan komputer; program pengayaan yang memberi fokus kepada aspek penyelesaian masalah. Menurut beliau, kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu, digabungjalinkan dengan kemahiran dan nilai dalam semua mata pelajaran. Beliau berpendapat bahawa kurikulum tersebut juga membabitkan aktiviti lawatan, syarahan, perbahasan, dan perkhemahan; pendekatan berpusatkan pelajar, penggunaan pelbagai alat; pelbagai bahan; dan penilaian menyeluruh.

Sebaliknya, Lokman berpendapat kurikulum bukan bestari berbeza dengan kurikulum bestari. Menurut beliau, kurikulum bukan bestari memberi tumpuan kepada aspek intelek. Lokman menjelaskan aspek rohani dalam pendidikan bukan bestari ditekankan hanya pada mata pelajaran pendidikan Islam.

Selain itu, Lokman menganggap kurikulum bukan bestari adalah kurikulum yang mengandungi huraian umum dan tidak terperinci tentang isi kandungan, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan pendekatan penilaian. Lokman mentafsirkan program teras dalam kurikulum bukan bestari tidak membabitkan penyepaduan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan secara tidak bersepada. Beliau menganggap ilmu keagamaan dalam kurikulum bukan bestari hanya membabitkan mata pelajaran pendidikan Islam. Seterusnya, Lokman berpendapat kurikulum bukan bestari membabitkan kemahiran 3M, iaitu membaca, menulis, dan mengira. Malahan beliau menjelaskan aktiviti seperti syarahan, lawatan, dan perbahasan dalam kurikulum bukan bestari dilaksanakan melalui aktiviti luar bilik darjah. Lokman juga menganggap kurikulum bukan bestari membabitkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru, manakala pendekatan penilaian dalam kurikulum bukan bestari tidak menyeluruh, iaitu memberi tumpuan kepada aspek akademik yang dikendalikan oleh guru.

Pengajaran bestari. Lokman menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai alat teknologi, pelbagai aktiviti, penerapan kemahiran berfikir, dan penglibatan aktif pelajar. Malahan beliau menjelaskan pengajaran bestari dilaksanakan di bilik yang lengkap dengan peralatan dan bahan. Seterusnya, Lokman menganggap pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang difikirkan. Misalnya, guru memikirkan tentang soalan yang akan

dikemukakan dan aktiviti yang menyeronokkan pelajar sebelum mengajar, manakala semasa mengajar perkara yang difikirkan adalah penerimaan pelajar, kerjasama pelajar, dan pencapaian objektif. Perkara yang difikirkan selepas mengajar bestari pula adalah kekuatan dan kelemahan pengajaran dan kebolehan pelajar menjawab soalan.

Lokman berpendapat pengajaran bestari adalah menyeronokkan apabila pelajar membabitkan diri secara aktif dalam aktiviti dan apabila pengajaran yang dilaksanakan menggunakan alat bantu mengajar. Beliau berpendapat kadang kala berasa serba salah melaksanakan pengajaran bestari apabila melaksanakan pentaksiran yang memberi tumpuan pada aspek akademik semata-mata. Lokman menjelaskan bahawa pengajaran bestari menekankan aspek kepercayaan kepada Tuhan, penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, pengajaran bestari membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan, dan peralatan. Menurut beliau, perkara yang guru lakukan semasa pengajaran adalah melaksanakan set induksi, menyampaikan isi pelajaran, memberi arahan, perbincangan, membimbing pelajar melakukan pelbagai aktiviti menyelesaikan masalah, membentang hasil kerja, melaksanakan kajian, dan membuat latihan. Di akhir pengajaran, perkara yang dilakukan adalah memberi pelajar kerja susulan seperti latihan dan menghasilkan portfolio; memberi pengiktirafan; dan melakukan refleksi. Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar Lokman menyediakan bahan, alat, dan merancang aktiviti pengajaran. Semasa mengajar, beliau memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk pelajaran dan menerangkan aktiviti yang perlu pelajar lakukan. Seterusnya, beliau meminta pelajar membaca petikan, mencari isi, berbincang, membentang hasil, membuat rumusan, dan meminta pelajar menampal rumusan isi di papan kenyataan. Menurut Lokman, unsur bestari yang

diterapkan dalam pengajaran beliau adalah kemahiran berfikir, peranan guru sebagai fasilitator dan penilai, pelbagai kaedah berkumpulan, pelbagai teknik pengajaran, penerangan guru, penyoalan, penilaian rakan sebaya, dan penerapan nilai.

Sebaliknya, Lokman berpendapat pengajaran bukan bestari berbeza dengan pengajaran bestari. Antara lain, beliau berpendapat pengajaran bestari membabitkan guru menyampai ilmu menggunakan pendekatan tertentu seperti interaksi sehala, aktiviti yang terhad, kemahiran asas menulis, membaca, dan mengira. Bagi Lokman, perkara yang difikirkan sebelum mengajar bukan bestari membabitkan isi pelajaran untuk menjawab soalan peperiksaan, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bukan bestari pula adalah menghabiskan sukanan dan bentuk latihan yang akan diberi pada pelajar. Seterusnya, aspek kebolehan pelajar menjawab soalan, menyempurnakan latihan, dan melaksanakan tugas merupakan perkara yang beliau fikirkan selepas mengajar bukan bestari. Menurut Lokman, beliau merasa tertekan dan risau melaksanakan pengajaran bukan bestari apabila prestasi guru dinilai melalui pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Malahan beliau berasa tertekan apabila pencapaian prestasi pelajar dalam peperiksaan menurun. Lokman menjelaskan bahawa beliau kadang-kadang berasa risau memikirkan sukanan pelajaran belum diselesaikan dan tidak seronok pula apabila pelajar kurang melibatkan diri dalam aktiviti. Lokman juga berpendapat aspek ketuhanan dalam pengajaran bukan bestari diberi tumpuan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Lokman juga berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan penyediaan awal perancangan mengajar dan penyediaan alat bantu mengajar, manakala aktiviti latihan, menerang konsep, dan menyalin nota merupakan perkara yang dilakukan semasa mengajar bukan bestari. Di akhir pengajaran bukan bestari, perkara yang dilakukan

adalah aktiviti memberi pelajar latihan menjawab soalan dan tugas mencari maklumat daripada akhbar. Menurut beliau, peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai pengajar dan penilaian.

Pembelajaran bestari. Lokman menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu secara formal dan non formal. Menurut beliau, pembelajaran secara formal membabitkan pelajar memperoleh ilmu dari penyampaian guru pada waktu dan tempat tertentu, manakala pembelajaran secara non formal pula membabitkan pelajar memperoleh ilmu melalui interaksi dengan persekitaran. Selain itu, beliau menterangkan pembelajaran bestari sebagai pembelajaran kendiri, iaitu pelajar belajar secara individu dan berkumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai bahan bantu mengajar. Beliau menjelaskan pembelajaran bestari membabitkan penggunaan kaedah perbincangan, penyelidikan, lawatan menggunakan internet, dan filem slaid.

Lokman juga menganggap pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari membabitkan pelajar memperoleh ilmu dari penerangan dan arahan guru. Antara lain, pembelajaran bukan bestari membabitkan aktiviti berbentuk penyoalan, menjawab soalan, mengguna kaedah penerangan guru, dan membaca teks. Bagi Lokman majalah, teks lama, dan papan hitam merupakan bahan yang digunakan dalam pembelajaran bukan bestari.

Pentaksiran bestari. Lokman menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran berterusan, holistik, *online*, fleksibel, dan boleh dipercayai. Menurut beliau, pentaksiran berterusan merujuk sistem penilaian yang boleh dilaksanakan pada bila-bila masa yang sesuai dari awal persekolahan hingga akhir persekolahan. Pentaksiran holistik pula membabitkan aspek perkembangan individu yang menyeluruh dari aspek jasmani, emosi,

rohani dan intelek, manakala pentaksiran *online* merujuk pentaksiran yang dilaksanakan menggunakan komputer, iaitu pelajar menjawab soalan peperiksaan dan menghantar jawapan menerusi e-mel. Menurut Lokman, komputer juga digunakan sebagai alat untuk merekodkan tingkah laku, penglibatan dalam aktiviti, pencapaian peperiksaan, dan mengemas kini maklumat tentang prestasi pelajar. Lokman menganggap pentaksiran bestari boleh dipercayai apabila guru, pelajar, dan guru lain terlibat dalam pentaksiran. Beliau menjelaskan pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti perkembangan intelek dan perkembangan tingkah laku melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti. Selain itu, Lokman menjelaskan pentaksiran bestari memberi gambaran yang menyeluruh tentang diri individu dari segi pengetahuan, kemahiran, tanggung jawab, dan kepimpinan. Beliau menganggap gambaran yang menyeluruh membantu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan. Lokman menjelaskan bahawa pentaksiran bestari membabitkan penggunaan pelbagai kaedah seperti *online*, pemerhatian, dan ujian yang memberi fokus pada penguasaan isi pelajaran; jasmani, emosi, dan rohani. Beliau menganggap soal selidik, kertas soalan, komputer, dan kertas catatan sebagai alat yang digunakan dalam pentaksiran bestari. Bagi Lokman, pentaksiran bestari boleh dilaksanakan semasa pengajaran, berterusan pada bila-bila masa, pertengahan semester, dan pada akhir semester. Beliau berpendapat pentaksiran bestari membantu ke arah pencapaian prestasi pelajar yang lebih baik dari segi akademik dan tingkah laku. Selain itu, Lokman mentsafsirkan pentaksiran bestari membabitkan pelbagai aktiviti seperti penghasilan portfolio, ujian, peperiksaan, penyelidikan, dan laporan. Beliau menjelaskan bahawa guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa, rakan sebaya, dan guru disiplin merupakan pihak yang terlibat dalam pentaksiran bestari. Sebaliknya, Lokman berpendapat pentaksiran

bukan bestari hanya membabitkan aspek akademik yang dilaksanakan melalui ujian dan peperiksaan. Menurut Lokman, pentaksiran bukan bestari tidak memberi tumpuan kepada aspek perkembangan tingkah laku dan penglibatan pelajar dalam aktiviti pendidikan. Lokman menganggap pentaksiran bukan bestari yang menggunakan kertas soalan dikendalikan oleh guru pada pertengahan dan akhir tahun.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonseptan Lokman tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 40).

Jadual 40 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan Teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara optimum dan penglibatan semua pihak.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, projektor overhead, perakam video, dan televisyen.</p> <p>Menggunakan komputer dua kali seminggu, perakam video dua minggu sekali, televisyen dua hingga tiga minggu sekali, dan menggunakan projektor overhead pada setiap kali pengajaran.</p> <p>Penting untuk membantu guru dan pelajar memperoleh maklumat, menyediakan bahan rangsangan, merakam aktiviti, menyampaikan isi pelajaran, dan pelajar membentang hasil kerja.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar.</p>
Pengurusan Bestari	
• Gambaran mental	Digambarkan sebagai proses mengendalikan sesuatu mengikut perancangan dan prosedur.

sambung....

<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Dikenal pasti sebagai pengurusan yang lancar. Membabitkan penggunaan komputer dan membentuk hubungan yang baik antara pentadbir dengan guru dan staf.</p> <p>Membabitkan pelbagai langkah meningkatkan pencapaian pelajar, memastikan bahan dan peralatan dalam keadaan baik, menyediakan alat teknologi yang mencukupi, dan memberi guru pendedahan tentang mengurus bestari.</p> <p>Membabitkan penglibatan pelajar dan guru secara aktif, pembahagian tugas mengikut minat, bakat dan kebolehan.</p> <p>Membabitkan penggunaan yang optimum, penglibatan pelajar, penyediaan alat teknologi yang mencukupi, dan peningkatan kemahiran mengendali teknologi.</p> <p>Membabitkan penyediaan bahan sebelum mengajar. Membabitkan aktiviti mencatat dan merekodkan tingkah laku, mengambil berat kebajikan pelajar, menyediakan keperluan buku teks, dan mengadakan program ayah angkat.</p> <p>Membabitkan penerangan yang jelas tentang tugas, pembahagian tugas mengikut pengkhususan, memberi staf pendedahan tentang cara menjalankan tugas, dan memberi guru kemahiran menggunakan komputer.</p> <p>Membabitkan penyediaan peralatan yang lengkap, penyelenggaraan yang sistematis, dan segera membaik pulih peralatan yang rosak.</p> <p>Membabitkan penyebaran bahan dengan segera dan menentukan kesesuaian bahan. Membabitkan ibu bapa, dan agensi kerajaan dalam proses pendidikan.</p> <p>Dari aspek kewangan, Membabitkan pengagihan wang mengikut keperluan utama, merekodkan, dan mencatat keluar masuk wang.</p> <p>Dari aspek keselamatan, Membabitkan penyediaan prosedur penggunaan bahan berbahaya dan mengendalikan masalah disiplin secara sistematis</p>
--	---

Penggunaan teknologi. Lokman berpendapat teknologi bestari adalah teknologi baru dan terkini yang membantu memudahkan urusan sesuatu perkara, manakala penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi komputer, projektor overhead, perakam video, dan televisyen secara optimum. Bagi Lokman, penggunaan teknologi secara optimum membabitkan penggunaan teknologi untuk menyampaikan maklumat, membuat rujukan, menyimpan fail, membuat persembahan, dan membantu pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

Beliau menjelaskan penggunaan komputer dua kali seminggu membolehkan pelajar memperoleh maklumat, menghasilkan tugas, dan membentang hasil kerja. Beliau berpendapat penggunaan alat perakam video dua kali seminggu untuk membolehkan guru merakam dan mentafsirkan kembali aktiviti pelajar, manakala televisyen digunakan tiga kali seminggu untuk menunjukkan kepada pelajar teknik lakonan dan perbahasan. Lokman menggunakan projektor overhead pada tiap kali pengajaran untuk menjelaskan tentang isi pelajaran. Beliau juga menganggap penggunaan teknologi membabitkan pelbagai aktiviti seperti penghasilan kerja, pencarian maklumat, dan pembentangan hasil kerja.

Lokman mentafsirkan penggunaan teknologi tidak bestari pula merujuk penggunaan satu atau dua alat teknologi secara tidak optimum. Menurut beliau penggunaan secara tidak optimum membabitkan penggunaan teknologi untuk aktiviti tertentu seperti menaip dan menonton rancangan. Beliau berpendapat penggunaan teknologi dalam pendidikan bukan bestari hanya dilaksanakan sekali sekala untuk pelajar menonton televisyen dan menggunakan teknologi berasaskan pendekatan berpusatkan guru.

Pengurusan bestari. Lokman menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang betul. Menurut beliau, pengurusan yang betul merujuk proses mengendalikan sesuatu perkara mengikut prosedur dan perancangan yang telah ditentukan. Selain itu, Lokman berpendapat pengurusan bestari membabitkan penggunaan komputer untuk menyimpan dan mengedarkan maklumat. Seterusnya, beliau mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang lancar dan cekap. Menurut beliau, pengurusan yang lancar membabitkan penggunaan komputer, manakala pengurusan yang cekap

membabitkan penyimpanan, penyampaian maklumat kepada warga sekolah, dan mengemas kini maklumat dengan cepat dan mudah. Beliau menganggap usaha membentuk hubungan baik antara pentadbir, guru, dan staf, dan usaha peningkatan profesionalisme guru sebagai mengurus bestari.

Selain itu, Lokman berpendapat mengurus bestari dari aspek akademik membabitkan pelbagai usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar, memastikan bahan dan peralatan dalam keadaan baik, menyediakan alat teknologi yang mencukupi, dan memberi guru pendedahan tentang pengurusan secara bestari. Bagi Lokman mengurus bestari aspek non akademik pula merujuk penglibatan aktif pelajar dan guru dalam aktiviti kurikulum, dan membahagikan tugas guru mengikut minat, bakat dan kebolehan masing-masing. Seterusnya, beliau juga menjelaskan penglibatan pelajar secara optimum dalam aktiviti kurikulum sebagai mengurus bestari. Misalnya, memastikan kehadiran pelajar dalam setiap aktiviti, mengadakan perancangan tahunan, sistem penilaian tertentu, mengurus jadual aktiviti mengikut kesesuaian, dan mengambil kira markah penglibatan pelajar dalam pentaksiran sekolah. Beliau menganggap mengurus bestari dari aspek teknologi pula merujuk penggunaan teknologi secara optimum, iaitu penggunaan sepenuhnya teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, memberi peluang pelajar menggunakan teknologi, menyediakan kelengkapan teknologi yang mencukupi, dan meningkatkan kemahiran guru mengurus teknologi. Lokman menjelaskan bahawa menyediakan bahan sebelum mengajar dan mengenal pasti kesesuaian bahan dengan isi pelajaran merupakan mengurus bestari dari aspek bahan.

Dari aspek hal ehwal pelajar, mengurus bestari membabitkan aktiviti mencatat dan merekodkan tingkah laku pelajar, mengambil berat hal kebijakan pelajar,

menyediakan keperluan buku teks, dan melaksanakan program ayah angkat. Selain itu, mengurus bestari membabitkan penerangan yang jelas tentang tugas guru dan staf, pembahagian tugas mengikut opsyen, membabitkan guru dalam pelbagai aktiviti, memberi pendedahan tentang bidang tugas, dan memberi guru kemahiran menggunakan komputer. Dari aspek peralatan, pengurusan bestari membabitkan pengurusan peralatan yang lengkap, dalam keadaan baik, menyelenggarakan dengan betul, merekodkan penggunaan, dan segera membaik pulih peralatan yang rosak. Malahan penyebaran segera bahan yang diterima kepada warga sekolah, menentukan kesesuaian bahan, dan membabitkan ibu bapa dan agensi kerajaan dalam proses pendidikan juga dianggap beliau sebagai mengurus bestari. Dari aspek kewangan, Lokman berpendapat mengagihkan wang mengikut keperluan utama, merekodkan, dan mencatat keluar masuk wang sebagai mengurus bestari. Beliau berpendapat mengurus bestari dari sudut keselamatan pula membabitkan pelbagai usaha mengatasi masalah disiplin dan menyediakan prosedur penggunaan bahan berbahaya.

Lokman menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Pengurusan tidak bestari tidak membabitkan penggunaan komputer, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak pelbagai, interaksi sehala, dan penyediaan peralatan yang tidak lengkap. Menurut beliau, pengurusan tidak bestari aspek non akademik pula tidak membabitkan usaha ke arah peningkatan pengetahuan guru tentang kokurikulum. Selain itu, penggunaan sekali sekala teknologi dalam pengajaran, dan tidak merekodkan dan menyelenggarakan alat teknologi mengikut prosedur yang betul dianggap sebagai mengurus tidak bestari. Dari aspek bahan, Lokman menganggap mengurus bahan tidak bestari membabitkan penggunaan bahan tidak sepenuhnya dalam

pengajaran dan pembelajaran dan penyediaan bahan yang tidak mencukupi. Dari sudut hal ehwal pelajar, pengabaian kebijakan pelajar, tidak memberi bimbingan akademik, masalah disiplin yang tidak terkawal, tidak mengemas kini rekod pelajar, dan tidak melaksanakan program yang bermanfaat. Selain itu, Lokman menganggap pengagihan tugas guru yang tidak mengikut opsyen, dan mengabaikan kebijakan guru sebagai mengurus tidak bestari. Beliau juga berpendapat mengurus tidak bestari membabitkan penyimpanan alat yang tidak selamat, tidak merekodkan penggunaan alat, dan lewat membaik pulih peralatan, manakala tidak merekodkan sumber luar yang diterima dan tidak menggunakan sumber luar untuk meningkatkan pencapaian sekolah dianggap beliau sebagai mengurus tidak bestari. Dari sudut kewangan, Lokman menjelaskan mengurus tidak bestari membabitkan pembelian peralatan menggunakan wang guru dan pengeluaran dan penerimaan wang yang tidak direkodkan. Beliau menganggap pengabaian masalah disiplin, menyembunyikan kejadian jenayah, dan tidak mengambil tindakan mengatasi masalah disiplin sebagai mengurus tidak bestari.

Asas Pembentukan Pendidikan Bestari

Pengkonsep Lokman tentang asas pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonsep Lokman tentang psikologi membabitkan kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani, manakala pengkonsep Lokman tentang falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 41).

Jadual 41 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas psikologi	<p>Membabitkan aktiviti yang boleh mencungkil pemikiran pelajar.</p> <p>Membabitkan pergerakan fizikal dalam bilik darjah dan aktiviti kokurikulum.</p> <p>Membabitkan suasana kelas yang kondusif, kebebasan pelajar melakukan aktiviti, menanamkan perasaan berani, bersikap terbuka, dan sedia menerima pandangan orang lain.</p> <p>Menekankan kepercayaan pada Tuhan, mengamalkan ajaran Tuhan, menjauhi larangan-Nya, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p>
Aspek falsafah	<p>Pendidikan bestari berdasarkan agama Islam dan pendidikan negara maju yang diubah suai mengikut keperluan negara.</p> <p>Ilmu dianggap sebagai suatu yang dipelajari dari seseorang dan boleh diamalkan dalam kehidupan. Pengetahuan ditafsirkan sebagai suatu yang diperoleh dari pelbagai sumber, tidak mendalam dan tidak semestinya digunakan dalam kehidupan, manakala maklumat adalah sesuatu yang diperoleh dari bahan bacaan, dan tidak kekal lama dalam ingatan. Membabitkan ilmu sains dan teknologi, ilmu agama, ilmu keduniaan, pengetahuan penggunaan dan pengendalian komputer, pengetahuan pedagogi, dan maklumat terkini tentang perubahan pendidikan dan isu semasa.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan perlakuan yang baik dan pada penggunaan teknologi maklumat.</p>

Aspek psikologi. Lokman berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti kemahiran berfikir seperti membuat analisis, banding beza, kategori, menjawab soalan, melakukan ujian, menilai isi-isi penting, dan kesesuaian isi, berbincang, dan mengemukakan idea. Sebaliknya, aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti menjawab soalan kefahaman, menyatakan isi, dan menerapkan kemahiran berfikir.

Beliau menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pelbagai aktiviti seperti menulis, melakar, berjalan, berbincang, berlakon, dan menulis. Selain itu, aktiviti kurikulum seperti aktiviti unit beruniform, latihan amali, memasak, dan memasang khemah juga beliau anggap sebagai aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti menyalin nota, menjawab soalan, dan aktiviti kurikulum.

Seterusnya, Lokman berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan keadaan kelas yang kondusif. Misalnya, melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan mewujudkan keadaan kelas yang bersih. Selain itu, kebebasan pelajar melakukan aktiviti dianggap beliau aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari. Misalnya, pelajar diberi peluang berbincang dalam kumpulan, mengeluarkan idea, dan menghasilkan tugas mengikut kreativiti. Sebaliknya, Lokman menganggap suasana kelas yang bersih sebagai aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Dari aspek rohani, Lokman menganggap pendidikan bestari menekankan ketiaamanan kepada agama, menjauhi larangan-Nya, dan menggalakkan pembentukan tingkah laku yang baik. Sebaliknya, beliau berpendapat aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aspek keagamaan yang hanya ditekankan dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Lokman berpendapat pendidikan bestari adalah berasaskan daripada sumber agama. Beliau menjelaskan agama Islam menyediakan panduan yang lengkap ke arah pembentukan pelajar bestari. Selain itu, Lokman menganggap pendidikan negara maju yang telah diubahsuai mengikut keperluan negara.

Bagi Lokman, aspek pendidikan seperti pedagogi, penggunaan teknologi maklumat, penglibatan aktif pelajar, dan teknik pengajaran dan pembelajaran pendidikan barat yang boleh dijadikan asas dalam pembentukan pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau menganggap pendidikan British yang telah diubahsuai mengikut keperluan masyarakat merupakan asas pembentukan pendidikan bukan bestari. Lokman menganggap pendidikan bukan bestari yang bersumberkan pendidikan British memberi tumpuan kepada aspek keduniaan dan tidak memberi tumpuan sewajarnya kepada mengabaikan aspek kerohanian.

Dari sudut epistemologi, Lokman berpendapat ilmu merupakan suatu yang diperoleh dari seseorang dan boleh diamalkan dalam kehidupan. Pengetahuan pula beliau anggap sebagai suatu yang diperoleh dari pelbagai sumber, tidak mendalam, dan tidak semestinya boleh digunakan dalam kehidupan, manakala maklumat pula dianggap sebagai suatu yang diterima dari seseorang, pembacaan, kajian, dan tidak kekal dalam ingatan. Lokman berpendapat ilmu keagamaan, ilmu keduniaan, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan pedagogi, dan maklumat terkini merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau mentafsirkan ilmu yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari tidak membabitkan penyepaduan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan. Namun begitu, Lokman menjelaskan ilmu keagamaan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan mata pelajaran pendidikan Islam yang tidak disepadukan dalam semua mata pelajaran lain, manakala pengetahuan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pengetahuan tentang sukatan pelajaran dan pengetahuan pedagogi

maklumat yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari adalah maklumat terkini tentang perubahan pendidikan dan isu semasa.

Dari sudut aksiologi, Lokman menjelaskan pendidikan bestari membabitkan beberapa ciri tertentu seperti pembentukan perlakuan yang baik dan penghasilan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Menurut beliau, individu yang seimbang dan mampu menempuh kehidupan dengan cemerlang, iaitu emosi yang stabil, tingkah laku yang baik, cergas, aktif, dan taat pada Tuhan. Beliau juga berpendapat pendidikan bestari menumpukan kepada pembentukan individu yang mahir menggunakan teknologi.

Sebaliknya Lokman menganggap aspek aksiologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pembentukan perlakuan yang baik dan penghasilan pelajar yang cemerlang dalam akademik semata-mata.

Seterusnya, Lokman berpendapat logik yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pembentukan individu yang seimbang keduniaan dan keakhiratan, manakala logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan penghasilan pelajar yang berjaya dalam akademik semata-mata.

Seterusnya, Lokman menganggap pendidikan bestari mempunyai matlamat untuk melahirkan individu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, aktif, berketerampilan, harmoni, berilmu pengetahuan, dan boleh menyesuaikan diri dengan zaman teknologi maklumat. Beliau berpendapat pendidikan bukan bestari tidak sama dengan pendidikan bestari. Bagi Lokman, pendidikan bukan bestari memberi tumpuan kepada aspek kecemerlangan akademik semata-mata.

Perbezaan Bestari dan Bukan Bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Lokman tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus, iaitu bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 42).

Jadual 42 Perbezaan antara bestari dengan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan bestari
Pendidikan	<p>Satu proses melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, mahir menggunakan teknologi, pencapaian akademik cemerlang, berilmu pengetahuan. Membabitkan penggunaan pendekatan tertentu seperti melalui penggunaan pelbagai kaedah, kemudahan yang lengkap, pelbagai alat teknologi, pelbagai bahan, dan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang.</p>	<p>Satu proses melahirkan individu yang cemerlang intelek. Membabitkan penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru, penggunaan bahan dan kaedah yang terhad, dan kemudahan yang tidak lengkap.</p>
Kurikulum	<p>Merujuk perancangan pembelajaran yang lengkap, terperinci, dan fleksibel. Bertujuan membimbing pelajar ke arah kecermerlangan akademik, tingkah laku yang baik dan celik teknologi.</p> <p>Kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu penggabungan nilai dan kermahiran. Pendekatan pengajaran pembelajaran berpusatkan pelajar dan penilaian yang menyeluruh.</p>	<p>Kurikulum yang umum. Memberi tumpuan pada aspek intelek. Bertujuan membimbing ke arah kecermerlangan akademik. Tidak menjelaskan aspek penyepaduan ilmu.</p>
Pengajaran	<p>Membabitkan proses menyampaikan, ilmu pengetahuan, menggunakan pendekatan pengajaran yang konstruktif.</p> <p>Pengajaran yang menyeronokkan, tetapi kadang kala merasa serba salah.</p>	<p>Membabitkan aktiviti menyampai ilmu menggunakan pendekatan yang tidak konstruktif.</p> <p>Pengajaran yang menimbulkan rasa tertekan dan risau. Menekankan pembentukan tingkah laku yang baik.</p>

sambung....

	<p>Menekankan ketaatan kepada Tuhan, penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, penilai, dan mentor.</p>	<p>Berpusatkan guru, penggunaan alat dan aktiviti yang terhad.</p> <p>Guru berperanan sebagai pengajar dan penilai.</p>
Pembelajaran	Satu proses pelajar membina ilmu menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai peralatan, dan aktiviti secara individu dan kumpulan.	Proses pelajar memperoleh ilmu dari penerangan dan arahan guru. Membabitkan aktiviti berbentuk penyoalan, menjawab soalan, menggunakan kaedah mendengar penerangan guru dan membaca teks secara individu. Menggunakan majalah dan teks lama sebagai bahan pembelajaran.
Pentaksiran	<p>Pentaksiran yang berterusan, holistik, <i>online</i>, fleksibel, dan boleh dipercayai. Bertujuan mengenal pasti kemajuan pelajar dalam peperiksaan, perkembangan tingkah laku, dan penglibatan. Menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai alat, dan pelbagai aktiviti secara berterusan, dan dilaksanakan pada pertengahan semester, akhir semester, dan pada bila-bila masa.</p> <p>Dijalankan oleh guru mata pelajaran, guru kelas, ibu bapa, rakan sebaya, dan guru disiplin.</p>	Pentaksiran yang membabitkan ujian dan peperiksaan. Bertujuan mengenal pasti pencapaian akademik menggunakan kertas soalan yang dikendalikan oleh guru pada pertengahan dan akhir tahun.
Penggunaan teknologi	Penggunaan teknologi komputer, projektor overhead, perakam video, dan televisyen secara optimum.	Penggunaan satu dua alat teknologi secara tidak optimum, terhad pada aktiviti menonton rancangan dan menaip bahan.
Pengurusan	Membabitkan penggunaan komputer, membentuk hubungan baik dengan guru dan staf, ada usaha ke arah peningkatan ilmu, mengambil langkah meningkatkan prestasi pelajar, penyediaan alat teknologi yang cukup, menggalakkan penglibatan aktif dalam kurikulum, merekodkan maklumat pelajar, mengambil kira kebijakan pelajar dan guru, dan mengurus wang dengan betul.	Tidak membabitkan penggunaan komputer, tidak dirancang, tidak merekodkan bahan dan alat, penggunaan alat teknologi sekali sekala, penyediaan bahan tidak lengkap, mengabaikan kebijakan pelajar, masalah disiplin, mengabaikan kebijakan guru, dan menyembunyikan kejadian jenayah tanpa sebarang tindakan.

sambung....

Asas Psikologi	Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor dan rohani secara menyeluruh dalam proses pendidikan. Membabitkan aktiviti mencungkil pemikiran dan menilai maklumat, pergerakan fizikal dalam dan luar bilik darjah, suasana kelas yang kondusif, kebebasan pelajar melakukan aktiviti, sedia menerima pandangan orang lain, terbuka, dan berani, kepercayaan kepada Tuhan, melakukan suruhan Tuhan, menjauhi laranganNya, dan pembentukan tingkah laku yang baik.	Menekankan aspek kemahiran berfikir, aktiviti kokurikulum, suasana kelas yang kondusif tetapi kadang kala menjemukan, dan penerapan nilai yang ditekankan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.
Asas falsafah	Berlandaskan agama Islam. Membabitkan ilmu sains teknologi, ilmu agama dan ilmu dunia, pengetahuan penggunaan dan pengendalian komputer, pengetahuan pedagogi dan maklumat terkini. Penekanan kepada perlakuan yang baik, pembentukan individu yang sempurna, penggunaan teknologi maklumat. Penekanan pada kebebasan pelajar mengalami sendiri proses pembelajaran dan ke arah pembentukan individu yang seimbang dunia dan akhirat.	Berasaskan pendidikan British yang diubah suai mengikut keperluan masyarakat dan negara. Membabitkan ilmu sains dan teknologi, ilmu keduniaaan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan sukanan pelajaran, dan maklumat tentang perubahan pendidikan dan isu semasa yang tidak disepakati. Membabitkan perlakuan yang baik, menggunakan peperiksaan sebagai penentuan kecemerlangan dan peranan guru sebagai pemancar ilmu, penghasilan pelajar yang berjaya dalam akademik semata-mata.

Dari sudut pendidikan, Lokman menganggap pendidikan bestari sebagai satu usaha mengembangkan potensi individu secara optimum ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, mahir teknologi, pencapaian akademik yang cemerlang, dan berilmu pengetahuan. Selain itu, beliau berpendapat pendidikan bestari membabitkan penggunaan pelbagai kaedah pengajaran, pelbagai alat teknologi, pelbagai bahan, kemudahan yang lengkap, pelbagai program, dan proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang. Sebaliknya, Lokman mentafsirkan pendidikan bukan bestari sebagai satu proses melahirkan individu yang cemerlang

intelek menggunakan pendekatan, kaedah, bahan yang tidak pelbagai, dan mempunyai kemudahan yang tidak lengkap.

Dari sudut kurikulum, Lokman mentafsirkan kurikulum bestari sebagai satu set perancangan perancangan pembelajaran yang lengkap, terperinci, dan fleksibel. Menurut beliau, kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar ke arah pencapaian akademik yang cemerlang, bertingkah laku baik, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, berkemahiran dalam penggunaan teknologi. Beliau juga berpendapat membimbing pelajar mengembangkan bakat dan kebolehan pelajar sebagai tujuan kurikulum bestari. Lokman menjelaskan kurikulum bestari juga membabitkan penyepaduan ilmu, dan penggabungjalinan nilai dan kemahiran dalam semua mata pelajaran menggunakan pendekatan berpusat pelajar, pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, dan pelbagai alat.

Sebaliknya, beliau mentafsirkan kurikulum bukan bestari sebagai kurikulum yang mengandungi huraian yang umum dan tidak lengkap, dan memberi tumpuan kepada aspek perkembangan intelek. Bagi Lokman, kurikulum bukan bestari dibentuk bertujuan membimbing ke arah penghasilan pelajar yang cemerlang akademik. Beliau menjelaskan kurikulum bukan bestari tidak menjelaskan penggabungjalinan dan penyepaduan ilmu pengetahuan, nilai, dan kemahiran dalam semua mata pelajaran.

Dari aspek pengajaran, Lokman berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampaikan maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran menggunakan pelbagai aktiviti dan pelbagai alat teknologi. Selain itu, beliau berpendapat pengajaran bestari membabitkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran. Menurut beliau, soalan yang akan dikemukakan, aktiviti yang menyeronokkan, penerimaan pelajar, kerjasama pelajar,

pencapaian objektif, kelemahan pelajar, dan kebolehan pelajar merupakan perkara yang difikirkan dalam pengajaran bestari. Selain itu, beliau berpendapat pengajaran bestari membabitkan guru melakukan beberapa perkara seperti menyediakan perancangan mengajar, bahan, peralatan, dan melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran. Beliau menjelaskan bahawa pengajaran bestari adalah menyeronokkan tetapi kadang kala menimbulkan merasa serba salah. Bagi Lokman, pengajaran bestari menekankan ketataan kepada Tuhan, penerapan nilai-nilai murni, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, beliau menganggap peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing, penilai, dan mentor.

Sebaliknya, Lokman mentafsirkan pengajaran bukan bestari sebagai aktiviti guru menyampaikan ilmu menggunakan interaksi sebalas, aktiviti yang tidak pelbagai, kemahiran tertentu, dan menekankan kemahiran membaca, mengira, dan menulis. Malahan beliau menjelaskan pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti tertentu seperti menjawab soalan, membuat latihan, dan mencari maklumat. Selain itu, Lokman menganggap pengajaran bukan bestari menimbulkan rasa tertekan dan risau. Seterusnya, beliau berpendapat pengajaran bukan bestari tidak memberi penekanan sewajarnya kepada aspek ketuhanan. Malahan, Lokman menjelaskan bahawa pengajaran tersebut membabitkan pendekatan berpusatkan guru, penggunaan alat, dan aktiviti yang tidak pelbagai. Beliau berpendapat peranan guru dalam pengajaran bukan bestari adalah sebagai pengajar dan penilai.

Lokman mentafsirkan pembelajaran bestari sebagai pembelajaran kendiri. Menurut beliau, pembelajaran kendiri merujuk pelajar belajar secara aktif menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, pelbagai bahan bantu mengajar secara individu dan

berkumpulan. Sebaliknya, Lokman menganggap pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar memperoleh ilmu dari penerangan guru dan pembacaan teks dan majalah.

Dari sudut pentaksiran, Lokman menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran berterusan, holistik, *online*, fleksibel, dan boleh dipercayai. Menurut beliau, pentaksiran tersebut bertujuan mengenal pasti kemajuan pelajar dalam peperiksaan, perkembangan tingkah laku, penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai alat. Lokman menjelaskan pentaksiran bestari dijalankan secara berterusan pada pertengahan tahun, akhir semester, dan pada bila-bila masa yang dikendalikan oleh guru mata pelajaran, guru kelas, ibu bapa, rakan sebaya, dan guru disiplin. Sebaliknya, Lokman menganggap pentaksiran bukan bestari membabitkan ujian dan peperiksaan bertujuan mengenal pasti pencapaian akademik pelajar semata-mata, khususnya penguasaan isi pelajaran menggunakan kertas soalan yang dikendalikan oleh guru pada pertengahan dan akhir tahun.

Seterusnya, beliau menganggap teknologi bestari sebagai alat teknologi seperti komputer, projektor overhead, perakam video, dan televisyen, manakala penggunaan teknologi bestari ditafsirkan sebagai penggunaan secara optimum. Misalnya, teknologi digunakan untuk bagi membantu guru dan pelajar memperoleh maklumat, membekalkan bahan rangsangan, merakam aktiviti, menyampaikan isi, dan membentang hasil kerja menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Sebaliknya, penggunaan teknologi bukan bestari membabitkan penggunaan satu dua alat teknologi secara tidak optimum, terhad pada aktiviti menonton rancangan, dan menaip bahan menggunakan pendekatan berpusatkan guru.

Dari sudut pengurusan, Lokman mentafsirkan pengurusan bestari adalah pengurusan yang lancar dan cekap, iaitu membabitkan penggunaan komputer, membentuk hubungan yang baik dengan guru dan staf. Beliau juga menjelaskan pengurusan bestari membabitkan pelbagai usaha meningkatkan prestasi pelajar, penyediaan alat teknologi yang mencukupi, menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum secara optimum, dan menggunakan teknologi secara optimum. Menurut Lokman, pengurusan bestari membabitkan keprihatinan terhadap kebijakan pelajar dan guru, mengurus wang dengan betul, dan memastikan keadaan sekolah yang bebas dari ancaman. Sebaliknya, Lokman menganggap pengurusan bukan bestari tidak membabitkan penggunaan komputer, aktiviti tidak dirancang, tidak merekodkan alat, bahan dan penggunaan alat, sekali sekala membabitkan penggunaan teknologi, dan menyediakan peralatan yang tidak lengkap. Selain itu, Lokman menganggap pengabaian kebijakan pelajar, masalah disiplin yang tidak terkawal, mengabaikan kebijakan guru, dan menyembunyikan kejadian jenayah tanpa sebarang tindakan sebagai pengurusan bukan bestari. Seterusnya, Lokman berpendapat asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek secara menyeluruh. Menurut beliau, pendidikan bestari membabitkan aspek kognitif seperti aktiviti yang boleh mencungkil pemikiran pelajar dan aktiviti menilai maklumat yang diperoleh, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari pula membabitkan pergerakan fizikal dalam dan luar bilik darjah. Bagi Lokman, aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan suasana kelas yang kondusif, kebebasan pelajar melakukan aktiviti, bersikap terbuka, dan sedia menerima pandangan orang lain. Dari aspek rohani, Lokman berpendapat pendidikan bestari menekankan

kepercayaan kepada Tuhan, mengamalkan ajaran Tuhan, menjauhi laranganNya, dan menekankan pembentukan tingkah laku yang baik. Sebaliknya, Lokman berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan kemahiran berfikir. Beliau berpendapat aktiviti kurikulum merupakan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Seterusnya, beliau berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan suasana kelas yang kondusif dan selesa tetapi kadang kala menjemukan, manakala aspek kerohanian yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan penerapan nilai murni yang hanya ditekankan dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Dari sudut falsafah, Lokman berpendapat pendidikan bestari adalah berlandaskan Agama Islam. Namun begitu, beberapa aspek dalam sistem pendidikan negara maju yang tidak menyalahi agama boleh digunakan sebagai asas pembentukan pendidikan bestari, manakala pendidikan bukan bestari pula berdasarkan pendidikan British yang diubahsuai mengikut keperluan masyarakat dan negara. Lokman berpendapat ilmu sains dan teknologi, ilmu agama, ilmu dunia, pengetahuan tentang penggunaan dan pengendalian komputer, pengetahuan pedagogi, dan maklumat terkini secara bersepada merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, aspek epistemologi dalam pendidikan bukan bestari membabitkan ilmu keduniaan, ilmu agama, pengetahuan pedagogi, pengetahuan sukan pelajaran, maklumat tentang perubahan pendidikan dan isu semasa secara tidak bersepada.

Dari segi tingkah laku, pendidikan bestari dan bukan bestari menekankan pembentukan tingkah laku yang baik. Namun begitu, dari sudut pelaksanaan pendidikan bukan bestari memberi lebih tumpuan kepada kecemerlangan akademik. Selain itu,

Lokman mentafsirkan pembentukan individu yang sempurna dan penggunaan teknologi maklumat merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, penekanan kepada peperiksaan bagi menentukan kecemerlangan pelajar, mementingkan peranan guru sebagai pengendali, pemberi nota, perancang, dan penyediaan tugas; dan penghasilan pelajar yang berjaya dalam akademik semata-mata merupakan keunikan yang beliau kenal pasti terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari sudut logik, Lokman berpendapat peluang dan kebebasan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan usaha ke arah pembentukan individu yang seimbang keduniaan dan keakhiratan sebagai logik yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau menganggap logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan penghasilan pelajar yang berjaya dalam akademik semata-mata.

Arif

Arif ialah seorang guru yang mengajar di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk tingkatan empat dan lima. Arif mempunyai kelulusan Sarjana Muda dari Universiti Malaya. Beliau mengajar selama lima tahun sejak 1996 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, beliau pernah mengikuti latihan sekolah bestari selama satu minggu anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Selain itu, beliau sedang mengikuti kursus penggunaan komputer dan pernah mengikuti kursus dalam pengajaran dan pembelajaran bestari anjuran pihak sekolah.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Arif tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu, makna bestari dan makna pendidikan bestari yang dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 44).

Jadual 44 Makna bestari dan makna pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
• Gambaran mental	<p>Bestari digambarkan sebagai bijak, aktif, dan cemerlang.</p>
• Makna umum	<p>Bestari adalah kemampuan membekalkan pelbagai maklumat dan kebolehan melakukan pelbagai perkara.</p> <p>Berkebolehan menggunakan komputer, berilmu, rajin berusaha, adil, munasabah, tidak pilih kasih, dan suka membantu orang lain.</p> <p>Mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.</p> <p>Berusaha meningkatkan pengetahuan, mengamalkan kebersihan, berkebolehan menggunakan teknologi komputer, dan boleh menggunakan bahasa dengan struktur ayat yang betul.</p> <p>Mempunyai keyakinan yang tinggi dalam melakukan sesuatu tindakan.</p> <p>Guru bestari dibaratkan sebagai lilin.</p>
Pendidikan bestari	
• Gambaran mental	<p>Satu proses mengembangkan potensi individu ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi maklumat dan penglibatan aktif.</p> <p>Satu usaha ke arah melahirkan pelajar mahir menggunakan komputer dan guru berperanan sebagai pembimbing.</p>

sambung....

<ul style="list-style-type: none"> • Makna umum 	<p>Satu usaha mengembangkan potensi individu ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi, dan rohani, bertingkah laku baik, dan berfikir secara kritis dan kreatif.</p> <p>Mempunyai kemudahan pendidikan yang lengkap dan bahan bantu mengajar yang mencukupi dan berkualiti.</p> <p>Melaksanakan program kemahiran komputer, pencegahan salah guna dadah dan rokok, dan motivasi.</p> <p>Membabitkan proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematis. Membabitkan penggunaan teknologi dalam proses pendidikan. Membabitkan amalan berbudi bahasa, menghormati, bertanggung jawab, dan tolong menolong.</p>
--	---

Gambaran mental bestari. Arif menggambarkan bestari sebagai bijak, pintar, dan cerdik. Menurut beliau, bestari itu bijak dalam berfikir, iaitu berkebolehan berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan pelbagai masalah. Arif juga menggambarkan bestari sebagai aktif melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Arif menggambarkan bestari sebagai cemerlang, iaitu berkebolehan memperoleh pencapaian akademik dan kokurikulum. Bagi Arif, pencapaian akademik yang cemerlang merujuk kebolehan pelajar memperoleh gred A, manakala cemerlang dalam kokurikulum merujuk kebolehan mewakili pasukan sekolah dalam pertandingan dan memegang jawatan penting.

Makna umum bestari. Secara khusus, Arif berpendapat bestari merupakan kebolehan menyampaikan maklumat dan kebolehan melaksanakan pelbagai perkara. Selain itu, beliau menganggap bestari membabitkan kebolehan menggunakan komputer dan mengamalkan nilai-nilai murni. Arif juga mentafsirkan bestari merujuk individu yang berilmu, rajin berusaha, adil, murah hati, tidak pilih kasih, suka membantu orang lain, berakhhlak baik, mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Menurut beliau, pencapaian akademik yang cemerlang merujuk berkebolehan memperoleh gred A dan B

dalam peperiksaan. Selain itu, Arif menjelaskan bahawa bestari itu merupakan usaha meningkatkan pengetahuan, mengamalkan kebersihan, kebolehan mengguna teknologi komputer, bertutur mengikut tata bahasa yang betul, berkeyakinan, dan berpegang kepada matlamat dalam melaksanakan sesuatu tindakan.

Metaphor bestari. Arif mengibaratkan guru bestari sebagai lilin yang menyala dan menerangi orang lain. Bagi Arif, lilin yang sentiasa membakar diri menunjukkan kesediaan mengorbankan masa dan tenaga membimbing orang lain pada bila-bila masa yang diperlukan.

Gambaran mental pendidikan bestari. Arif menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu proses mengembangkan potensi individu ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek menggunakan pelbagai alat teknologi penglibatan aktif pelajar. Selain itu, beliau juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang mahir menggunakan komputer. Arif juga menggambarkan pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan guru yang berperanan sebagai pembimbing.

Makna umum pendidikan bestari. Arif berpendapat pendidikan bestari sebagai satu usaha memperkembangkan potensi individu ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek; bertingkah laku baik; dan boleh bersikir secara kritis dan kreatif. Selain itu, Arif menjelaskan pendidikan bestari membabitkan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan mempunyai pelbagai bahan bantu mengajar yang boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, Arif menganggap pendidikan bestari juga membabitkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif seperti melibatkan pelajar secara aktif dalam pelbagai aktiviti dan penggunaan teknologi dalam proses pendidikan. Sebaliknya, pendidikan bukan bestari beliau anggap sebagai satu proses mengembangkan potensi pelajar ke arah melahirkan individu yang baik tingkah laku. Namun begitu, Arif berpendapat pendidikan bukan bestari tidak memberi penekanan kepada penggunaan komputer dalam pendidikan, penglibatan aktif, penggunaan pelbagai bahan dan alat yang tidak pelbagai , dan mempunyai kemudahan yang terhad. Arif menjelaskan bahawa pendidikan bukan bestari membabitkan pelaksanaan pelbagai program dan amalan budaya yang baik.

Makna Kurikulum Bestari

Pengkonseptan Arif tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek khusus, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 44).

Jadual 45 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum bestari	<p>Merujuk satu set sukanan pelajaran yang mendalam.</p> <p>Dibentuk untuk membimbing pelajar mengembangkan potensi, celik dan cekap menggunakan teknologi maklumat, mengembangkan daya berfikir secara kritis dan kreatif.</p> <p>Membabitkan pengetahuan teknologi maklumat, pengetahuan konsep, ilmu dunia, ilmu agama, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, dan kemahiran bahasa.</p> <p>Menekankan aktiviti berkumpulan, penglibatan aktif, penerapan nilai murni, dan pembentukan akhlak mulia.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan penilaian menyeluruh.</p>
Pengajaran bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna Umum 	<p>Satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar, peranan guru sebagai pembimbing, penggunaan pelbagai alat teknologi.</p> <p>Aktiviti guna menyampaikan ilmu pengetahuan, memberi arahan, memberi galakan kepada pelajar, dan melakukan pelbagai aktiviti secara aktif, dan interaksi dua hala.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah kebolehan pelajar, bahan, objektif pengajaran, manakala perkara yang difikirkan semasa mengajar bestari adalah reaksi pelajar terhadap aktiviti dan jawapan kepada soalan yang pelajar akan kemukakan. Selepas mengajar, perkara yang membabitkan pencapaian objektif, penggunaan bahan, penggunaan alat teknologi, keaktifan pelajar.</p> <p>Pengajaran bestari menyeronokkan, kadangkala tidak yakin, dan kadang kala membosankan.</p> <p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, penerapan nilai murni, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Sebelum mengajar, guru menyediakan perancangan mengajar, bahan, dan alat. Semasa pengajaran, guru melaksanakan set induksi, memberi arahan, membimbing pelajar melakukan pelbagai aktiviti. Di akhir pengajaran, beliau memberi pelajar latihan, pengiktirafan, dan melakukan refleksi.</p>

sambung....

	<p>Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar beliau menyediakan alat, kertas edaran, borang penilaian, dan merancang pengajaran. Semasa mengajar, memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk dan menerangkan format. Membabitkan aktiviti pelajar berbincang, menulis, membentang hasil, membaca, menilai persembahan, merumus, memberi markah, dan memberi pengiktirafan. Membabitkan aktiviti berpusatkan pelajar, penilaian rakan dan guru, teknik perbincangan dan pembentangan, penggunaan cara kumpulan, peranan guru sebagai pembimbing, penerapan nilai, dan interaksi dua hala.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, penilai, dan penyampai maklumat.</p>
Pembelajaran Bestari	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui penyertaan aktif secara akses kendiri, terarah kendiri, dan kadar kendiri.</p> <p>Membabitkan cara belajar berkumpulan, berpasangan, dan individu menggunakan pelbagai aktiviti.</p> <p>Menggunakan kaedah perbincangan, lawatan, kajian, dan penyelesaian masalah.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan bercetak dan bahan elektronik.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti.</p>
Pentaksiran bestari	<p>Pentaksiran yang menyeluruh dan dilaksanakan secara berterusan.</p> <p>Bertujuan mengenal pasti perkembangan pelajar secara menyeluruh dan mengenal pasti kesahaman pelajar terhadap isi pelajaran.</p> <p>Menggunakan kaedah pemerhatian, ujian, peperiksaan, dan ujian lisan.</p> <p>Memberi fokus kepada perkembangan intelek, perkembangan afektif, perkembangan rohani, dan perkembangan jasmani.</p> <p>Menggunakan kertas soalan, borang senarai semak, borang catatan, dan komputer.</p> <p>Sesuai dilaksanakan pada bila-bila masa setiap bulan, pertengahan dan akhir semester, selepas satu unit pembelajaran, dan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Pencapaian prestasi yang lebih baik dari aspek akademik, tingkah laku, meningkatkan kepercayaan kepada Tuhan keputuhan kepada ajaran agama.</p> <p>Membabitkan aktiviti menjawab soalan, ujian, peperiksaan, aktiviti persembahan, perbahasan, kuiz, lakonan, dan amalan tingkah laku.</p> <p>Membabitkan guru, ibu bapa, dan rakan sebaya sebagai penilai.</p>

Kurikulum bestari. Arif menganggap kurikulum bestari sebagai satu set perancangan pembelajaran, iaitu mengandungi penerangan terperinci tentang isi kandungan, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan pendekatan penilaian. Menurut Arif, kurikulum bestari dibentuk bertujuan membimbing pelajar mengembangkan potensi, cekik teknologi, dan meningkatkan daya berfikir pelajar.

Selain itu, Arif menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum bestari membabitkan program teras yang memberi fokus kepada ilmu keduniaan, ilmu keagamaan, pengetahuan konsep; program kemahiran yang memberi fokus kepada kemahiran berfikir dan kemahiran belajar; dan program pengayaan yang memberi fokus kepada kemahiran bahasa. Menurut beliau, kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu, pengetahuan yang digabungjalinkan dengan kemahiran dan nilai. Beliau berpendapat aktiviti berbentuk kumpulan, penglibatan aktif, penekanan nilai murni, pembentukan akhlak mulia, penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar, dan penilaian menyeluruh merupakan antara aspek yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Sebaliknya, beliau berpendapat kurikulum bukan bestari menumpukan kepada aspek kognitif. Bagi Arif, kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar ke arah melahirkan pelajar yang lulus dalam peperiksaan. Arif menjelaskan program teras dalam kurikulum bukan bestari membabitkan ilmu dunia dan ilmu agama. Namun begitu, Arif menganggap kurikulum bukan bestari tidak menjelaskan tentang penyepaduan ilmu agama dan ilmu dunia. Selain itu, Arif mentafsirkan kurikulum bestari membabitkan penggabungan jalinan nilai dengan kemahiran berfikir dan kemahiran bahasa. Malahan beliau berpendapat, aktiviti membaca, berbincang, menyalin nota, membuat latihan, dan

mendengar syaranan guru merupakan aktiviti yang sesuai dimasukkan dalam kurikulum bukan bestari. Seterusnya, Arif menjelaskan kurikulum bukan bestari membabitkan pendekatan berpusatkan guru dan penilaian tidak menyeluruh. Menurut beliau, kurikulum bukan bestari memberi tumpuan kepada penilaian kognitif pelajar.

Pengajaran bestari. Arif menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pelbagai teknik dan peranan guru sebagai pembimbing. Beliau juga menganggap pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru memberi ilmu pengetahuan, arahan, membimbing pelajar membina ilmu dengan melakukan pelbagai aktiviti. Arif menjelaskan pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu guru fikirkan. Misalnya, sebelum mengajar guru memikirkan tentang kebolehan pelajar, bahan, dan objektif pengajaran, manakala semasa mengajar guru memikirkan tentang reaksi pelajar terhadap aktiviti dan soalan pelajar. Perkara yang difikirkan selepas mengajar bestari pula membabitkan pencapaian objektif, penggunaan bahan, alat teknologi, dan keaktifan pelajar dalam proses pengajaran.

Arif menganggap pengajaran bestari adalah menyeronokkan apabila pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti. Beliau berpendapat kadang-kadang berasa tidak yakin apabila menggunakan komputer dan kadang-kadang berasa pengajaran bestari membosankan apabila mengajar menggunakan satu tema dalam jangka masa tertentu.

Arif menjelaskan pengajaran bestari juga menumpukan aspek kepercayaan kepada Tuhan, penerapan nilai murni, dan pembentukan tingkah laku baik. Selain itu, pengajaran bestari membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan, dan aktiviti sebelum mengajar, manakala semasa pengajaran, beliau melaksanakan set induksi,

memberi arahan, membimbing pelajar melakukan aktiviti membaca, mendeklamasi sajak, membuat pantomin, membuat latihan, mencari maklumat, menyampaikan pengajaran, dan mengemukakan soalan. Di akhir pengajaran, beliau memberi pelajar latihan bertulis, pengiktirafan, dan melakukan proses refleksi. Dalam konteks amalan bilik darjah, sebelum mengajar guru menyediakan kertas soalan, alat, borang penilaian, dan merancang pengajaran dan pembelajaran. Semasa mengajar, beliau memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk dan aktiviti.

Selain itu, Arif berpendapat pengajaran bestari membabitkan aktiviti guru membimbing pelajar dalam melaksanakan aktiviti perbincangan, penulisan, pembentangan hasilan kerja, pembacaan, penilaian, dan persempahan. Menurut Arif, unsur bestari yang diterapkan dalam pengajaran membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, penilaian guru dan rakan sebaya, penggunaan teknik perbincangan dan pembentangan, penerapan nilai, dan interaksi dua hala. Menurut Arif peranan guru dalam pengajaran bestari adalah sebagai pembimbing, penilai, dan menyampai maklumat.

Sebaliknya, Arif berpendapat pengajaran bukan bestari pula membabitkan aktiviti guru sebagai menyampaikan maklumat, memberi arahan, dan membantu pelajar melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bagi Arif, perkara yang difikirkan sebelum pengajaran bukan bestari adalah isi pelajaran yang hendak disampaikan dan objektif pengajaran. Semasa mengajar bukan bestari, perkara yang difikirkan pula ialah kefahaman pelajaran tentang isi pelajaran, manakala kebolehan pelajar memahami isi pelajaran dan menjawab soalan peperiksaan merupakan perkara yang beliau fikirkan selepas pengajaran bukan bestari. Arif berpendapat pengajaran tidak menyeronokkan apabila pengajaran hanya membabitkan penyampaian guru dan tidak

menggunakan pelbagai teknik pengajaran. Beliau menjelaskan dalam pengajaran bukan bestari menimbulkan rasa marah apabila pelajar mengantuk dan tidak menumpukan perhatian pada pelajaran. Arif menjelaskan bahawa beliau berasa tidak puas dalam pengajaran bukan bestari apabila pelajar hanya mendengar penerangan guru dan tidak melakukan pelbagai aktiviti pengajaran.

Seterusnya, Arif berpendapat penerapan nilai dan pembentukan akhlak yang baik merupakan aspek rohani yang ditekankan dalam pengajaran bukan bestari. Namun begitu, beliau menganggap pengajaran bukan bestari tidak membabitkan penglibatan aktif pelajar. Arif juga berpendapat penyediaan rancangan dan bahan pengajaran seperti petikan, buku teks, dan contoh soalan merupakan perkara yang beliau lakukan sebelum mengajar bestari, manakala semasa mengajar bukan bestari, beliau melaksanakan aktiviti menyampai isi pelajaran dan pelajar membuat latihan. Di akhir pengajaran bukan bestari, pula beliau memberi pelajar latihan kepada pelajar. Selain itu, dalam pengajaran bukan bestari peranan guru adalah sebagai pemberi maklumat dan penilai.

Pembelajaran bestari. Arif menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui pembelajaran akses kendiri, terarah kendiri, dan kadar kendiri. Bagi Arif, pembelajaran akses kendiri merujuk pelajar belajar mendapatkan sendiri maklumat dan meneroka ilmu dari pelbagai sumber, manakala pembelajaran terarah kendiri merujuk peluang pelajar meneroka perkara yang diminati dari pelbagai sumber dengan bimbingan guru. Bagi Arif, pembelajaran kadar kendiri merujuk pelajar belajar mengikut kebolehan. Menurut beliau, pembelajaran kendiri membabitkan penglibatan aktif pelajar dalam membina ilmu pengetahuan dengan bimbingan guru.

Selain itu, Arif berpendapat pembelajaran bestari membabitkan cara belajar individu, berpasangan, dan berkumpulan menggunakan pelbagai aktiviti, pelbagai bahan, dan pelbagai kaedah. Antara lain, beliau menganggap kaedah perbincangan, lawatan, kajian, dan penyelesaian masalah sebagai kaedah pembelajaran bestari. Beliau berpendapat pembelajaran bestari membabitkan penggunaan bahan bercetak dan bahan elektronik. Arif juga menganggap pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari membabitkan proses pelajar memperoleh ilmu daripada guru. Arif menjelaskan bahawa pembelajaran bukan bestari tidak memberi tumpuan wajar kepada aspek penglibatan aktif dan tidak mengambil kira aspek kebolehan pelajar. Selain itu, beliau berpendapat pembelajaran bukan bestari membabitkan cara belajar individu, menggunakan kaedah syarahan dan latihan, menggunakan bahan yang terhad pada penggunaan buku teks, dan aktiviti yang tidak pelbagai.

Pentaksiran Bestari. Arif menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran menyeluruh. Menurut beliau, pentaksiran menyeluruh memberi tumpuan kepada aspek perkembangan intelek, jasmani, rohani, dan emosi. Beliau berpendapat pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran, meneliti kebolehan mengawal emosi, tingkah laku, dan penghayatan. Menurut, Arif pentaksiran bestari boleh dijalankan secara berterusan dari awal hingga akhir persekolahan. Bagi Arif, pentaksiran bestari dilaksanakan menggunakan kaedah pemerhatian, ujian, peperiksaan, dan ujian lisan yang menumpukan kepada keseluruhan perkembangan individu. Malahan beliau mentaksirkan bahawa kertas soalan, senarai semak, borang catatan, dan komputer merupakan alat yang digunakan dalam pentaksiran bestari.

Arif menjelaskan bahawa pentaksiran bestari sesuai dilaksanakan pada bila-bila masa, iaitu setelah selesai satu unit pembelajaran, pertengahan, dan akhir semester, dan semasa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Malahan pentaksiran bestari membabitkan pelajar menjawab soalan peperiksaan, ujian, aktiviti persembahan, perbahasan, kuiz, dan lakonan. Beliau menjelaskan bahawa guru, rakan sebaya, dan ibu bapa merupakan pihak yang terlibat dalam pentaksiran bestari. Sebaliknya, Arif menganggap pentaksiran bukan bestari sebagai sistem penilaian yang memberi tumpuan kepada aspek kognitif. Menurut beliau, ujian dan peperiksaan merupakan kaedah pentaksiran bestari. Arif berpendapat bahawa pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti kemajuan akademik pelajar dan penguasaan terhadap isi pelajaran. Menurut beliau, pentaksiran bestari membabitkan aktiviti pelajar menjawab soalan yang dilaksanakan pada setiap bulan, dua hingga tiga kali sebulan, pertengahan dan akhir semester yang dikendalikan sepenuhnya oleh guru.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonseptan Arif tentang makna pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan sekolah (lihat Jadual 45).

Jadual 45 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara optimum.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen. Menggunakan komputer, projektor overhead, dan radio sekali seminggu dan menggunakan televisyen sekali sebulan.</p>

sambung....

	<p>Digunakan untuk memperoleh maklumat, meningkatkan ilmu pengetahuan, mempelbagaikan aktiviti, membuat persembahan, menghasilkan kerja, dan menghantar mesej.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar.</p>
Pengurusan bestari	
• Gambaran mental	<p>Digambarkan sebagai pengurusan yang membabitkan penggunaan komputer untuk mengurus sekolah.</p>
• Makna umum	<p>Membabitkan penyimpanan rekod yang mudah diperoleh.</p> <p>Membabitkan pengurusan kelas yang menarik, penyediaan kelengkapan bahan dan alat teknologi yang mencukupi, dan perancangan yang teliti.</p> <p>Membabitkan proses merekodkan maklumat menggunakan komputer melibatkan semua pelajar dalam aktiviti kurikulum.</p> <p>Membabitkan penggunaan teknologi mengikut tata cara yang betul.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan secara optimum dan penyimpanan di tempat yang sesuai.</p> <p>Membabitkan penyimpanan rekod pelajar dan mengemas kini maklumat menggunakan komputer.</p> <p>Membabitkan pembahagian tugas guru mengikut opsyen dan membentuk hubungan mesra antara warga sekolah.</p> <p>Membabitkan penyediaan senarai semak, membaik pulih peralatan yang rosak, dan meningkatkan pengetahuan penggunaan peralatan.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan bahan menggunakan komputer dan pengedaran segera maklumat.</p> <p>Membabitkan penyimpanan rekod menggunakan komputer dan merancang penggunaan wang secara sistematis.</p> <p>Membabitkan kawalan keluar masuk pelawat, penyediaan pengawal keselamatan, dan menjamin keselamatan harta benda sekolah.</p>

Penggunaan teknologi. Arif berpendapat teknologi bestari adalah alat teknologi terkini yang memudahkan dan mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, manakala penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan pelbagai alat teknologi seperti komputer, radio, televisyen, dan projektor overhed secara optimum. Menurut beliau, penggunaan yang optimum merujuk penggunaan teknologi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, mengurus sekolah, dan menghantar e-mel.

Selain itu, Arif menjelaskan komputer digunakan untuk mencari dan mengakses maklumat, dan menyediakan soalan. Beliau menggunakan radio sekali seminggu untuk memperdengarkan rakaman petikan lagu, sajak, dan dialog. Menurut Arif, penggunaan projektor overhed seminggu sekali sebagai alat untuk guru menerang konsep dan untuk pelajar membuat persembahan. Manakala televisyen pula digunakan sebulan sekali sebagai alat untuk membekalkan bahan rangsangan bagi melaksanakan aktiviti menjawab soalan, membuat ramalan, dan mencari isi penting. Bagi Arif, ada rancangan televisyen pendidikan yang boleh memberi gambaran situasi sebenar satu peristiwa yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, gambaran tentang orang sedang berucap, bersyarah, dan berpidato.

Arif menjelaskan penggunaan teknologi bestari membabitkan pendekatan berpusatkan. Misalnya teknologi digunakan sebagai alat untuk pelajar membentangkan hasil tugas, mencari maklumat, mendengar rakaman, dan menonton rakaman, dan guru menyampai maklumat, memberi arahan, dan merumus isi pelajaran. Sebaliknya, Arif menganggap penggunaan teknologi tidak bestari merujuk penggunaan teknologi secara tidak optimum. Misalnya, teknologi digunakan untuk melaksanakan aktiviti tertentu seperti mendengar rakaman semata-semata. Beliau berpendapat dalam pengajaran bukan

bestari, radio digunakan sebagai alat untuk memperdengarkan petikan, manakala televisyen merupakan alat untuk menonton rancangan televisyen pendidikan. Menurut beliau, guru juga menggunakan televisyen dan radio sebagai alat yang membekalkan bahan rangsangan untuk aktiviti menjawab soalan kefahaman.

Pengurusan bestari. Arif menggambarkan pengurusan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan penggunaan komputer. Menurut beliau, komputer digunakan sebagai alat untuk menyebar, merekod, mengemas kini, dan menyimpan maklumat. Selain itu, Arif menganggap pengurusan bestari sebagai pengurusan yang kreatif. Menurut beliau, pengurusan yang kreatif membabitkan penyimpanan fail menggunakan cara tertentu seperti menyusun fail mengikut ruang, tajuk, dan warna. Beliau menganggap pengurusan kelas yang bersih, susun meja yang teratur, bahan dan alat teknologi yang mencukupi, dan merancang pengajaran dan pembelajaran dengan teliti sebagai mengurus bestari. Arif berpendapat mengurus bestari aspek non akademik pula membabitkan proses merekodkan penglibatan pelajar dan melibatkan semua pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Beliau menganggap mengurus bestari dari aspek teknologi merujuk penggunaan teknologi mengikut tata cara yang betul, menyimpan di tempat yang sesuai, memberi kemahiran mengendali alat teknologi, dan merekodkan penggunaan teknologi. Arif berpendapat mengurus bestari dari sudut bahan pula merujuk penggunaan bahan yang optimum, iaitu menggunakan teknologi sebagai alat untuk melaksanakan pelbagai aktiviti, menyimpan bahan di tempat yang sesuai, dan memastikan bahan yang ada mempunyai maklumat terkini.

Dari aspek hal ehwal pelajar, mengurus bestari membabitkan aktiviti merekod dan mengemas kini maklumat pelajar menggunakan komputer, manakala pembahagian tugas

guru mengikut opsyen dan kebolehan, dan membentuk hubungan mesra antara guru dengan staf sokongan merupakan mengurus bestari dari aspek sumber manusia. Dari aspek peralatan, Arif berpendapat pengurusan bestari membabitkan penyediaan senarai semak, segera membaik pulih peralatan yang rosak, dan meningkatkan pengetahuan guru dan staf tentang penggunaan peralatan.

Seterusnya, aktiviti merekodkan bahan yang diterima menggunakan komputer dan peredaran segera maklumat kepada guru dan pelajar dianggap beliau sebagai mengurus bestari. Dari aspek kewangan, Arif menjelaskan mengurus bestari membabitkan penyimpanan rekod keluar masuk wang menggunakan komputer, dan merancang penggunaan wang dengan teliti mengikut keperluan. Beliau berpendapat mengurus bestari dari sudut keselamatan membabitkan pengawalan keluar masuk pelawat, penyediaan pengawal keselamatan yang bertanggungjawab, penyediaan peralatan pemadam api yang boleh berfungsi. Sebaliknya, Arif menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Menurut beliau, pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang tidak tersusun, suasana kelas yang tidak selesa, dan penyediaan alat dan bahan yang tidak mencukupi, dan tidak membabitkan penggunaan komputer dalam pengurusan.

Selain itu, beliau menganggap pengurusan tidak bestari juga membabitkan perancangan aktiviti kokurikulum secara tidak teratur, penyimpanan alat di tempat yang tidak sesuai, dan penggunaan teknologi tidak mengikut tata cara betul. Dari aspek bahan, mengurus bukan bestari membabitkan penggunaan bahan yang tidak mengandungi maklumat terkini dan menggunakan sekali sekala bahan sebagai bahan mengajar. Arif juga menganggap penyimpanan maklumat pelajar secara manual, pembahagian tugas

tidak mengikut opsyen dan minat guru, dan tidak memberi peluang yang sewajarnya kepada usaha peningkatan ilmu sebagai mengurus tidak bestari.

Dari aspek bahan, Arif berpendapat tidak membaik pulih peralatan yang rosak, tidak menyediakan senarai semak untuk merekodkan peralatan yang ada, kelewatan mengedor maklumat, tidak merekodkan bahan luar yang diterima, tidak merekodkan keluar masuk wang menggunakan komputer, sistem keselamatan yang longgar, mengabaikan masalah disiplin, menyembunyikan kejadian jenayah di sekolah, dan tidak mengambil tindakan mengatasi masalah disiplin sebagai mengurus tidak bestari .

Asas Pembentukan Pendidikan Bestari

Pengkonseptan Arif tentang asas yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonseptan Arif tentang aspek psikologi yang mendasari pendidikan bestari membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani, manakala pengkonseptan Arif tentang falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 46).

Jadual 46 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas Psikologi	<p>Membabitkan aktiviti mengembangkan pemikiran melalui aktiviti kemahiran berfikir.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Membabitkan keseronokan pelajar melakukan pelbagai aktiviti, memberi pelajar kebebasan dan peluang melaksanakan aktiviti, pujian guru terhadap hasil kerja.</p>

sambunu....

	<p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, pembentukan akhlak terpuji, dan penerapan nilai.</p>
Aspek falsafah	<p>Pembentukan pendidikan bestari perlu berasaskan ajaran Agama Islam.</p> <p>Ilmu dianggap suatu yang dipelajari dari seseorang yang mahir, boleh dipercayai, dan boleh diamalkan dalam kehidupan. Pengetahuan ditafsirkan sebagai sesuatu yang diperoleh dari pelbagai sumber seperti individu, bahan bercetak, alat elektronik, boleh dipercayai, dan berguna untuk diri sendiri, manakala maklumat adalah sesuatu yang diperoleh dari sumber yang tidak tentu kebenarannya. Dalam pembentukan pendidikan bestari perlu ada ilmu keduniaan, ilmu keagamaan, pengetahuan komputer, pengetahuan pentaksiran, dan maklumat terkini.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan pembentukan perlakuan yang baik, penggunaan teknologi maklumat, dan penyepaduan ilmu.</p> <p>Pendidikan bestari merupakan satu usaha mencungkil dan mengembangkan potensi secara optimum bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, dan intelek secara optimum.</p>

Aspek psikologi. Arif berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti mengembangkan pemikiran pelajar. Misalnya, memberi pelajar diberi kebebasan melaksanakan aktiviti menganalisis, berbincang, menjawab soalan, dan mengemukakan pendapat. Menurut beliau, pelbagai aktiviti berbentuk penyelidikan juga membantu mengembangkan pemikiran pelajar seperti membuat soal selidik, mengkaji kebenaran sesuatu fakta, dan membuat analisis. Malahan beliau berpendapat aktiviti menilai, syarahan, ucapan, dan perbahasan juga membantu pelajar meningkatkan pemikiran. Seterusnya, Arif menganggap aktiviti penyoalan boleh mengembangkan pemikiran pelajar. Menurut beliau, soalan berbentuk terbuka membolehkan pelajar membuat analisis sebelum menjawab soalan. Sebaliknya, Arif menganggap aspek kognitif yang ditekankan dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti perbincangan, menjawab soalan, mencari isi, dan menyampai fakta.

Arif berpendapat aktiviti dalam dan luar bilik darjah merupakan aspek psikomotor yang terkandung dalam bestari. Bagi Arif, aktiviti dalam bilik darjah merujuk pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti menulis, berlakon, amali sains, berdrama, bertutur, dan berbincang, manakala aktiviti luar bilik darjah membabitkan aktiviti kokurikulum, pendidikan jasmani, dan pertanian. Sebaliknya, Arif mentafsirkan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan aktiviti kokurikulum, amali sains, pertukangan, lukisan, dan senaman.

Seterusnya, Arif berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, memberi kebebasan pelajar melakukan aktiviti, pujian guru terhadap hasil kerja, penerapan nilai, dan penggunaan pelbagai alat menimbulkan rasa keseronokan kepada pelajar. Sebaliknya, Arif berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan pujian terhadap jawapan pelajar.

Dari aspek rohani, Arif menganggap ketaatan pada Tuhan, pembentukan akhlak mulia, dan penerapan nilai murni merupakan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut beliau, aspek rohani ditekankan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan pelbagai program pendidikan, khususnya program berbentuk keagamaan. Sebaliknya, Arif menjelaskan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pembentukan tingkah laku dan aspek ketuhanan yang diberi tumpuan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Arif berpendapat Agama Islam merupakan asas pembentukan pendidikan bestari. Menurut Arif, Agama Islam menyediakan panduan yang lengkap dari pelbagai aspek tentang kehidupan manusia. Bagi Arif, segala tindakan

yang merujuk pada ajaran Agama Islam membantu menyelamatkan manusia dari melakukan tingkah laku yang tidak baik. Beliau juga berpendapat pendidikan sedia ada yang membabitkan aspek seperti ilmu dunia, ilmu pedagogi, dan penggunaan alat dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi asas pembentukan pendidikan bestari. Sebaliknya, Arif menganggap ontologi pendidikan bukan bestari adalah berasaskan sistem pendidikan penjajah yang telah diubah suai mengikut keperluan negara. Namun begitu, unsur keagamaan yang ada dalam pendidikan bukan bestari tidak memberi penekanan secara menyeluruh dari aspek jasmani, rohani, emosi, dan intelek.

Dari sudut epistemologi, Arif berpendapat ilmu adalah sesuatu yang dipelajari dari seseorang yang mahir, boleh dipercayai, dan boleh diamalkan untuk kesejahteraan diri dan orang lain. Pengetahuan pula, Arif anggap sebagai sesuatu yang diperoleh dari orang lain, melalui pembacaan, alat elektronik, boleh dipercayai, dan berguna untuk diri sendiri. Maklumat pula beliau anggap sebagai satu yang diperoleh dari sumber yang tidak tentu kebenarannya. Arif menjelaskan bahawa pelajar membina sendiri ilmu dunia dan ilmu agama, pengetahuan komputer, pengetahuan tentang pentaksiran bestari, dan maklumat terkini dari pelbagai sumber secara bersepadu dan seimbang. Menurut beliau, pendidikan bukan bestari tidak membabitkan penyepaduan ilmu agama dan ilmu dunia .

Dari sudut aksiologi, Arif menjelaskan pendidikan bestari membabitkan pembentukan perlakuan yang baik, penggunaan pelbagai alat teknologi, dan penyepaduan ilmu dunia dan agama secara seimbang. Sebaliknya, beliau menganggap penerapan enam belas nilai murni sebagai aspek aksiologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari aspek logik, Arif berpendapat usaha mengembangkan potensi individu secara optimum bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek sebagai logik yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, Arif menganggap logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan usaha mengembangkan potensi individu untuk melahirkan insan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Perbezaan Bestari dan Bukan Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Arif tentang pendidikan bestari membabitkan dua aspek khusus, iaitu bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 47).

Jadual 47 Perbezaan bestari dan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan bestari
Pendidikan	Satu usaha mengembangkan potensi secara optimum untuk melahirkan individu yang seimbang; bertingkah laku baik; berfikiran kritis dan kreatif. Membabitkan penggunaan pendekatan pendidikan tertentu seperti kepelbagaiaan kaedah dan bahan, pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, pelbagai aktiviti, penggunaan teknologi maklumat.	Satu usaha mengembangkan potensi pelajar untuk melahirkan individu yang cemerlang intelek. Membabitkan pendekatan berpusatkan guru, tidak membabitkan pelbagai aktiviti dan kaedah, pelajar pasif, penggunaan alat dan bahan secara tidak optimum, kemudahan yang terhad.
Kurikulum bestari	Merujuk satu set perancangan pembelajaran yang mengandungi huraian yang jelas dan terperinci tentang objektif bidang ilmu, kemahiran, aktiviti, bahan, dan teknologi. Dibentuk bagi membimbing pelajar mengembangkan potensi, celik teknologi, dan mengembangkan daya	Kurikulum umum yang tidak mempunyai huraian terperinci, memberi tumpuan hanya pada aspek kognitif. Dibentuk bagi membimbing pelajar untuk lulus peperiksaan, mengabaikan aspek rohani dan jasmani. Tidak menjelaskan penyepaduan ilmu dunia dan ilmu agama dalam semua mata

sambung....

	<p>fikir.</p> <p>Kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu agama, ilmu dunia, pengetahuan konsep, pengetahuan teknologi maklumat, digabungjalinkan dengan kemahiran berfikir, kemahiran bahasa, kemahiran belajar, penerapan nilai. Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan penilaian menyeluruh.</p>	<p>pelajaran.</p> <p>Membabitkan penerapan nilai.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan guru dan penilaian tidak menyeluruh.</p>
Pengajaran	<p>Membabitkan proses guru membimbing pelajar membina ilmu pengetahuan, memberi arahan, dan menggalakkan pelajar membina ilmu dan melakukan pelbagai aktiviti secara aktif.</p> <p>Membabitkan interaksi dua hala, penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar, penggunaan pelbagai alat dan bahan, pelbagai aktiviti, penyediaan perancangan mengajar, sebelum mengajar.</p> <p>Pengajaran yang menyeronokkan dan kadang kala tidak yakin dan membosankan.</p> <p>Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, penerapan nilai murni, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Guru berperanan sebagai pembimbing, penilai, dan menyampaikan maklumat.</p>	<p>Membabitkan aktiviti guru menyampaikan maklumat, dan memberi arahan, aktiviti berbentuk syarahan, membuat latihan.</p> <p>Membabitkan penyediaan perancangan mengajar, bahan petikan, buku teks, dan contoh soalan sebelum mengajar. Membabitkan aktiviti guru menyampaikan isi pelajaran dan membuat latihan.</p> <p>Pengajaran yang tidak menyeronokkan.</p> <p>Menekankan pembentukan tingkah laku yang baik, pelajar tidak aktif, menekankan penerapan nilai, tidak penekankan pada aspek ketuhanan.</p> <p>Membabitkan aktiviti yang terhad, dan penggunaan alat dan bahan yang terhad. Guru berperanan sebagai pemberi maklumat dan penilai.</p>
Pembelajaran	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui pembelajaran akses kendiri, terarah kendiri, dan kadar kendiri.</p> <p>Membabitkan cara belajar individu, berpasangan, dan berkumpulan.</p> <p>Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, bahan, dan pelbagai aktiviti.</p>	<p>Proses pelajar memperoleh ilmu daripada guru. Membabitkan penggunaan alat, bahan, dan aktiviti yang terhad. Membabitkan kaedah tertentu seperti syarahan dan latihan.</p>
Pentaksiran	<p>Pentaksiran menyeluruh Bertujuan mengenal pasti perkembangan pelajar secara menyeluruh, menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai aktiviti, dan pelbagai alat. Dilaksanakan pada bila-bila masa, setiap bulan, pertengahan dan akhir semester, selepas selesai satu unit pembelajaran, dan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan oleh guru, ibu bapa, dan rakan sebaya.</p>	<p>Pentaksiran yang tidak menyeluruh. Memberi tumpuan kepada aspek intelek semata-mata. Membabitkan kaedah ujian, peperiksaan, dan ujian lisan menggunakan kertas soalan yang dikendalikan oleh guru pada setiap bulan, pertengahan dan akhir semester.</p>

Penggunaan Teknologi	<p>Penggunaan teknologi secara optimum.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti dan pendekatan berpusatkan pelajar.</p>	<p>Penggunaan teknologi tertentu secara tidak optimum</p> <p>Penggunaan sekali sekala untuk aktiviti tertentu menggunakan pendekatan berpusatkan guru.</p>
Pengurusan	<p>Membabitkan penggunaan komputer, pengurusan rekod yang teratur, penglibatan aktif pelajar.</p> <p>Pengendalian teknologi mengikut tata cara yang betul dan penyimpan bahan di tempat yang sesuai.</p> <p>Mengambil kira pembahagian tugas guru mengikut opsyen, bakat, minat, dan kebolehan, membentuk hubungan mesra antara warga sekolah, peningkatan pengetahuan guru dan staf, penyediaan senarai semak peralatan, segera membaik pulih peralatan, dan mengurus wang secara sistematis.</p> <p>Membabitkan kawalan keluar masuk pelawat secara sistematis, menyediakan pengawal keselamatan, menyediakan alat menyelamat kebakaran yang boleh berfungsi.</p>	<p>Pengurusan yang tidak tersusun, suasana kelas yang tidak selesa, penyediaan bahan dan alat tidak mencukupi, penggunaan teknologi terhad, tidak menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum, penyimpanan alat di tempat tidak sesuai, penggunaan tidak mengikut tata cara betul, penggunaan bahan secara tidak optimum, dan penyimpanan maklumat secara manual.</p> <p>Pembahagian tugas mengikut opsyen, tidak membentuk hubungan yang erat antara guru dan staf sokongan, sering menyalahkan orang lain, tidak berusaha ke arah meningkatkan ilmu.</p> <p>Penggunaan peralatan yang tidak direkodkan, tidak menyediakan senarai semak, kelewatan merekodkan dan mengedarkan maklumat, keluar masuk wang tidak direkodkan.</p>
Asas psikologi	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani secara menyeluruh dalam proses pendidikan.</p> <p>Menekankan aspek pemikiran yang kritis dan kreatif; pergerakan fizikal dalam dan luar bilik darjah.</p> <p>Membabitkan aktiviti dalam dan luar bilik darjah, memberi peluang dan kebebasan kepada pelajar melakukan aktiviti, pujian guru. Menumpukan aspek kepada Tuhan, penerapan nilai murni, dan pembentukan akhlak mulia.</p>	<p>Menekankan aspek menjawab soalan dan mencari isi; aktiviti melukis, amali sains, kemahiran hidup, dan senaman; pujian terhadap jawapan pelajar; pembentukan tingkah laku yang baik dan penekanan aspek kerohanian hanya dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam.</p>

sambung....

Asas Falsafah	<p>Berasaskan ajaran Agama Islam. Beberapa aspek dalam pendidikan sedia ada digunakan sebagai asas pembentukan pendidikan bestari.</p> <p>Membabitkan ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan konsep, pengetahuan komputer, pengetahuan pentaksiran, dan maklumat terkini secara bersepadu.</p> <p>Penekanan pada pembentukan perlakuan yang baik, penggunaan teknologi maklumat, penekanan ilmu agama dan ilmu dunia secara bersepadu. Menekankan usaha melahirkan insan seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, dan intelek secara optimum.</p>	<p>Berasaskan pendidikan zaman penjajah yang diubah suai dari masa ke semasa mengikut keperluan negara.</p> <p>Membabitkan ilmu agama dan ilmu dunia yang dilaksanakan secara tidak bersepadu. Membabitkan pengetahuan pedagogi dan maklumat terkini.</p> <p>Penekankan perlakuan yang baik dan menerapkan enam belas nilai murni yang terkandung. Dari segi pelaksanaan, hanya memberi penekanan hanya pada aspek perkembangan kognitif.</p>
----------------------	--	---

Dari sudut pendidikan, Arif menganggap pendidikan bestari merupakan satu usaha mengembangkan potensi individu secara optimum bagi melahirkan insan yang bertingkah laku baik, bertatasusila, dan berfikiran kritis dan kreatif. Selain itu, beliau mentafsirkan pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan penggunaan pendekatan pendidikan tertentu seperti penggunaan pelbagai kaedah dan pelbagai bahan dan alat teknologi. Sebaliknya, Arif mentafsirkan pendidikan bukan bestari sebagai satu usaha mengembangkan potensi pelajar secara tidak optimum menggunakan pendekatan berpusatkan guru, tidak membabitkan pelbagai aktiviti, dan tidak menggunakan pelbagai peralatan.

Dari sudut kurikulum, Arif mentafsirkan kurikulum bestari merujuk satu set perancangan pembelajaran yang mengandungi huraiyan yang jelas dan terperinci tentang objektif, bidang ilmu, kemahiran, aktiviti, bahan, dan teknologi. Menurut beliau, kurikulum bestari di bentuk bertujuan membimbing pelajar mengembangkan potensi,

celik teknologi, dan berfikiran kritis. Bagi Arif, kurikulum bestari membabitkan penyepaduan ilmu ilmu dunia dan ilmu agama yang digabungjalinkan dengan nilai dan kemahiran dalam semua mata pelajaran menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan penilaian secara menyeluruh. Sebaliknya, kurikulum bukan bestari beliau kenal pasti sebagai kurikulum umum yang hanya memberi penekanan pada aspek perkembangan kognitif. Bagi Arif, kurikulum bukan bestari dibentuk untuk membimbing pelajar ke arah cemerlang akademik. Selain itu, beliau berpendapat kurikulum bukan bestari tidak menjelaskan penyepaduan ilmu, dan penggabungjalinan kemahiran dan nilai dalam semua mata pelajaran.

Dari aspek pengajaran, Arif berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampai ilmu kepada pelajar dan menggalakkan penglibatan aktif pelajar. Menurut beliau, pengajaran bestari juga membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar, penggunaan pelbagai alat teknologi, dan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beliau menganggap penyediaan perancangan mengajar, penyediaan alat, dan bahan merupakan perkara yang dilakukan sebelum mengajar bestari, manakala semasa pengajaran bestari beliau membimbing pelajar melakukan aktiviti. Di akhir pengajaran pula, beliau melakukan refleksi dan memberi pelajar pengiktirafan.

Arif menganggap pengajaran bestari sebagai menyeronokkan tetapi kadang kala berasa tidak yakin dan membosankan. Bagi Arif, pengajaran bestari memberi tumpuan kepada aspek kerohanian seperti kepercayaan kepada Tuhan, penerapan nilai murni, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Beliau menganggap dalam pengajaran bestari guru berperanan sebagai pembimbing, penilai, dan menyampai ilmu. Sebaliknya, Arif mentafsirkan pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menyampai maklumat,

menggunakan pendekatan tertentu seperti interaksi sehala, aktiviti berbentuk syarahan, dan membuat latihan. Malahan beliau menjelaskan bahawa penyediaan perancangan, bahan petikan, teks, dan contoh soalan merupakan perkara yang dilakukan sebelum pengajaran bukan bestari.

Selain itu, Arif menganggap pengajaran bukan bestari sebagai tidak menyeronokkan dan kadang kala berasa marah apabila pelajar mengantuk dan tidak menumpukan perhatian. Beliau mentafsirkan pengajaran bukan bestari menekankan pembentukan tingkah laku yang baik, tetapi kurang memberi penekanan kepada aspek ketuhanan. Bagi Arif, pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti yang terhad, berpusatkan guru, penggunaan alat dan bahan yang terhad. Beliau menganggap dalam pengajaran bukan bestari guru berperanan sebagai pemberi maklumat dan penilai.

Seterusnya, Arif mentafsirkan pembelajaran bestari merupakan satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui pembelajaran akses kendiri, terarah kendiri, dan kadar kendiri menggunakan pelbagai alat, pelbagai bahan, dan pelbagai kaedah. Beliau berpendapat, pembelajaran bestari membabitkan pelbagai aktiviti pelajar membina ilmu. Sebaliknya, Arif menganggap pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar belajar memperoleh ilmu daripada guru. Menurut beliau, pendidikan tersebut membabitkan aktiviti individu menggunakan kaedah syarahan, menjawab soalan peperiksaan, dan menggunakan teks sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

Dari sudut pentaksiran, Arif menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran menyeluruh bertujuan menilai perkembangan pelajar secara menyeluruh dari aspek jasmani, rohani, emosi, dan intelek; tingkah laku; dan penghayatan agama.

Selain itu, Arif mentafsirkan pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai alat dan aktiviti. Menurut beliau, pentaksiran bestari dilaksanakan pada bila-bila masa pada setiap bulan, pertengahan dan akhir semester, semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan setelah selesai satu-satu unit pembelajaran yang dikendalikan oleh guru, ibu bapa, dan rakan sebaya. Sebaliknya, Arif menganggap pentaksiran bukan bestari merujuk pentaksiran tidak menyeluruh bertujuan mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran dan pencapaian akademik semata-mata menggunakan kaedah ujian, peperiksaan, dan ujian lisan. Menurut beliau, pentaksiran bukan bestari dikendalikan oleh guru pada setiap bulan, pertengahan, dan akhir semester yang membabitkan aktiviti pelajar menjawab soalan peperiksaan, ujian, dan latihan.

Arif menganggap penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen secara optimum untuk membantu guru dan pelajar memperoleh maklumat, meningkatkan ilmu pengetahuan, memudahkan guru mempelbagaikan aktiviti, membuat persembahan, memberi maklumat, menghasilkan kerja, dan menghantar mesej menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Sebaliknya, penggunaan teknologi bukan bestari membabitkan penggunaan radio dan televisyen secara tidak optimum. Menurut beliau, penggunaan secara tidak optimum merujuk penggunaan sekali sekala alat teknologi untuk melaksanakan aktiviti tertentu seperti mendengar rakaman dan menonton rancangan yang bersesuaian dengan tajuk pelajaran menggunakan pendekatan berpusatkan guru.

Dari sudut pengurusan, Arif mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang kreatif, iaitu mengurus sesuatu menggunakan komputer, merekodkan dan

mengemas kini maklumat, melibatkan pelajar secara aktif dalam kurikulum, menggunakan teknologi mengikut prosedur yang betul, mengenal pasti alat teknologi yang boleh berfungsi, menggunakan bahan secara optimum dan terkini, dan menyimpan peralatan di tempat yang sesuai.

Selain itu, Arif berpendapat pengurusan bestari membabitkan pembahagian tugas mengikut opsyen, bakat, minat, dan kebolehan; membentuk hubungan mesra antara warga sekolah; meningkatkan pengetahuan guru dan staf; menyediakan senarai semak peralatan; membaik pulih peralatan, dan mengurus wang secara sistematik. Malahan beliau juga menjelaskan pengurusan bestari membabitkan kawalan keluar masuk pelawat, menyediakan pengawal keselamatan yang bertanggung jawab, mengadakan demonstrasi kebakaran, dan menyediakan alat menyelamat kebakaran yang boleh berfungsi. Sebaliknya, Arif menganggap pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang tidak tersusun, suasana kelas yang tidak selesa, penyediaan bahan dan alat yang tidak mencukupi, pelajar tidak melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum. Malahan beliau berpendapat pengurusan bukan bestari membabitkan penyimpanan alat di tempat tidak sesuai, penggunaan alat tidak mengikut tata cara yang betul, tidak membaik pulih peralatan yang rosak, penggunaan bahan secara tidak optimum, dan bahan yang mengandungi maklumat tidak terkini.

Selain itu, Arif menjelaskan bahawa pembahagian tugas guru tidak mengikut opsyen dan kebolehan, hubungan tidak erat antara guru dengan kakitangan sokongan, dan tidak berusaha meningkatkan ilmu dalam bidang kerja adalah mengurus tidak bestari. Seterusnya, Arif juga menganggap penyimpanan maklumat secara manual, tidak membaik pulih peralatan yang rosak, tidak menyediakan senarai semak, merekodkan

peralatan keluar masuk wang, kelewatan merekodkan dan mengedar maklumat, kawalan keselamatan yang longgar, dan menyediakan pengawal keselamatan yang tidak menjalankan tugas dengan betul sebagai mengurus tidak bestari.

Dari aspek asas psikologi, Arif berpendapat pendidikan bestari menumpukan kepada perkembangan individu dari aspek jasmani, rohani, emosi, dan intelek secara menyeluruh. Beliau berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti yang boleh mengembangkan pemikiran pelajar seperti aktiviti menganalisis, penyelidikan, penilaian, dan aktiviti penyoalan, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari pula membabitkan aktiviti pergerakan fizikal dalam dan luar bilik darjah. Arif menjelaskan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan keseronokan melakukan aktiviti, memberi kebebasan dan peluang pelajar melaksanakan pelbagai aktiviti, pujian guru terhadap hasil kerja pelajar, dan penggunaan pelbagai bahan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dari aspek rohani, Arif berpendapat pendidikan bestari menekankan kepercayaan kepada Tuhan, menekankan amalan dan pembentukan akhlak yang mulia, dan penerapan nilai. Sebaliknya, Arif menjelaskan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti mengembangkan kebolehan berfikir pelajar seperti perbincangan, menjawab soalan, mencari isi, dan menyampai fakta. Beliau menganggap aktiviti kokurikulum, dan pergerakan fizikal dalam mata pelajaran tertentu seperti Kemahiran Hidup, Lukisan, Sains, dan Pendidikan Jasmani merupakan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Seterusnya, Arif berpendapat, aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pujian terhadap

jawapan pelajar, manakala aspek kerohanian yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam.

Dari sudut falsafah, Arif menganggap ontologi pendidikan bestari adalah ajaran Agama Islam, manakala beberapa aspek dalam pendidikan yang sedia ada boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan pendidikan tersebut. Beliau berpendapat pendidikan bukan bestari berasaskan pendidikan barat yang diubahsuai dari masa ke semasa mengikut keperluan negara. Arif juga berpendapat pendidikan bestari menekankan kesepaduan ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan konsep, pengetahuan tentang pentaksiran bestari, dan maklumat terkini.

Dari segi tingkah laku, pendidikan bestari dan bukan bestari menekankan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Arif mentafsirkan penggunaan teknologi maklumat, ilmu dunia dan ilmu agama secara bersepadu dan seimbang merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, Arif berpendapat penerapan nilai murni merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari. Dari sudut logik, Arif menjelaskan logik yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan usaha melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek, dan emosi secara optimum.

Umie

Umie ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Petaling Jaya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk tingkatan tiga dan tingkatan empat. Umie mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sains

Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengajar selama tiga belas tahun sejak 1987 setelah memperoleh latihan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan tugas sebagai guru, Umie pernah mengikuti latihan guru sekolah bestari selama empat belas minggu di maktab perguruan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, beliau pernah menjadi fasilitator dalam latihan sekolah bestari selama satu minggu anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Umie juga merupakan salah seorang fasilitator yang membantu pelaksanaan pendidikan bestari di sekolah.

Makna Bestari

Pada umumnya, pengkonseptan Umie tentang bestari membabitkan dua aspek, iaitu makna bestari dan makna pendidikan bestari dirumuskan secara khusus dalam dua bahagian, iaitu gambaran mental dan aspek umum (lihat Jadual 48).

Jadual 48 Makna bestari dan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Makna bestari	
• Gambaran mental	Bestari digambarkan sebagai terbaik, bijak, dan berkebolehan.
• Aspek umum	Bestari ditarfsirkan sebagai cekap dan sistematik. Mengamalkan tingkah laku bertanggung jawab, berbuat baik, menghormati, dan bersopan santun. Berusaha meningkatkan ilmu, memperoleh gred A dalam peperiksaan, taat pada agama, bertingkah laku baik, aktif, berkebolehan mengawal emosi,

sambung....

	<p>berketerampilan, dan berkemampuan menyumbang tenaga kepada masyarakat dan negara.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, penggunaan bahasa yang gramatis, pelbagai program, penerapan nilai, dan pegangan kepada agama.</p> <p>Bestari dibaratkan sebagai dacing.</p>
Pendidikan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Metafora bestari 	<p>Satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan baik tingkah laku menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai bahan, dan pelbagai alat.</p> <p>Satu usaha mendidik pelajar menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar, penglibatan aktif pelajar, dan guru berperanan sebagai pembimbing.</p> <p>Satu usaha melahirkan pelajar yang celik dan mahir menggunakan komputer.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum 	<p>Satu proses yang berterusan ke arah melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, baik tingkah laku, dan boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai teknologi.</p> <p>Satu usaha ke arah melahirkan individu yang berilmu pengetahuan dalam bidang keduniaan dan keakhiratan.</p> <p>Membabitkan kemudahan yang mencukupi dan boleh berfungsi, pelbagai bahan yang membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Membabitkan program peningkatan ilmu pedagogi, kemahiran menggunakan teknologi, dan kesihatan.</p> <p>Membabitkan budaya kebersihan, amalan mengajar yang sistematik, dan pembentukan tingkah laku baik.</p>

Gambaran mental bestari. Umie menggambarkan bestari sebagai terbaik. Menurut beliau, bestari itu terbaik dalam mengurus pengajaran dan pembelajaran, kewangan sekolah, dan kokurikulum. Menurut Umie, terbaik dalam mengurus pengajaran dan pembelajaran merujuk penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai bahan, dan melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran pembelajaran, manakala mengurus terbaik dalam kewangan dan kokurikulum merujuk mengurus penggunaan komputer dalam

pengurusan. Selain itu, Umie menggambarkan bestari itu sebagai bijak iaitu, berkebolehan dalam menggunakan komputer bagi membantu mempercepatkan pengurusan maklumat.

Makna umum bestari. Secara khusus, Umie berpendapat bestari adalah cekap, iaitu berkebolehan mengendalikan dan mengemas kini maklumat secara teratur, menepati masa, dan melaksanakan sesuatu perkara mengikut prosedur. Umie juga menganggap bestari sebagai sistematik, iaitu berkebolehan menggunakan komputer untuk membantu mengurus maklumat dan menghasilkan kerja yang kemas. Selain itu, beliau mentafsirkan tingkah laku bertanggung jawab, hormat menghormati, dan bersopan santun sebagai sesuatu yang bestari.

Seterusnya, Umie menganggap bestari sebagai kebolehan memperoleh gred A dalam peperiksaan, taat pada agama, bertenang laku baik mengikut kehendak agama dan norma masyarakat, aktif, berkebolehan mengawal emosi, berkemampuan menyumbang tenaga kepada pembangunan masyarakat dan negara, dan berkebolehan mengamalkan penggunaan komputer dalam kehidupan. Beliau juga mentafsirkan kebolehan mengamalkan penggunaan bahasa yang gramatis, kebolehan melaksanakan pelbagai program yang memberi manfaat, dan kebolehan mengamalkan tingkah laku baik sebagai bestari.

Metaphora bestari. Umie mengibaratkan bestari sebagai dacing. Menurut beliau, dacing menunjukkan keseimbangan dalam penggunaan ilmu dunia dan ilmu agama bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, dan intelek.

Gambaran mental pendidikan bestari. Umie menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan baik tingkah

laku. Selain itu, Umie menggambarkan pendidikan bestari sebagai suatu yang berkait dengan pendekatan berpusatkan pelajar, penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai bahan, pelbagai alat teknologi, dan peranan guru sebagai pembimbing. Malahan Umie menggambarkan pendidikan bestari sebagai satu usaha melahirkan pelajar yang celik dan mahir menggunakan teknologi komputer untuk menghadapi cabaran masa kini dan membantu memenuhi keperluan negara dalam bidang teknologi.

Makna umum pendidikan bestari. Umie berpendapat pendidikan bestari sebagai satu proses ke arah melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, baik tingkah laku, boleh menyumbang kepada masyarakat dan negara. Beliau juga menganggap pendidikan bestari sebagai sesuatu yang berkait dengan penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai bahan bantu mengajar, dan pendekatan penilaian yang menyeluruh. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa pendidikan bestari merupakan satu usaha melahirkan individu yang berilmu, berjaya dalam kehidupan di dunia, dan taat kepada Tuhan. Umie berpendapat pendidikan bestari memberi penekanan kepada aspek ketuhanan dan peranan Pencipta.

Seterusnya, Umie menganggap pendidikan bestari membabitkan penyediaan kemudahan yang mencukupi dan boleh berfungsi; penyediaan pelbagai bahan dan alat; pelbagai program peningkatan ilmu; penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari merujuk satu proses melahirkan individu yang berilmu, baik tingkah laku, dan boleh menyumbang pada negara. Menurut beliau, dari segi pelaksanaan pendidikan bukan bestari memberi tumpuan ke arah melahirkan individu yang mementingkan aspek keduniaan. Malahan

Umie menjelaskan pendidikan bukan bestari tidak membabitkan penggunaan pelbagai kaedah; dan penggunaan bahan bantu mengajar yang terhad.

Makna Kurikulum Bestari

PengkONSEPAN Umie tentang makna kurikulum bestari membabitkan empat aspek, iaitu kurikulum bestari, pengajaran bestari, pembelajaran bestari, dan pentaksiran bestari (lihat Jadual 49).

Jadual 49 Makna kurikulum bestari

Aspek	Huraian
Kurikulum bestari	<p>Merupakan satu set perancangan pembelajaran yang tersusun, bersepadu, dan seimbang.</p> <p>Dibentuk bagi membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas menulis, membaca, bertutur, dan mengira; membimbing pelajar tentang kesedaran kepada kewujudan dan kekuasaan Pencipta; dan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Membabitkan pengetahuan terkini, ilmu keduniaan, ilmu agama, kemahiran komunikasi, dan kemahiran belajar.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti, penglibatan pelajar secara aktif, dan penerapan nilai murni.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar dan penilaian yang menyeluruh dan berterusan.</p>
Pengajaran bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental 	<p>Satu proses menyampaikan ilmu menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dan guru berperanan sebagai pembimbing.</p> <p>Satu proses membantu pelajar mengembangkan potensi mengikut kebolehan masing-masing.</p>

sambung....

	Membabitkan penggunaan pelbagai alat teknologi dan pelbagai bahan.
• Makna umum	<p>Aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar, membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku baik menggunakan pendekatan tertentu seperti pelbagai alat dan bahan, pelbagai aktiviti, dan pendekatan berpusatkan pelajar.</p> <p>Perkara yang difikirkan sebelum mengajar bestari adalah kebolehan pelajar, aktiviti, dan penggunaan komputer. Semasa mengajar bestari, perkara yang difikirkan adalah penguasaan kemahiran, dan penerapan nilai murni, manakala perkara yang difikirkan selepas mengajar bestari adalah kelemahan dan kekuatan pengajaran dan langkah meningkatkan kualiti pengajaran.</p> <p>Pengajaran bestari kadang kala menyeronokkan dan kadang kala memberi kepuasan.</p> <p>Membabitkan penekanan pada kepercayaan kepada Tuhan, ketiaamanan kepada agama, dan pembentukan tingkah laku yang baik.</p> <p>Membabitkan penyediaan bahan, persediaan mental dan fizikal guru, keadaan kelas yang bersih, menyediakan rancangan mengajar, dan menyediakan alat teknologi sebelum mengajar. Semasa pengajaran, guru melaksanakan set induksi, menerang konsep, dan membimbing pelajar melakukan pelbagai aktiviti. Di akhir pengajaran, memberi pengiktirafan, latihan bertulis, dan meminta pelajar mencari maklumat.</p> <p>Dalam konteks amalan bilik darjah, perkara yang dilakukan sebelum mengajar adalah menyediakan bahan dan merancang aktiviti pengajaran. Semasa mengajar, guru memulakan pengajaran dengan menyatakan tajuk, dan membahagikan tugas.</p> <p>Membabitkan unsur bestari seperti aspek pelbagai kecerdasan, peranan guru sebagai fasilitator, kerja berkumpulan, pendekatan berpusatkan pelajar, dan memberi kebebasan pelajar membina ilmu.</p> <p>Guru berperanan sebagai penyampai ilmu dan pembimbing.</p>
Pembelajaran bestari	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut kebolehan masing-masing. Membabitkan interaksi dua hala, kepelbagaiannya aktiviti, dan pembelajaran kendiri.</p> <p>Membabitkan cara belajar individu, berkumpulan, dan berpasangan.</p> <p>Menggunakan kaedah penemuan dan kaedah kajian.</p> <p>Membabitkan penggunaan bahan terkini, bahan rakaman, carta, dan peta.</p>
Pentaksiran Bestari	<p>Pentaksiran menyeluruh, berterusan, fleksibel, dan <i>on line</i>.</p> <p>Bertujuan menilai pencapaian pelajar dalam bidang akademik, kurikulum, dan sahsiah; mengenal pasti penguasaan pelbagai aspek kemahiran;</p>

sambung....

	<p>membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku baik, dan menyediakan pelajar dalam bidang pekerjaan.</p> <p>Menggunakan kaedah bertulis, <i>on line</i>, ujian lisan, amali, dan pemerhatian.</p> <p>Menumpukan kepada penguasaan isi pelajaran, kepercayaan kepada Tuhan, tingkah laku, emosi, dan nilai yang diamalkan.</p> <p>Membabitkan penggunaan kertas peperiksaan, soal selidik, kertas catatan, senarai semak, dan komputer.</p> <p>Sesuai dilaksanakan setelah selesai satu unit pembelajaran, sebelum, semasa, dan selepas pengajaran, pertahanan dan akhir semester</p> <p>Menghasilkan prestasi yang lebih baik, pelajar yang lebih cemerlang akademik, jasmani, emosi, dan rohani.</p> <p>Membabitkan aktiviti menjawab soalan, penglibatan dalam kumpulan, dan pembentangan kerja kursus.</p> <p>Membabitkan guru, pentadbir, dan pelajar.</p>
--	--

Kurikulum bestari. Umie menganggap kurikulum bestari sebagai kurikulum yang bersepada. Menurut Umie, kurikulum bersepada membabitkan penyepaduan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek dalam mata pelajaran. Selain itu, Umie mentafsirkan kurikulum bestari sebagai kurikulum seimbang. Menurut beliau, kurikulum seimbang menumpukan kepada penyepaduan dan keseimbangan ilmu dunia dan ilmu agama. Antara lain, kurikulum yang bestari dianggap mengandungi panduan yang menjelaskan perkaitan antara ilmu ekonomi kapitalis dan ilmu ekonomi mengikut tuntutan Islam. Umie menjelaskan bahawa kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas menulis, membaca, bertutur dan mengira; membimbing pelajar mewujudkan rasa kesedaran tentang kewujudan Tuhan dan kekuasaan Pencipta; dan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku baik.

Selain itu, Umie menganggap kurikulum bestari mengandungi beberapa komponen. Antara lain, kurikulum bestari membabitkan program teras yang memberi

fokus kepada ilmu asas dan ilmu agama; program kemahiran yang memberi fokus kepada kemahiran belajar; dan program pengayaan yang memberi fokus kepada kemahiran komunikasi dan pengetahuan konsep. Menurut beliau, kurikulum bestari juga menekankan penyepaduan unsur ilmu, kemahiran, dan nilai dalam semua bidang mata pelajaran. Seterusnya, Umie berpendapat kurikulum bestari juga membabitkan penggunaan pendekatan secara koperatif dan kolaboratif yang melibatkan pelajar secara aktif, berpusatkan pelajar, dan pendekatan penilaian yang menyeluruh dan berterusan.

Sebaliknya, Umie berpendapat kurikulum bukan bestari pula berbeza dengan kurikulum bestari. Menurut beliau, kurikulum bukan bestari tidak membabitkan penjelasan tentang kesepaduan ilmu dunia dan ilmu agama. Bagi Umie, kurikulum bukan bestari tidak menekankan penyepaduan ilmu, penggabungan kemahiran, dan nilai dalam mata pelajaran. Umie menjelaskan kurikulum bukan bestari pula bertujuan membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas dan membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku baik yang secocok dengan norma masyarakat. Umie berpendapat kurikulum bukan bestari membabitkan kemahiran membaca, menulis, dan mengira; ke tidak pelbagai aktiviti, pendekatan berpusatkan guru, dan penilaian berasaskan peperiksaan semata-mata.

Pengajaran bestari. Umie menggambarkan pengajaran bestari sebagai satu aktiviti guru membimbing pelajar memperoleh ilmu menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dan guru berperanan sebagai pembimbing. Beliau juga menggambarkan pengajaran bestari sebagai aktiviti guru membimbing pelajar mengembangkan potensi mengikut kebolehan menggunakan pelbagai bahan dan alat teknologi.

Secara umum, Umie menganggap pengajaran bestari membabitkan proses menyampaikan ilmu, penerapan nilai, pembentukan tingkah laku baik, dan penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar. Seterusnya, Umie berpendapat pengajaran bestari membabitkan beberapa aspek yang perlu difikirkan. Misalnya, guru memikirkan tentang kebolehan pelajar, aktiviti yang sesuai, dan penggunaan teknologi komputer sebelum mengajar bestari, manakala semasa mengajar bestari, perkara yang difikirkan adalah pencapaian objektif, penguasaan kemahiran pelajar, dan penerapan nilai murni. Perkara yang guru fikirkan selepas mengajar bestari adalah kelemahan dan kekuatan pengajaran dan cara meningkatkan kualiti pengajaran.

Umie menganggap pengajaran bestari sebagai suatu yang menyeronokkan apabila pelajar memberi reaksi positif terhadap pengajaran guru. Selain itu, beliau merasa puas apabila pengajaran dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Bagi Umie, pengajaran bestari membabitkan kepercayaan kepada Tuhan, ketiaamanan kepada agama, dan pembentukan tingkah laku mulia. Beliau menjelaskan bahawa penyediaan bahan, persediaan guru dari aspek mental dan fizikal, penyediaan keadaan fizikal bilik darjah yang bersih, penyediaan perancangan mengajar, dan penyediaan alat teknologi merupakan perkara yang dilakukan sebelum mengajar bestari. Perkara yang dilakukan semasa pengajaran bestari adalah melaksanakan set induksi; membimbing pelajar melakukan aktiviti seperti perbincangan, pencarian maklumat, pembentangan hasil kerja; menerang konsep, memberi pelajar tugas, dan mengemukakan soalan kepada pelajar. Seterusnya, memberi pengiktirafan, latihan menulis, dan mencari maklumat merupakan perkara yang dilakukan di akhir pengajaran bestari.

Dalam konteks amalan pengajaran bilik darjah, sebelum mengajar Umie menyediakan bahan dan merancang pengajaran. Semasa mengajar, perkara yang dilakukan membabitkan penyoalan, menyatakan tajuk, dan membahagikan tugas. Selain itu, semasa pelaksanaan pengajaran, perkara yang guru lakukan adalah membimbing pelajar membentangkan tugas, melakukan penilaian rakan sebaya, perbincangan, dan pelajar memberi komen. Menurut Umie, unsur bestari yang diterapkan dalam pengajaran bestari adalah aspek pelbagai kecerdasan, peranan guru sebagai fasilitator, kerja kumpulan, penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar, dalam kebebasan pelajar membina sendiri ilmu. Umie berpendapat dalam pengajaran bestari, peranan guru adalah sebagai penyampai ilmu dan pembimbing.

Sebaliknya, Umie mentafsirkan pengajaran bukan bestari membabitkan guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Malahan beliau berpendapat pengajaran bukan bestari dilaksanakan untuk menghabiskan sukanan pelajaran bagi persediaan menghadapi peperiksaan. Bagi Umie, isi pelajaran merupakan perkara yang difikirkan sebelum mengajar bukan bestari. Semasa mengajar bukan bestari, perkara yang difikirkan membabitkan penguasaan pelajar tentang isi pelajaran, manakala kebolehan pelajar menjawab soalan peperiksaan merupakan perkara yang difikirkan di akhir pengajaran bukan bestari. Menurut Umie, pengajaran bukan bestari ada kalanya menyeronokkan apabila pelajar aktif dan kadang kala berasa tertekan apabila memikirkan tentang kemampuan pelajar menjawab soalan peperiksaan. Umie berpendapat kewujudan dan peranan Tuhan merupakan aspek rohani yang ditekankan dalam pengajaran bukan bestari.

Seterusnya, Umie menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan pembinaan tingkah laku yang mulia melalui interaksi dan teguran guru terhadap tingkah laku pelajar. Dari aspek perlakuan, Umie menjelaskan menganggap perkara yang dilakukan sebelum mengajar bukan bestari adalah menyediakan perancangan mengajar, menyediakan alat teknologi, dan memastikan kelas dalam keadaan yang bersih. Menurut beliau, perkara yang dilakukan semasa mengajar bukan bestari pula membabitkan aktiviti guru memberi penerangan, membimbing pelajar membaca petikan, menjawab soalan, dan berbincang. Seterusnya, Umie berpendapat bahawa kerja susulan dalam bentuk latihan dan memberi pengiktirafan dalam bentuk pujian merupakan perkara yang dilakukan di akhir pengajaran bukan bestari. Bagi Umie, dalam pengajaran bukan bestari guru berperanan sebagai seorang penyampai ilmu semata-mata.

Pembelajaran bestari. Umie menganggap pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut kebolehan. Menurut beliau, pelajar yang mempunyai kebolehan rendah belajar mengikut tahap pembelajaran dari satu hingga tiga secara berperingkat, manakala pelajar yang mempunyai kebolehan tinggi belajar terus tahap dua dan tiga. Bagi Umie, pembelajaran mengikut tahap kebolehan memberi pelajar kebebasan dalam proses membina ilmu dan membantu meningkatkan keyakinan diri. Seterusnya, Umie berpendapat pembelajaran bestari membabitkan pelbagai interaksi antara guru, pelajar, dan rakan sebaya melalui pelbagai aktiviti yang mencabar. Beliau juga menganggap pembelajaran bestari membabitkan aktiviti pelajar melakukan sendiri aktiviti seperti mencari maklumat, meneroka maklumat, dan melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh meningkatkan penguasaan terhadap isi pelajaran.

Selain itu, Umie menganggap pembelajaran bestari merujuk pelajar belajar secara individu, berpasangan, dan berkumpulan. Menurut beliau, belajar secara individu membabitkan aktiviti membaca dan mendeklamasi sajak, manakala belajar secara berkumpulan membabitkan aktiviti perbincangan dan sumbang saran. Menurut beliau, belajar secara berpasangan pula membabitkan hanya dua individu melaksanakan aktiviti tertentu seperti temu duga dan perbincangan. Beliau berpendapat kaedah penemuan dan kaedah ujian sebagai kaedah pembelajaran bestari. Bagi Umie, kaedah penemuan membabitkan pelajar melakukan aktiviti mencari maklumat, membuat analisis, dan penelitian isi, manakala kaedah kajian membabitkan pelajar melakukan aktiviti mencari maklumat, membentuk soal selidik, membuat analisis, dan menulis laporan. Beliau juga berpendapat penggunaan bahan terkini dari internet, surat khabar, majalah, bahan rakaman, carta, dan peta merupakan bahan yang digunakan dalam pembelajaran bestari. Umie menganggap pembelajaran bestari membabitkan kepelbagaiannya aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif seperti aktiviti berlakon, membaca, berbincang, menyelidik, dan mencipta hasil karya. Sebaliknya, beliau berpendapat pembelajaran bestari berbeza dengan pembelajaran bukan bestari. Menurut beliau, pembelajaran bukan bestari merujuk proses pelajar memperoleh ilmu daripada guru. Umie menjelaskan dalam pembelajaran bukan bestari pelajar tidak berpeluang melakukan sendiri proses memperoleh ilmu. Beliau juga mengenal pasti pembelajaran bukan bestari membabitkan aktiviti pelajar mendengar penerangan guru dan melakukan aktiviti yang guru arahkan. Menurut Umie, kertas edaran, dan buku teks merupakan bahan yang digunakan dalam pembelajaran bukan bestari.

Pentaksiran bestari. Umie menganggap pentaksiran bestari sebagai pentaksiran yang menyeluruh. Menurut beliau, pentaksiran menyeluruh membabitkan aspek akademik, non akademik, dan sahsiah. Umie mentafsirkan bahawa pentaksiran bestari sebagai pentaksiran yang berterusan, fleksibel, dan *on line*. Menurut beliau, pentaksiran yang berterusan merujuk pelaksanaan proses penilaian pada bila-bila masa yang sesuai, manakala pelaksanaan yang fleksibel membabitkan pelaksanaan pentaksiran apabila pelajar telah bersedia untuk ditaksir tidak mengira had umur. Pentaksiran *on line* pula membolehkan pelajar menduduki peperiksaan menggunakan komputer pada bila-bila masa dan menghantar kembali jawapan menerusi e-mel. Umie menganggap pentaksiran bestari bertujuan menilai pencapaian dalam akademik, kurikulum, dan sahsiah bagi menyediakan pelajar dalam bidang pekerjaan. Bagi Umie, pentaksiran bestari dilaksanakan menggunakan kaedah bertulis seperti peperiksaan dan ujian, kaedah *on line*, kaedah ujian lisan, kaedah amali, dan kaedah pemerhatian yang memberi fokus pada penguasaan isi pelajaran, pembinaan tingkah laku, pembinaan emosi, penghayatan dan nilai yang diamalkan. Malahan pentaksiran bestari beliau anggap membabitkan penggunaan instrumen tertentu seperti kertas peperiksaan, soal selidik, kertas catatan, senarai semak, dan komputer. Umie menjelaskan bahawa pentaksiran bestari sesuai dilaksanakan setelah selesai satu unit pembelajaran, sekali sekala sebelum dan selepas mengajar, pertengahan dan akhir semester, dan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Umie berpendapat pentaksiran bestari merupakan satu proses penilaian yang boleh membantu ke arah penghasilan prestasi yang lebih baik dan cemerlang dalam aspek akademik, jasmani, emosi, dan rohani. Selain itu, Umie menjelaskan pentaksiran bestari

membabitkan aktiviti tertentu seperti menjawab soalan dan membentangkan kerja kursus. Beliau menjelaskan bahawa guru, pentadbir, dan pelajar merupakan pihak yang terlibat dalam pentaksiran bestari. Sebaliknya, beliau berpendapat pentaksiran bukan bestari hanya memberi tumpuan kepada aspek akademik, manakala aspek sahsiah dan aktiviti kokurikulum hanya dicatat dalam sijil berhenti sekolah. Umie menganggap pentaksiran bukan bestari bertujuan mengenal pasti pencapaian pelajar dalam aspek akademik menggunakan kaedah ujian dan peperiksaan. Bagi Umie, kaedah amali dalam pentaksiran bukan bestari sama dengan kaedah amali yang digunakan dalam pentaksiran bestari. Namun begitu, kaedah ujian lisan dalam pentaksiran bukan bestari hanya dilaksanakan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Seterusnya, Umie menjelaskan pentaksiran bukan bestari memberi fokus kepada penguasaan isi pelajaran semata-mata yang dilaksanakan oleh guru pada setiap bulan, pertengahan tahun, dan akhir tahun menggunakan kertas soalan.

Makna Pengurusan Bestari

Pengkonseptan Umie tentang pengurusan bestari membabitkan dua aspek, iaitu penggunaan teknologi dan pengurusan pendidikan (lihat Jadual 50).

Jadual 50 Makna pengurusan bestari

Aspek	Huraian
Penggunaan teknologi bestari	<p>Penggunaan teknologi mengikut prosedur dan sesuai dengan aktiviti dan tajuk pelajaran.</p> <p>Membabitkan penggunaan projektor overhead, radio, televisyen, dan komputer.</p> <p>Menggunakan projektor overhead sekali seminggu, menggunakan radio sekali dalam dua hingga tiga minggu, menggunakan televisyen sebulan sekali, dan menggunakan komputer dua kali seminggu.</p> <p>Penting untuk menarik minat pelajar, membekalkan bahan rangsangan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Membabitkan pendekatan berpusatkan pelajar.</p>
Pengurusan bestari	
<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran mental • Makna umum 	<p>Digambarkan sebagai sesuatu yang berkait dengan penggunaan komputer.</p> <p>Digambarkan sebagai pengurusan yang cekap.</p> <p>Dianggap pengurusan yang baik dan berkesan.</p> <p>Membabitkan pembahagian tugas mengajar mengikut opsyen, meletakkan guru cemerlang mengajar kelas peperiksaan, memastikan tahap prestasi akademik yang lebih baik, penyimpanan bahan yang teratur, dan penentuan jadual waktu yang sesuai.</p> <p>Mengurus bestari membabitkan pembahagian tugas yang tidak membebankan, meningkatkan pengetahuan guru dalam kurikulum, penyediaan buku panduan khas kurikulum, perancangan program yang sesuai dengan masa, menyediakan matlamat dan objektif program yang jelas, pelaksanaan program mengikut perancangan, mengambil kira pandangan guru dan pelajar dalam merancang program.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan penggunaan teknologi menggunakan komputer dan penyediaan alat teknologi yang cukup.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan menggunakan komputer, menyimpan bahan-bahan di tempat yang sesuai, dan menggunakan bahan mengikut prosedur.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan maklumat pelajar, menangani masalah disiplin mengikut prosedur, dan prihatin terhadap masalah pelajar.</p>

sambung....

	<p>Membabitkan suasana kerja yang menyeronokkan, bilik guru dan kelas yang selesa, pembahagian jadual waktu yang sesuai, penyediaan senarai bidang tugas, dan pembahagian tugas yang seimbang mengikut kemampuan.</p> <p>Membabitkan pengedaran maklumat segera kepada guru dan pelajar merekodkan bahan yang diperoleh. Membabitkan penggunaan wang untuk aktiviti berbentuk akademik, kurikulum dan program peningkatan ilmu.</p> <p>Membabitkan aktiviti merekodkan keluar masuk pelajar, mengadakan pengawal keselamatan, dan menentukan pemilihan pokok yang tidak berbahaya.</p>
--	--

Penggunaan teknologi bestari. Umie berpendapat teknologi bestari adalah teknologi terkini seperti komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen, manakala penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan teknologi mengikut tatacara yang betul mengikut prosedur bagi membantu mencapai matlamat pendidikan.

Umie juga menjelaskan penggunaan teknologi bestari juga merujuk penggunaan teknologi sesuai dengan aktiviti dan tajuk pelajaran. Beliau menjelaskan projektor overhead digunakan sekali seminggu apabila berpeluang ke bilik bestari. Menurut Umie, projektor overhead digunakan untuk menyampaikan konsep isi pelajaran dan untuk pelajar membentangkan hasil kerja. Penggunaan radio pula digunakan dua hingga tiga kali seminggu untuk memperdengarkan rakaman dan merakam aktiviti pelajar, manakala televisyen digunakan sekali sebulan untuk menayangkan rakaman dan menonton televisyen pendidikan yang bersesuaian dengan tajuk pelajaran. Selain itu, Umie menjelaskan bahawa komputer digunakan dua kali seminggu untuk memberi peluang pelajar mengakses maklumat. Namun begitu, Umie berpendapat teknologi komputer merupakan alat yang boleh membantu pelajar melakukan aktiviti menjawab soalan secara *on line*, menyimpan dan mengemas kini maklumat, menghantar e-mel, menaip, menganalisis markah, dan membentang hasil kerja. Bagi Umie, rakaman radio digunakan

sebagai bahan rangsangan bagi melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, manakala televisyen digunakan untuk menayangkan rakaman tentang perkara tertentu seperti teknik membaca sajak yang betul. Umie berpendapat projektor overhead merupakan alat yang membantu guru melaksanakan aktiviti menerang konsep dan memberi pelajar peluang membentangkan hasil perbincangan kumpulan.

Sebaliknya, Umie menganggap penggunaan teknologi dalam kelas bukan bestari pula merujuk penggunaan sekali sekala bagi melaksanakan aktiviti yang tertentu dan tidak membabitkan aktiviti susulan. Misalnya, teknologi hanya digunakan untuk memperdengarkan dan menayangkan rakaman semata-mata. Beliau berpendapat dalam kelas bukan bestari penggunaan alat teknologi terhad pada radio dan televisyen yang digunakan sekali dua dalam satu semester menggunakan pendekatan berpusatkan guru untuk melaksanakan aktiviti mendengar rakaman dan menonton televisyen.

Pengurusan bestari. Umie menggambarkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang cekap, iaitu penyimpanan dan penyebaran segera maklumat, bahan, dan data menggunakan komputer. Umie juga menganggap pengurusan yang baik dan berkesan sebagai pengurusan bestari. Menurut beliau, pengurusan yang baik membabitkan penyimpanan dan perolehan maklumat dengan cepat, manakala pengurusan berkesan merujuk mengurus sesuatu perkara menggunakan komputer. Beliau juga menganggap penjagaan alat dengan baik dan cepat membaik pulih peralatan yang rosak sebagai mengurus bestari. Dari sudut akademik, Umie mentafsirkan mengurus bestari membabitkan pembahagian tugas mengajar mengikut opsyen, meletakkan guru cemerlang di kelas peperiksaan, memastikan tahap prestasi akademik yang lebih baik, menyimpan bahan secara teratur, menentukan jadual waktu yang sesuai dengan beban

tugas guru, pembahagian tugas guru yang tidak membebankan, berusaha meningkatkan pengetahuan guru, merancang program yang sesuai dengan masa, menggariskan matlamat pelaksanaan yang jelas, pelaksanaan mengikut perancangan, dan mengambil kira pandangan guru dan pelajar dalam merancang sesuatu program.

Dari sudut tingkah laku, Umie menganggap pengurusan bestari merujuk aktiviti merekodkan penggunaan teknologi menggunakan komputer dan menyediakan peralatan pendidikan yang mencukupi. Umie berpendapat pengurusan bestari aspek bahan pula membabitkan aktiviti merekodkan bahan menggunakan komputer, menyimpan bahan di tempat yang sesuai, dan menggunakan bahan mengikut prosedur. Dari aspek hal ehwal pelajar, Umie menjelaskan pengurusan bestari merujuk aktiviti merekodkan maklumat pelajar, menangani masalah disiplin pelajar mengikut prosedur, dan prihatin terhadap masalah pelajar, manakala mengurus bestari sumber manusia pula membabitkan penyediaan bilik guru dan kelas yang selesa dan pembahagian jadual waktu mengajar mengikut kemampuan. Beliau juga menganggap penyediaan senarai semak penggunaan peralatan, penyediaan tempat menyimpan yang sesuai, dan penyelenggaraan peralatan dengan baik dianggap sebagai mengurus bestari. Seterusnya, Umie berpendapat pengurusan bestari membabitkan pengedaran segera maklumat kepada guru dan pelajar, dan penggunaan wang untuk aktiviti akademik, kurikulum, dan peningkatan ilmu. Dari sudut keselamatan, beliau menganggap merekodkan keluar masuk pelajar, mengadakan pengawal keselamatan, dan pemilihan pokok yang tidak berbahaya sebagai mengurus bestari.

Sebaliknya, Umie menganggap pengurusan bestari tidak sama dengan pengurusan bukan bestari. Menurut beliau, pengurusan bukan bestari membabitkan penyimpanan

maklumat secara manual, lewat menyempurnakan kerja, menggunakan wang untuk perkara bukan akademik, menyediakan jadual waktu mengajar yang padat, tidak mengambil kira kemahiran guru dalam pembahagian tugas kokurikulum, tiada usaha meningkatkan pengetahuan guru, dan tidak merancang pelaksanaan sesuatu program pendidikan.

Selain itu, Umie berpendapat tidak merekodkan penggunaan teknologi dan bahan, penggunaan alat teknologi secara tidak optimum, dan penyimpanan alat di tempat yang tidak sesuai merupakan mengurus tidak bestari. Umie juga menjelaskan mengurus bukan bestari membabitkan tindakan disiplin yang tidak mengikut prosedur, pengagihan tugas guru yang tidak seimbang, dan tidak menyediakan spesifikasi tugas staf yang jelas. Beliau menganggap kelewatan menyebarkan maklumat kepada guru dan pelajar sebagai pengurusan tidak bestari. Malahan beliau berpendapat tidak menyediakan pengawal keselamatan dan meletakkan peralatan di bilik tidak berkunci merupakan penggunaan tidak bestari.

Asas Pembentukan Pendidikan Bestari

Pengkonsepan Umie tentang asas yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan dua bahagian khusus, iaitu aspek psikologi dan aspek falsafah. Pengkonsepan Umie tentang psikologi membabitkan kognitif, afektif, psikomotor, dan rohani, manakala pengkonsepan Umie tentang asas falsafah yang mendasari pembentukan pendidikan bestari membabitkan aspek ontologi, epistemologi, aksiologi, dan logik (lihat Jadual 51).

Jadual 51 Asas pembentukan pendidikan bestari

Aspek	Huraian
Asas psikologi	<p>Membabitkan kebolehan kognitif pelajar, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, peperiksaan, dan ujian.</p> <p>Membabitkan kebebasan pelajar melakukan pelbagai aktiviti seperti aktiviti pendidikan jasmani, amali sains, amalan dalam Pendidikan Islam, dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Membabitkan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan, memberi peluang pelajar melakukan pelbagai.</p> <p>Membabitkan penerapan nilai, menghubungkaitkan sesuatu fenomena dengan Pencipta, penekanan pada perkara yang dituntut dan dilarang agama. Pelaksanaan aspek rohani dalam semua mata pelajaran secara bersepudu.</p>
Asas falsafah	<p>Pembentukan pendidikan bestari berdasarkan Agama Islam dan pendidikan barat yang tidak bertentangan dengan nilai agama dan masyarakat.</p> <p>Ilmu dianggap sesuatu yang diperoleh dari proses belajar secara formal, lebih mendalam, dikuasai, boleh digunakan dalam kehidupan, dan diperoleh dari seseorang yang pakar dalam sesuatu bidang. Pengetahuan ditafsirkan sebagai sesuatu yang diperoleh melalui interaksi dengan alam sekitar, tidak mendalam, kadangkala boleh digunakan dalam kehidupan, dan boleh diperoleh dari pelbagai sumber, manakala maklumat adalah isu terkini yang diperoleh dari pelbagai sumber, hanya diterima melalui panca indera tetapi tidak dikuasai. Membabitkan ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan pembentukan akhlak, dan maklumat terkini.</p> <p>Pendidikan bestari membabitkan pembinaan tingkah laku terpuji, pendemokrasian pendidikan, dan penggunaan teknologi komputer.</p> <p>Membabitkan usaha mencungkil dan mengembangkan potensi pelajar secara optimum.</p>

Asas psikologi. Umie berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan aktiviti mengikut kebolehan kognitif pelajar. Menurut beliau, pendidikan bestari memberi pelajar kebebasan melakukan aktiviti mengikut kebolehan. Bagi Umie, pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi dikehendaki

melaksanakan aktiviti yang mencabar, manakala aktiviti kurang mencabar diagihkan kepada pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif sederhana dan lemah.

Selain itu, beliau menganggap kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif seperti membuat analisis, persamaan perbezaan, dan aktiviti meramal sebagai aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari. Umie juga berpendapat pelaksanaan peperiksaan dan ujian merupakan aktiviti kognitif yang terkandung dalam pendidikan bestari. Menurut beliau, kepelbagaiannya soalan dalam ujian dan peperiksaan meningkatkan kebolehan berfikir pelajar. Sebaliknya, beliau berpendapat aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti kemahiran berfikir tertentu seperti meramal, membuat peta minda, menyelesaikan masalah. Selain itu, beliau berpendapat proses ‘streaming’ berasaskan keputusan peperiksaan semata-mata merupakan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Seterusnya, Umie menganggap aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan kebebasan pelajar melakukan pergerakan anggota badan membabitkan aktiviti luar dan dalam bilik darjah, aktiviti pendidikan jasmani, amali dalam mata pelajaran sains dan pendidikan Islam. Bagi Umie, aspek kerohanian membabitkan latihan sembahyang dan hafalan surah. Umie menjelaskan aktiviti membaca, berbincang, dan berlakon adalah antara contoh aktiviti dalam bilik darjah yang membabitkan aspek psikomotor. Sebaliknya, aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari pula membabitkan mata pelajaran pendidikan jasmani dan aktiviti berkumpulan yang dilaksanakan sekali sekala dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, Umie berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan pelbagai perkara yang menyeronokkan seperti memberi pelajar kebebasan pelajar melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan menggunakan pelbagai bahan dan pelbagai alat. Sebaliknya, beliau berpendapat aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari hanya membabitkan pelaksanaan sekali sekala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menimbulkan keseronokan kepada pelajar. Dari aspek rohani, Umie menganggap pendidikan bestari membabitkan kepercayaan kepada Tuhan, kesedaran kepada kewujudan Pencipta, pembentukan akhlak yang baik, penerapan nilai-nilai murni, menghubungkaitkan sesuatu fenomena dengan Pencipta melalui aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Selain itu, beliau berpendapat, aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan penyepaduan ilmu. Sebaliknya, Umie menganggap penekanan aspek ketuhanan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam merupakan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Asas falsafah. Dari sudut ontologi, Umie berpendapat ajaran Islam sebagai asal usul yang sesuai sebagai asas pembentukan pendidikan bestari. Beliau menjelaskan ajaran Islam yang diturunkan melalui al-Quran memberi pelbagai panduan tentang kehidupan manusia. Selain itu, beliau menganggap beberapa aspek dalam pendidikan barat yang tidak bertentangan dengan nilai agama dan masyarakat seperti aspek pedagogi, penilaian, pengurusan boleh dijadikan asas pembentukan pendidikan bestari. Umie berpendapat pendidikan bukan bestari pula berasaskan pendidikan barat, khususnya ilmu keduniaan dan aspek pedagogi.

Dari aspek epistemologi, Umie menjelaskan bahawa ilmu merupakan suatu yang diperoleh dari proses belajar secara formal, lebih mendalam, dikuasai boleh digunakan dalam kehidupan, dan dituntut dari seseorang yang pakar dalam bidang tertentu. Pengetahuan pula Umie tafsirkan sebagai sesuatu yang diperoleh melalui interaksi dengan alam sekitar, tidak mendalam, kadang kala boleh digunakan untuk membantu dalam kehidupan, dan boleh diperoleh dari pelbagai sumber, manakala maklumat dianggap beliau sebagai isu terkini yang diperoleh dari pelbagai sumber, diterima, dan tidak dikuasai. Umie berpendapat ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan penggunaan komputer, pengetahuan pembentukan akhlak, dan maklumat terkini sebagai epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Dari sudut aksiologi, Umie menjelaskan pendidikan bestari memberi tumpuan beberapa ciri tertentu, iaitu pembentukan perlakuan yang baik, pendemokrasian pendidikan, dan penggunaan teknologi komputer dalam pendidikan. Sebaliknya, Umie menganggap aspek aksiologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan pembentukan tingkah laku baik dan penekanan kepada kecemerlangan akademik. Menurut beliau, kecemerlangan akademik sebagai penentu pelanjutan pendidikan dan perolehan pekerjaan.

Seterusnya, Umie mentafsirkan usaha mencungkil potensi pelajar secara optimum melalui pelbagai cara seperti penyertaan aktiviti pelajar dalam aktiviti bilik darjah, kurikulum, dan program pendidikan sebagai aspek logik yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau menganggap bahawa usaha mengembangkan potensi intelek pelajar bagi menghasilkan pelajar cemerlang akademik sebagai logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Perbezaan Bestari dan Bukan Bestari

Pada umumnya, pengkonsepan Umie tentang pendidikan membabitkan dua aspek khusus, iaitu bestari dan bukan bestari (lihat Jadual 53).

Jadual 53 Perbezaan antara bestari dengan bukan bestari

Perkara	Bestari	Bukan bestari
Pendidikan	Satu proses melahirkan individu yang seimbang, berilmu pengetahuan, berkemahiran, baik tingkah laku, boleh menyumbang kepada keperluan masyarakat dan negara menggunakan pelbagai kaedah, pelbagai sumber, pelbagai alat teknologi, dan penilaian menyeluruh.	Satu usaha melahirkan individu yang berilmu, memberi penekanan kepada aspek keduniaan menggunakan alat dan sumber yang terhad, kaedah yang tidak pelbagai, dan menggunakan pendekatan penilaian yang tidak menyeluruh.
Kurikulum	Membabitkan kurikulum yang tersusun, bersepadan dan seimbang. Mengandungi huraiān tentang mata pelajaran, kokurikulum, dan program pendidikan. Membabitkan penyepaduan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Penekanan seimbang antara ilmu asas dan ilmu akhirat. Dibentuk bagi membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas menulis, membaca, bertutur, dan mengira; membimbing pelajar ke arah menyedari kekuasaan Pencipta; membimbing ke arah pembentukan tingkah laku yang baik. Membabitkan pengetahuan agama, pengetahuan konsep, ilmu asas, ilmu agama, kemahiran komunikasi, kemahiran belajar secara bersepadan dan seimbang.	Kurikulum yang umum, tidak mengandungi huraiān tentang aktiviti, penerapan nilai. Tidak membabitkan penyepaduan ilmu dunia dan ilmu akhirat. Membabitkan penyepaduan ilmu dunia, kemahiran, dan nilai. Penekanan pada aspek intelek. Dibentuk bagi membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas, penerapan nilai, pembentukan tingkah laku yang baik. Membabitkan pengetahuan konsep, ilmu asas, ilmu agama hanya dalam mata pelajaran agama Islam, kemahiran membaca, menulis, dan mengira, dan penerapan nilai.
Pengajaran	Membabitkan aktiviti guru penyampaian ilmu, penerapan nilai, pembentukan tingkah laku yang baik menggunakan pelbagai alat, pelbagai bahan,	Membabitkan aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar menggunakan pendekatan berpusatkan guru.

sambung...

	<p>pendekatan berpusatkan pelajar, dan penglibatan aktif pelajar.</p> <p>Pengajaran yang menyeronokkan, kadang kala memberi kepuasan. Menekankan kepercayaan kepada Tuhan, berpegang teguh pada agama, tingkah laku baik. Guru berperanan sebagai pembimbing dan penyampai ilmu.</p>	<p>Pengajaran yang kadang kala menyeronokkan dan kadang kala menimbulkan rasa tertekan. Penekanan pada pembentukan tingkah laku, penggunaan alat teknologi yang terhad. Guru berperanan sebagai pemberi ilmu.</p>
Pembelajaran	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut tahap kebolehan.</p> <p>Menibabitkan interaksi dua hala pembelajaran kendiri</p> <p>pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif, pelbagai kaedah dan bahan.</p> <p>Membabitkan pembelajaran secara individu, berkumpulan, dan berpasangan.</p>	<p>Satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui penyampaian guru.</p> <p>Tidak membabitkan perkongsian idea, pelajar tidak aktif, terhad pada kaedah pembacaan dan mendengar penerangan guru. Membabitkan penggunaan kertas edaran dan buku teks sebagai bahan pembelajaran.</p>
Pentaksiran	<p>Pentaksiran yang menyeluruh, <i>on line</i>, berterusan, dan fleksibel. Bertujuan menilai pencapaian pelajar dalam akademik, kurikulum, sahsiah, kepercayaan kepada Tuhan, nilai, dan keaktifan; mengenal pasti penguasaan kemahiran; membimbing ke arah pembentukan tingkah laku yang baik; menyediakan pelajar dalam bidang pekerjaan. Membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai alat, pelbagai aktiviti . Dilaksanakan selepas selesai satu unit pembelajaran, sebelum, semasa dan selepas pengajaran, dan pertengahan dan akhir semester yang dikendalikan oleh guru, pelajar, dan pentadbir.</p>	<p>Pentaksiran tidak menyeluruh, iaitu memberi tumpuan kepada akademik semata-mata. Membabitkan kaedah ujian, dan periksaan menggunakan kertas soalan yang dikendalikan oleh guru pada tiap bulan, pertengahan, dan akhir tahun.</p>
Penggunaan teknologi	<p>Penggunaan alat teknologi secara optimum dalam pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Membabitkan aktiviti, menerang konsep, membentang hasil kerja, mengakses maklumat, dan menjawab soalan secara <i>on line</i>,</p>	<p>Penggunaan teknologi untuk aktiviti memperdengarkan rakaman dan menonton televisyen.</p> <p>Membabitkan penggunaan sekali sekala untuk aktiviti tertentu seperti berbincang dan menjawab soalan kefahaman.</p>

sambung....

Pengurusan	<p>Pengurusan yang baik dan berkesan. Membabitkan pembahagian tugas mengikut opsyen dan tidak membebangkan, guru cemerlang mengajar di kelas peperiksaan, penyimpanan bahan yang teratur, pembahagian jadual waktu yang sesuai, pengetahuan guru, penyediaan buku panduan khas kokurikulum, perancangan program yang sesuai, pelaksanaan program mengikut perancangan.</p> <p>Membabitkan penggunaan komputer, penyediaan alat teknologi yang mencukupi, dan penggunaan bahan dan teknologi mengikut prosedur. Menangani masalah disiplin mengikut prosedur, prihatin terhadap masalah pelajar, penyediaan kemudahan yang konstruktif, dan pengendalian peralatan secara sistematis.</p> <p>Membabitkan pengedaran segera maklumat; penggunaan wang pada aktiviti berbentuk akademik, kokurikulum dan peningkatan ilmu; merekodkan keluar masuk pelajar; menyediakan pengawal keselamatan; dan memastikan pemilihan pokok yang tidak berbahaya.</p>	<p>Pengurusan tidak cekap. penyediaan jadual waktu mengajar yang padat dan membebangkan, pembahagian tugas tidak mengikut kemahiran, tidak berusaha meningkatkan pengetahuan guru, pelaksanaan program secara tidak dirancang, penggunaan teknologi dan bahan secara manual, menangani masalah disiplin</p> <p>pelajar tidak mengikut prosedur, spesifikasi tugas yang tidak jelas, lewat mengedarkan maklumat yang diterima, tidak memberi keutamaan penggunaan wang pada aktiviti akademik dan kokurikulum, tidak menyediakan pengawal keselamatan, dan meletakkan peralatan di bilik yang tidak berkunci.</p>
Asas psikologi	<p>Membabitkan aspek kognitif, afektif, psikomotor, rohani secara bersepadan dalam pendidikan. Merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan, ujian, dan peperiksaan; kebebasan pelajar melakukan pelbagai pergerakan dalam dan luar bilik darjah; pelbagai aktiviti berbentuk penghayatan emosi.</p> <p>penerapan nilai, menghubungkaitkan sesuatu fenomena dengan Pencipta, menekankan perkara yang dituntut dan dilarang agama.</p>	<p>Menekankan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif,</p> <p>pergerakan anggota badan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani sekali sekala aktiviti kumpulan;</p> <p>penekanan pada isi pelajaran yang membabitkan emosi.</p> <p>Membabitkan penekanan penerapan nilai dan aspek ketuhanan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.</p>
Asas falsafah	<p>Berlandaskan ajaran Agama Islam.</p> <p>Membabitkan penyepaduan ilmu dunia, ilmu agama, pengetahuan penggunaan</p>	<p>Berasaskan pendidikan barat dalam bidang ilmu mata pelajaran, dan aspek pedagogi.</p>

sambung....

	<p>komputer, pengetahuan pembentukan akhlak, dan maklumat terkini.</p> <p>Menekankan perlakuan yang baik, pendemokrasian pendidikan, penggunaan komputer, dan pembangunan seluruh aspek perkembangan individu.</p>	<p>Memberi tumpuan kepada aspek kognitif dan tidak memberi tumpuan sejajarnya kepada aspek kerohanian.</p> <p>Membabitkan ilmu dunia dan ilmu agama secara tidak bersepada, membabitkan pengetahuan peperiksaan, pengetahuan mata pelajaran, dan maklumat terkini.</p> <p>Menekankan perlakuan yang baik, pencapaian peperiksaan, dan pengembangan potensi intelek.</p>
--	---	---

Dari sudut pendidikan, Umie menganggap pendidikan bestari sebagai satu proses melahirkan individu yang seimbang dari aspek rohani, jasmani, kognitif, dan emosi, berilmu pengetahuan, berkemahiran, baik tingkah laku, dan boleh menyumbang pada keperluan masyarakat dan negara. Bagi Umie, pendidikan bestari membabitkan pendekatan pendidikan tertentu seperti penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai sumber, pelbagai alat teknologi, pelbagai pendekatan penilaian, melaksanakan pelbagai program, dan mengamalkan budaya baik yang secocok dengan tuntutan agama. Sebaliknya, Umie mentafsirkan pendidikan bukan bestari sebagai satu usaha melahirkan individu yang berilmu, dan bertingkah laku baik. Beliau berpendapat pendidikan bukan bestari tumpuan kepada pembangunan jasmani dan tidak memberi penumpuan kepada aspek kerohanian. Selain itu, beliau berpendapat pendidikan bukan bestari membabitkan penggunaan alat bantu mengajar yang terhad, kaedah yang tidak pelbagai, dan penilaian tidak menyeluruh.

Dari sudut kurikulum, Umie mentafsirkan kurikulum bestari sebagai kurikulum yang tersusun, bersepada, dan seimbang. Menurut beliau, kurikulum yang tersusun mengandungi huraiyan terperinci tentang pelaksanaan akademik, kokurikulum, dan

program pendidikan, manakala kurikulum bersepada membabitkan penyepaduan aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek dalam objektif, kemahiran, mata pelajaran, dan kokurikulum. Kurikulum yang seimbang pula membabitkan tumpuan kepada aspek ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan secara seimbang dan bersepada. Menurut beliau, kurikulum bestari bertujuan membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas menulis, membaca, bertutur, dan mengira; membimbing pelajar menyedari kewujudan kekuasaan Pencipta; dan membimbing ke arah pembentukan tingkah laku yang terpuji. Bagi Umie, kurikulum bestari juga membabitkan pembinaan pengetahuan agama, pengetahuan konsep, ilmu keagamaan, ilmu keduniaan, kemahiran komunikasi, kemahiran belajar secara bersepada dan seimbang.

Sebaliknya, Umie menganggap kurikulum bukan bestari dianggap beliau sebagai kurikulum umum, iaitu tidak mengandungi huraian terperinci tentang aktiviti, penerapan nilai, dan tidak menyepadukan ilmu dunia dan ilmu agama. Beliau berpendapat, kurikulum bukan bestari bertujuan membimbing pelajar mengembangkan kemahiran asas, penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku yang baik. Selain itu, Umie menjelaskan bahawa kurikulum bukan bestari mengandungi pengetahuan konsep mata pelajaran, ilmu asas, ilmu agama, kemahiran mengira, kemahiran menulis, dan penerapan nilai. Namun begitu, kurikulum bukan bestari hanya memberi tumpuan kepada aspek keagamaan dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Dari aspek pengajaran, Umie berpendapat pengajaran bestari merujuk aktiviti guru menyampaikan ilmu, penerapan nilai, dan pembentukan tingkah laku baik menggunakan pendekatan yang konstruktif. Menurut beliau, pendekatan yang konstruktif membabitkan pelbagai aktiviti, pelbagai alat, pelbagai bahan, dan pendekatan

berpusatkan pelajar, dan melibatkan pelajar secara aktif. Beliau juga menganggap pengajaran bestari sebagai menyeronokkan dan kadang kala memberi kepuasan. Bagi Umie pengajaran bestari memberi tumpuan kepada aspek kerohanian dan kebendaan secara bersepadau. Selain itu, beliau berpendapat dalam pengajaran bestari, guru berperanan sebagai pembimbing dan penyampai ilmu. Sebaliknya, Umie menganggap pengajaran bukan bestari membabitkan aktiviti guru menyampaikan ilmu kepada pelajar untuk memperoleh prestasi cemerlang dalam peperiksaan. Umie menjelaskan bahawa pengajaran bukan bestari membabitkan pendekatan berpusatkan guru. Menurut beliau, pengajaran bukan bestari kadang kala menyeronokkan dan kadang kala berasa tertekan.

Namun begitu, Umie berpendapat pengajaran bukan bestari membabitkan penggunaan pendekatan pengajaran yang tidak konstruktif seperti penggunaan alat teknologi yang terhad, aktiviti yang tidak pelbagai, dan penglibatan pelajar tidak secara aktif. Beliau menjelaskan dalam pengajaran bukan bestari guru berperanan sebagai pemberi ilmu.

Umie mentafsirkan pembelajaran bestari sebagai satu proses pelajar memperoleh ilmu mengikut kebolehan. Selain itu, beliau menganggap pembelajaran bestari membabitkan interaksi dua hala antara guru pelajar dan pelajar dengan pelajar. Beliau menganggap pembelajaran bestari sebagai pembelajaran kendiri, iaitu pelajar membina sendiri ilmu melalui pelbagai aktiviti, pelbagai kaedah dan pelbagai bahan secara individu, berpasangan, dan berkumpulan. Sebaliknya, Umie menganggap pembelajaran bukan bestari merujuk satu proses pelajar memperoleh ilmu melalui penyampaian guru. Malahan beliau berpendapat pembelajaran bukan bestari tidak membabitkan pelajar membina sendiri ilmu mengikut kebolehan, terhad pada penggunaan kaedah tertentu

seperti pembacaan, mendengar penerangan guru, dan penggunaan bahan yang terhad pada kertas edaran dan buku teks.

Dari sudut pentaksiran, Umie menjelaskan bahawa pentaksiran bestari adalah pentaksiran yang menyeluruh, berterusan, fleksibel, dan *on line* bertujuan menilai pencapaian pelajar dalam akademik, kurikulum, sahsiah, dan rohani. Selain itu, beliau berpendapat pentaksiran bestari bertujuan mengenal pasti penguasaan kemahiran pelajar, membimbing pelajar ke arah pembentukan tingkah laku yang baik, dan menyediakan pelajar dalam bidang pekerjaan. Menurut Umie, pentaksiran bestari membabitkan penggunaan pelbagai kaedah, pelbagai alat, dan aktiviti yang dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran dan pengajaran, setelah selesai satu unit pembelajaran, semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pertengahan semester, dan akhir semester oleh guru, pentadbir, dan pelajar.

Sebaliknya, Umie menganggap pentaksiran bukan bestari merujuk pentaksiran yang membabitkan aspek akademik bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran melalui kaedah ujian dan periksaan menggunakan kertas soalan. Bagi Umie, pentaksiran bukan bestari dikendalikan oleh guru pada tiap bulan, pertengahan, dan akhir tahun.

Seterusnya, beliau mentafsirkan penggunaan teknologi bestari membabitkan penggunaan alat teknologi seperti komputer, projektor overhead, radio, dan televisyen mengikut prosedur bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Umie berpendapat alat teknologi tersebut digunakan untuk membantu melaksanakan aktiviti tertentu seperti menjawab soalan, menerang konsep, mengemas kini maklumat, menaip, dan menganalisis markah menggunakan pendekatan berpusatkan

pelajar. Sebaliknya, Umie menganggap penggunaan teknologi bukan bestari membabitkan penggunaan alat teknologi yang terhad untuk aktiviti memperdengarkan rakaman dan menonton televisyen yang digunakan sekali sekala berasaskan pendekatan berpusatkan guru.

Dari sudut pengurusan, Umie mentafsirkan pengurusan bestari sebagai pengurusan yang cekap, iaitu mengurus menggunakan komputer. Misalnya, beliau menganggap komputer boleh membantu dalam menyimpan dan mengedarkan maklumat. Selain itu, Umie berpendapat pengurusan bestari membabitkan pembahagian tugas mengikut opsyen, tidak membebankan dan seimbang antara guru, membuat pembahagian jadual waktu yang sesuai, meletakkan guru cemerlang mengajar di kelas peperiksaan, sistem penyimpanan bahan secara teratur, berusaha meningkatkan pengetahuan guru dalam kurikulum, menyediakan buku panduan khas kurikulum, merancang program yang sesuai, menyediakan objektif yang jelas, melaksanakan program mengikut rancangan, dan mengambil kira pandangan guru dan pelajar dalam merancang sesuatu program. Seterusnya, Umie menjelaskan pengurusan bestari juga membabitkan penggunaan komputer untuk merekodkan penggunaan peralatan, bahan, aktiviti pelajar, menyediakan alat teknologi yang mencukupi, dan menggunakan bahan dan teknologi mengikut prosedur.

Dari aspek hal ehwal pelajar, beliau menjelaskan bahawa usaha menangani masalah disiplin pelajar mengikut prosedur, prihatin terhadap masalah pelajar, mewujudkan suasana kerja yang menyeronokkan, menyediakan bilik yang selesa, menyediakan senarai tugas, menyediakan senarai semak peralatan, dan penjagaan alat dengan baik sebagai mengurus bestari. Umie juga menganggap pengedaran segera

maklumat kepada guru dan pelajar, penggunaan wang bagi aktiviti akademik, kurikulum, dan program peningkatan ilmu sebagai mengurus bestari. Dari aspek keselamatan, Umie menjelaskan pengurusan bestari membabitkan aktiviti merekodkan keluar masuk pelajar, menyediakan pengawal keselamatan, dan memastikan pemilihan penanaman pokok yang tidak berbahaya. Sebaliknya, Umie menganggap pengurusan bukan bestari adalah pengurusan yang tidak cekap, iaitu pengurusan maklumat yang tidak teratur, penyediaan jadual waktu yang padat dan membebankan, pembahagian tugas tidak mengikut kemahiran, pelaksanaan sesuatu program yang tidak dirancang dengan betul, penggunaan teknologi dan bahan tidak direkodkan dalam komputer, menghukum pelajar tidak mengikut prosedur, spesifikasi tugas yang tidak jelas, dan kelewatan menyalurkan maklumat. Umie mentafsirkan penggunaan wang tidak mengikut keutamaan, tidak menyediakan pengawal keselamatan, dan meletakkan peralatan di bilik tidak berkunci sebagai mengurus bukan bestari.

Umie berpendapat bahawa asas psikologi yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan penekanan kepada aspek kognitif, emosi, jasmani, dan intelek secara bersepada. Menurut beliau, perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, ujian dan peperiksaan sebagai aspek kognitif yang terkandung dalam pembentukan pendidikan bestari, manakala aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bestari membabitkan kebebasan pelajar melakukan pelbagai pergerakan dalam dan luar bilik darjah. Bagi Umie, aktiviti yang pelbagai berbentuk penghayatan emosi aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bestari.

Seterusnya, Umie berpendapat penerapan nilai, menghubungkaitkan sesuatu fenomena dengan Pencipta, dan menekankan perkara yang dituntut dan dilarang agama dalam semua mata pelajaran secara bersepada merupakan aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, Umie menjelaskan aspek kognitif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Beliau mentafsirkan aspek psikomotor yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan aktiviti fizikal dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan sekali sekala dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beliau berpendapat isi pelajaran yang membabitkan emosi merupakan aspek afektif yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari, manakala aspek rohani yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan penerapan nilai murni dan aspek ketuhanan yang ditekankan hanya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Dari sudut falsafah, Umie berpendapat pendidikan bestari dibentuk berdasarkan ajaran Agama Islam, manakala pendidikan bukan bestari beliau anggap berdasarkan sistem pendidikan barat. Menurut Umie, bidang ilmu keduniaan dan pedagogi merupakan aspek yang diambil dari sistem pendidikan barat. Beliau mentafsirkan sistem pendidikan barat menekankan ke arah penghasilan pelajar yang cemerlang akademik mengabaikan aspek kerohanian. Umie menganggap ilmu agama, ilmu dunia, pengetahuan komputer, pengetahuan pembentukan akhlak, dan maklumat terkini secara seimbang dan bersepada merupakan aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau menjelaskan bahawa aspek epistemologi yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan ilmu dunia, ilmu agama pengetahuan peperiksaan, pengetahuan mata pelajaran, dan maklumat terkini secara tidak bersepada. Selain itu,

Umie berpendapat pendidikan bestari dan pendidikan bukan bestari menekankan pembentukan tingkah laku yang baik, manakala aspek pendemokrasian pendidikan, penggunaan komputer dalam pendidikan merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, Umie berpendapat orientasi pencapaian pelajar yang membabitkan peperiksaan semata-mata merupakan keunikan yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari.

Dari sudut logik, Umie menganggap usaha mencungkil potensi pelajar secara optimum sebagai logik yang terkandung dalam pendidikan bestari. Sebaliknya, beliau menjelaskan bahawa logik yang terkandung dalam pendidikan bukan bestari membabitkan usaha mengembangkan potensi pelajar dari sudut intelek semata-mata.